

MODUL



يأياسن قباغون ايكو نومج اسلام مليسيا
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)



INSPIRASI PENDIDIKAN YaPEIM 2022

Sijil Pelajaran Malaysia

BAHASA MELAYU



www.yapeim.my  info@yapeim.my

TERUS MELONJAK MEMACU KEJAYAAN
#IngatKebajikanIngatYaPEIM

Cetakan 2022

Modul Inspirasi Pendidikan YaPEIM 2022 Sijil Pelajaran Malaysia Bahasa Melayu

© Hak cipta Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada penerbit.

EBOOK ISBN: 978-967-2385-17-2

Diterbit oleh:

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

No 46E1, Mentari Business Park, Jalan PJS 8/2,

Dataran Mentari, 46150, Petaling Jaya, Selangor.

Website: www.yapeim.my

Dicetak oleh:

Reds Bis Trading

No. 31B, Jalan Lengkungan Brunei Off Jalan Pudu,

55100 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
1. Ucapan Penghargaan	i
2. Pengenalan YaPEIM	ii-vi
3. Agihan Program YaPEIM	vii
4. Isi Kandungan Modul	1
5. Modul Inspirasi YaPEIM Bahasa Melayu SPM 2022	2-96



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّا جَعَلْنَا لَكُمْ فِي هَذَا حَقَّ مَالِكٍ

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

UCAPAN PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi
Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah swt kerana diizinkan oleh-Nya dan diberi kekuatan untuk warga YaPEIM secara keseluruhannya meneruskan tugas yang dipertanggungjawabkan dalam merealisasikan visi dan misi institusi ini, disamping menyantuni masyarakat selaras dengan pelaksanaan inisiatif terbaru iaitu Program Inspirasi Qaseh yang merupakan program bantuan yang lebih lengkap dan menyeluruh akan dilaksanakan oleh Skuad Qaseh di seluruh negara, program ini merangkumi Program Foodbank 3.0, Inspirasi Pendidikan YaPEIM, Dana Inspirasi Malaysia, Inspirasi Prihatin YaPEIM, Inspirasi Sinar Kasih & Inspirasi MyH.A.U.S. Program Inspirasi Pendidikan YaPEIM yang dilaksanakan ini adalah program khusus bagi menyantuni kumpulan sasaran di kalangan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi meningkatkan kapasiti dan kehidupan mereka.

Dengan kesempatan ini Pihak YaPEIM ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program khususnya kepimpinan dan warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pengetua dan Guru Besar serta Guru-guru yang memberi sokongan dan dokongan kepada YaPEIM. Setinggi penghargaan juga kepada Guru - guru Cemerlang yang telah bertungkus lumus dalam membangunkan Modul bagi kegunaan Program Inspirasi Pendidikan YaPEIM 2022

Seterusnya, Pihak YaPEIM merakamkan ucapan terima kasih juga kepada semua penyumbang Tabung Amanah YaPEIM yang telah menyumbang dalam bentuk kewangan bagi mengerakkan Program Inspirasi Qaseh ini dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga segala usaha dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan program ini mendapat ganjaran sebaik-baiknya.

Seluruh warga YaPEIM mendoakan jalinan kerjasama ini akan terus dipertingkatkan dan dimantapkan pada masa akan datang.

TERUS MELONJAK MEMACU KEJAYAAN



يَا يَاسَن قِبَاغُون اِيكُونُو مَجِدِ اسْلَام مَلِيْسِيَا

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

PENGENALAN YaPEIM

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) adalah sebuah yayasan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 13 Oktober 1976 dan diperbadankan di bawah *Trustees (Incorporation) Act 1952*. Bagi menggerakkan potensi dan meluaskan peranannya, YaPEIM telah disusun dan dilancarkan semula pada 20 Julai 1984 oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. YaPEIM ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah melalui Surat Ikatan Amanah YaPEIM.



VISI

Institusi unggul menerajui pembangunan sosioekonomi secara inklusif dan berkesan bagi kesejahteraan ummah.



MISI

Komitah dalam usaha memperkasa ekonomi ummah dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik, efisien dan berintegriti.



TAGLINE

**'Terus Melonjak
Memacu Kejayaan'**

NILAI UTAMA



OBJEKTIF KORPORAT



SOSIAL BISNES

Pelaksanaan program-program sosial bisnes yang berdaya saing, inovatif, efisien, berkualiti dan patuh syariah yang memberi impak kepada pembangunan sosioekonomi & kesejahteraan masyarakat melalui penyediaan kemudahan pembiayaan mikro kredit, platform dan sokongan dalam pembangunan usahawan.



BISNES

- Pelaksanaan aktiviti bisnes yang dapat menjana keuntungan kepada institusi bagi memperkukuhkan kedudukan institusi melalui pengurusan kewangan dan pentadbiran yang cekap dan mengamalkan amalan tadbir Urus yang baik.



PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DAN AMAL JARIAH

- Membudaya dan menyediakan prasarana yang mudah dan diyakini untuk masyarakat beramal jariah
- Penyampaian sumbangan amal jariah kepada benifisari dengan pelbagai pendekatan yang telus dan efektif serta bermanfaat kepada ummah



يَا يَاسَن قِبَاغُون اِيكُونُو مَجِدَ اسْلَام مَلِيْسِيَا


YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

TERAS UTAMA YaPEIM



TERUS MELONJAK MEMACU KEJAYAAN

Struktur Pelan Strategik berdasarkan tema 'Terus Melonjak Memacu Kejayaan' dibangunkan dengan mengambilkira Prinsip-Prinsip Panduan yang digunakan menggariskan objektif dan Teras Strategik seperti berikut



Petunjuk:

■ Tema
■ Prinsip Maqasid Syariah
■ Prinsip WKB







■ Prinsip SDG
Objektif
■ Teras Strategik


TERUS MELONJAK MEMACU KEJAYAAN

ISI KANDUNGAN

MODUL INSPIRASI PENDIDIKAN YaPEIM

BAHASA MELAYU SPM 2022

PERKARA	MUKA SURAT
Panduan Mengarang	2
Penggunaan Penanda Wacana	3
 KERTAS 1 - Bahagian A dan B	
Set 1	4
Set 2	6
Set 3	8
Set 4	10
Set 5	12
Set 6	14
 KERTAS 2 - Bahagian A, B dan C	
Set 1	16
Set 2	31
Set 3	41
Set 4	51
Set 5	61
 KERTAS 3 – Bahagian A dan B	
Ujian Bertutur Individu	71
Ujian Bertutur Kumpulan	72
 KERTAS 4	
Ujian Mendengar	73
 Cadangan Jawapan	77
 Format Instrumen	96
Sijil Pelajaran Malaysia	
Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Bahasa Melayu (1103)	



PENGGUNAAN PENANDA WACANA DALAM PENULISAN KARANGAN

PENANDA WACANA PENDAHULUAN

Dasawarsa ini, saban hari...	Belakangan ini...
Dalam era modenisasi...	Dalam era globalisasi kini...

PENANDA WACANA AYAT ISI UTAMA

Pada hemat saya...	Pada pendapat saya...
Jika ditinjau dari sudut yang lain pula...	Beralih kepada perspektif seterusnya...

PENANDA WACANA AYAT HURAIAN

Hal ini dikatakan demikian kerana...	Perkara ini disebabkan...
Hal ini bermaksud...	Secara tidak langsung...

PENANDA WACANA AYAT CONTOH

Contohnya,	Sebagai contoh,
Tamsilnya,	Misalnya,

INGAT

Penanda wacana berfungsi untuk menyambung atau menyusun urutan idea.

PENANDA WACANA AYAT PENEGASAN

Sudah terang lagi bersuluh...	Jelaslah bahawa...
Oleh itu, kita dapat simpulkan bahawa...	Memang tidak dapat dinafikan lagi...

PENANDA WACANA AYAT KESIMPULAN

Kesimpulannya,	Jelaslah...
Konklusinya,	Intihanya, ...

PENANDA WACANA AYAT PERIBAHASA

Hal ini bersesuaian dengan peribahasa Melayu...	Pujangga Melayu ada menyebut...
...bak kata pepatah Melayu...	Benarlah kata orang tua-tua...




KERTAS 1

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan **pasukan keselamatan** yang terdapat di Malaysia. Huraikan pendapat anda tentang **pasukan keselamatan** yang terdapat di Malaysia. Panjang huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.



ANGKATAN PERTAHANAN AWAM



Menyediakan perkhidmatan kecemasan dan khidmat bantuan kemanusiaan di seluruh negara.

Sumber: www.civildefence.gov.my

Misi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) adalah untuk memberi perkhidmatan kebombaam dan penyelamatan profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat. Antara tugas penyelamat JBPM ialah kerja-kerja untuk mengeluarkan mangsa kemalangan daripada kenderaan, menyelamatkan mangsa runtuh bangunan serta mencari dan menyelamatkan mangsa lemas.

Sumber: www.bomba.gov.my



Memadamkan kebakaran dan menyelamatkan mangsa kebakaran



Memberikan bantuan kepada mangsa banjir

BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

Budi Bahasa Budaya Kita merupakan satu slogan kebanggaan negara. Budi bahasa ialah norma kehidupan masyarakat Malaysia yang terkenal dengan santun perkataannya dan indah pertuturannya. Kepentingan mengamalkan budaya berbudi bahasa ialah seseorang itu akan dihormati, perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat dapat diwujudkan dan pelancong akan seronok melancong di negara kita.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menyatakan kepentingan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan berbudi bahasa dapat melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Tulis sebuah rencana yang bertajuk 'Kepentingan Budi Bahasa dalam Kalangan Masyarakat'.


Soalan 2:

Sejarah telah dijadikan mata pelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tujuannya adalah untuk melahirkan generasi muda yang dapat mengelakkan diri daripada mengulangi kesilapan. Kesilapan yang telah berlaku dahulu sepatutnya dijadikan pengajaran. Penghayatan sejarah juga dapat menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.

Sumber: *Internet*

Sebagai respons terhadap kandungan petikan di atas, kita hendaklah mempelajari mata pelajaran Sejarah kerana kita mendapat pengajaran daripada peristiwa yang berlaku.

Bincangkan kebaikan-kebaikan mempelajari mata pelajaran Sejarah.



KERTAS 1

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan kitar semula.
Huraikan pendapat anda tentang kebaikan kitar semula di negara kita.
Panjang huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Kangar – Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) Perlis akan mempergiat program Bank Kitar Semula ke sekolah dan diperluas ke pelbagai sektor termasuk jabatan kerajaan di seluruh negeri. Program ini akan dilaksanakan dan diperluas ke peringkat tadika, sekolah rendah dan menengah.

Kebaikan program ini dapat mengurangkan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah dan kos pembinaan tapak pelupusan baharu, menjimatkan sumber tenaga dan mengurangkan pemanasan global.

Sumber: *Berita Harian*

BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan**.

Soalan 1

Permainan tradisional merupakan permainan lama yang diwarisi sejak zaman nenek moyang kita. Antara contoh permainan tradisional ialah congkak, gasing dan batu seremban. Permainan ini mempunyai keunikan yang tersendiri namun semakin dilupakan. Remaja zaman ini lebih cenderung bermain permainan moden.

Sumber: *Internet*

Permainan tradisional semakin dilupakan oleh masyarakat kini. Oleh itu, pelbagai pihak haruslah berganding bahu untuk mempopularkan permainan tradisional.

Beri komen anda.


Soalan 2

Patriotisme bermaksud perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Semangat ini wajar dipupuk sejak anak-anak masih di bangku sekolah lagi sehingga peringkat universiti dan seterusnya menjangkau usia warga emas. Tidak kira bangsa dan keturunan, kesetiaan kepada raja dan negara ialah benteng pegangan kita yang berpegang teguh pada prinsip Rukun Negara.

Sumber: *Berita Harian Online*

Semangat cinta akan negara haruslah terus subur dalam sanubari setiap warganegara. Namun, semangat ini semakin luntur dalam kalangan masyarakat.

Jelaskan cara-cara yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.



KERTAS 1

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.

Anda dikehendaki **membalas satu daripada e-mel di bawah**. Tulis e-mel anda itu selengkapnya. Panjangnya e-mel anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

e-mel 1

Balas | Padam | Arkib | Pindah ke | Kategori

Daripada: iffah_alias@gmail.com
 Kepada: irfaan21@gmail.com
 Subjek: Cuti-cuti Malaysia

Salam hormat, Irfaan,

Apa khabar? Maafkan saya kerana sudah lama tidak mengutuskan e-emel kepada awak.

Untuk pengetahuan awak, saya baru sahaja selesai menduduki peperiksaan pertengahan tahun di sekolah saya. Selepas puas mengulang kaji pelajaran dan membuat persediaan untuk menduduki peperiksaan tersebut, kini tibalah masa untuk saya merehatkan minda. Ayah saya sudah bersetuju untuk membawa saya seisi keluarga pergi bercuti.

Setahu saya, awak dan keluarga awak juga selalu bercuti setiap kali cuti sekolah bermula. Berdasarkan pengalaman awak, bolehkah awak cadangkan destinasi percutian yang sesuai dan sebab-sebab saya dan keluarga saya patut memilih destinasi tersebut?

Saya menantikan balasan e-mel daripada awak.

Sahabatmu,
 Iffah

e-mel 2

Balas | Padam | Arkib | Pindah ke | Kategori

Daripada: hana@gmail.com
 Kepada: reynita@gmail.com
 Subjek: Impian saya

Reynita,

Apa khabar awak di sana? Saya harap awak dan keluarga sihat-sihat belaka. Sudah lama kita tidak berutus berita semenjak awak bertukar ke sekolah baharu. Saya percaya keadaan ini berlaku kerana kita berdua sibuk dengan urusan masing-masing. Saya harap keadaan ini tidak berterusan.

Untuk pengetahuan awak, saya telah dilantik menjadi pengerusi rumah sukan Emerald pada tahun ini. Saya berazam untuk memimpin rumah sukan ini sehingga menjadi juara. Namun, pada tahun ini, beberapa orang atlet yang hebat daripada rumah sukan kami telah menamatkan alam persekolahan mereka. Ada juga dalam kalangan ahli rumah sukan yang kurang yakin akan kemampuan kami untuk mencabar kejuaraan. Pada pendapat awak, apakah perkara-perkara yang patut saya lakukan untuk memimpin rumah sukan saya menjadi juara pada tahun ini?

Saya akan menantikan balasan e-mel daripada awak. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih atas cadangan awak itu. Sekian, terima kasih.

Yang benar,
 Hana

BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

MELAKA, 1 Oktober - Belakangan ini, trend membeli barang secara dalam talian banyak mengubah tabiat berbelanja rakyat di negara ini. Kemudahan yang ditawarkan oleh pengendali perniagaan secara e-dagang seperti Shopee, Lazada, Zalora dan lain-lain memudahkan pengguna berbelanja kerana prosesnya mudah dan harga produk juga lebih murah berbanding di kedai. Oleh itu, setiap individu perlu merancang perbelanjaan harian dan mengamalkan amalan menabung. Selain itu, setiap individu mestilah mendahulukan keperluan daripada kemahuan. Pengguna menjadi ketagih untuk membuat pembelian dan tidak lagi mengutamakan keperluan ketika berbelanja secara dalam talian.

Sumber: www.bernama.com

Petikkan berita menjelaskan bahawa corak perbelanjaan masyarakat melalui platform e-dagang telah menyebabkan sikap boros berbelanja meningkat.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk mengamalkan amalan berjimat cermat?


Soalan 2

Kemajuan teknologi terkini dan globalisasi mencetus perubahan dunia perniagaan. Perniagaan, perkhidmatan dan pembelian barangan secara dalam talian melalui laman sesawang telah mewujudkan pusat beli-belah terbesar di dunia. Selain kemajuan teknologi, perubahan ini juga didorong oleh peningkatan secara mendadak dalam penggunaan komputer, pelbagai peranti pintar dan capaian Internet yang tinggi. Walaupun kedengaran terlalu baik, peniaga dan pembeli haruslah sedar akan risiko yang boleh dihadapi jika tersilap mengatur langkah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kebaikan dan Kelemahan Pembelian Secara Dalam Talian',
Ringgit Edisi Julai, 2016

Petikkan memperihalkan kebaikan aktiviti jual beli sama ada barangan mahupun perkhidmatan yang dijalankan secara dalam talian.

Bincangkan.



KERTAS 1

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan menuntut ilmu dalam kehidupan seharian. Huraikan pendapat anda tentang **amalan menuntut ilmu**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Menuntut Ilmu Penting dalam Kehidupan

KUALA LUMPUR - Bergelar usahawan siswa pada usia muda bagi pelajar Universiti Malaya (UM) Noraain Mohd Said, 26, sudah boleh membuatkan beliau tersenyum lebar kerana berjaya meraih pulangan yang membanggakan. Meskipun begitu, mahasiswa ini masih memilih untuk meneruskan pengajian dan berpendapat pelajar universiti awam di negara ini tidak melupakan hasrat untuk meneruskan pengajian masing-masing, sebaliknya menjadikan peluang itu sebagai saluran pembelajaran sepanjang hayat.

Menurutnya, beliau berpegang pada peribahasa Melayu iaitu ilmu jambatan hidup. Tambahnya lagi, peribahasa ini membuktikan bahawa ilmu itu sangat penting dalam kehidupan. Apabila mempunyai ilmu, kita akan mudah untuk mendapat peluang pekerjaan yang baik.

Sumber: *Berita Harian* 28 Mac 2018

Pantun Kepentingan Ilmu

Pagi-pagi ke pasar tamu,
Hendak bertemu dengan si nyonya;
Indah hidupnya orang berilmu,
Ke mana pergi harum namanya.

Ingat selalu nasihat bonda,
Agar menjadi orang beriman;
Penuhkan ilmu di dalam dada,
Panduan hidup zaman berzaman.

*Asmah Tayeb
Johor Bahru*

BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

Kemakmuran sesebuah negara amat bergantung pada keutuhan dan kemantapan hubungan dalam setiap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, jantina, bangsa, agama dan budaya. Dalam era globalisasi ini, sikap mementingkan diri dan sikap tidak mempedulikan orang lain semakin menebal seperti yang terkandung dalam peribahasa Melayu bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing. Jika hal ini dibiarkan, semangat kejiranan akan luntur seterusnya menjejaskan perpaduan negara.

Sumber: *Harakah Daily*, 23 Mei 2017

Petikan di atas menggambarkan betapa pentingnya semangat kejiranan diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat.

Huraikan manfaat yang anda peroleh jika semangat hidup berjiran menjadi amalan dalam kehidupan.


Soalan 2

Amalan membaca wajar dijadikan sebagai rutin kehidupan dan santapan minda. Kajian yang dilakukan menunjukkan kadar membaca rakyat Malaysia meningkat kepada lapan buah buku dalam setahun pada tahun 2010 berbanding dengan dua buah buku pada tahun 1996. Pada tahun 2014, rakyat Malaysia dikatakan membaca secara puratanya sebanyak 15 buah buku setahun. Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat maju yang dapat menguasai pelbagai bidang dalam kehidupan mereka ialah masyarakat yang suka membaca.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 1 2018

Petikan di atas menunjukkan minat membaca dalam kalangan masyarakat semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha perlu dilakukan untuk memastikan amalan membaca menjadi budaya dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Beri ulasan anda.



KERTAS 1

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan kerja kosong. Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan resume diri anda yang lengkap bagi permohonan satu pekerjaan yang anda minati. Panjangnya resume anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

PUSAT SUKAN UNIVERSITI

JAWATAN KOSONG

JURULATIH SAMBILAN SUKAN 2021

SENARAI SUKAN YANG MEMERLUKAN
KHIDMAT JURULATIH SAMBILAN



**BOLA TAMPAR
LELAKI**



MENDAKI



KARATE



**SILAT
OLAHRAGA**

JOM SERTAI KAMI

07 4537490/7439 noorsaddam@uthm.edu.my

PUSAT SUKAN UNIVERSITI www.uthm.edu.my/en



JABATAN PENERBANGAN AWAM

80 KEKOSONGAN SELURUH NEGARA

GAJI RM1,794.00 - RM9,637.00++

Jawatan kosong
di Jabatan Penerbangan Awam DCA 2020.
Tawaran dipelawa kepada
warganegara Malaysia yang berkelayakan
untuk memohon bagi mengisi
jawatan kosong berikut;

- ✓ Pegawai Kawalan Trafik Udara A41
- ✓ Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara A29

PELUANG KERJAYA

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan



**PENGAMBILAN KADET
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
BAGI MENGIKUTI KURSUS DIPLOMA
PASCASISWAZAH PENGURUSAN AWAM
SESI 2022**

**IJAZAH
PENGURUSAN
DAN
PROFESIONAL**

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Kekosongan : 400 Simpanan: 50

BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

Tan Sri P. Ramlee ada menegaskan bahawa irama dan lagu tidak dapat dipisahkan. Jika dipisahkan maka pincanglah karya tersebut. Begitulah juga dengan remaja dan didikan agama. Mereka akan pincang akhlak sekiranya ibu bapa memandang enteng dalam soal memberikan didikan agama kepada remaja. Didikan agama yang sempurna dapat melahirkan remaja yang berakhlak mulia.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menggambarkan kepentingan didikan agama oleh ibu bapa dalam membentuk akhlak remaja.

Jelaskan langkah-langkah pelbagai pihak untuk melahirkan generasi muda yang berakhlak mulia.


Soalan 2

Alam sekitar kita telah mengalami pencemaran udara, air dan bunyi yang tiada kesudahannya. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan namun usaha murni ini seperti mencurahkan air ke daun keladi. Tahap kesedaran masyarakat menjaga alam sekitar masih rendah. Penguatkuasaan yang tegas wajar diambil bagi memelihara alam sekitar di negara ini.

Sumber: *Berita Harian*

Petikan di atas menggambarkan keadaan alam sekitar yang semakin membimbangkan. Pelbagai pihak wajar memainkan peranan bagi memastikan pemeliharaan alam sekitar secara berterusan.

Ulasakan.



KERTAS 1

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan buah-buahan tempatan.

Berdasarkan maklumat tersebut, tulis pendapat anda tentang **penganjuran pesta buah-buahan tempatan**.

Panjangnya pendapat anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.



SEREMBAN: Kerajaan negeri akan mewujudkan peraturan baharu menetapkan semua majlis rasmi disajikan menu buah-buahan tempatan sebagai galakan mengamalkan pemakanan sihat. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani, Bakri Sawir, berkata langkah itu bertujuan menggalakkan orang ramai memakan buah-buahan tempatan berkhasiat. Katanya, usaha itu juga dapat membantu pengusaha buah-buahan tempatan memasarkan hasil ladang mereka, sekali gus meningkatkan pendapatan. "Kita seharusnya menggalakkan rakyat mengambil buah-buahan tempatan yang bukan sahaja baik untuk kesihatan, malah mengandungi pelbagai vitamin dan mineral."

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018>

Mohd Amin Jalil, 24 Julai 2018

BAHAGIAN B
[70 markah]
[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

Laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan peningkatan kes denggi sebanyak lapan peratus pada setiap minggu bermula Januari hingga Jun 2020 dengan jumlah kes 48,584 dan 84 kematian. Faktor utama yang mempengaruhi peningkatan kes demam denggi adalah persekitaran yang tidak bersih. Setiap anggota masyarakat disarankan untuk menjaga kebersihan kawasan persekitaran dan memusnahkan tempat takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Masyarakat harus sedar betapa pentingnya menjaga kesihatan diri sendiri, keluarga dan orang sekeliling kita.

Sumber: Internet

Kesedaran rakyat Malaysia tentang kepentingan menjaga kebersihan di kawasan kediaman masih lagi rendah.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memastikan kawasan kediaman mereka dalam keadaan bersih?


Soalan 2

Cuti yang panjang sudah tentu memerlukan perancangan agar diisi dengan kegiatan bermanfaat bagi memastikan pelajar tidak membuang masa dengan perkara sia-sia. Kini, sebaik tiba musim cuti sekolah, kebanyakan ibu bapa akan menghantar anak ke kem motivasi dan seumpamanya kerana mahu memberi ilmu dan pengalaman baharu yang akan mengubah serta meningkatkan nilai diri mereka.

Sumber: Harian Metro, 25 November 2019

Petikan di atas menyatakan bahawa kem motivasi sangat berguna kepada murid kerana mereka boleh berjaya dalam pelajaran apabila mempunyai motivasi yang tinggi.

Bincangkan kepentingan yang diperoleh murid jika menyertai kem motivasi.



KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]



Soalan 1: Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata majmuk. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata majmuk tersebut untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.


Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan peningkatan kes rasuah berskala besar atau luar biasa membabitkan kakitangan awam sejak pandemik COVID-19 melanda negara. Beliau menjelaskan, Malaysia hakikatnya memiliki sistem tadbir urus dan yang baik, namun dikhianati dan dirosakkan oleh segelintir penjawat awam yang tidak melaksanakan tanggungjawab. Semua pihak diharapkan dapat memberikan kerjasama untuk membendung amalan rasuah daripada terus berleluasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kes Rasuah Skala Besar Meningkatkan Ketika Pandemi'
Ahmad Suhael Adnan dan Irwan Shafrizan Ismail
Berita Harian, 10 April, 2021
[8 markah]



PANDUAN MENJAWAB SOALAN SINTAKSIS (SOALAN 2)

Murid mesti menguasai aspek-aspek penting dalam pembentukan ayat.

- 
- 1
 - 2 Baca dan fahami arahan soalan.
 - 3 Baca petikan yang diberi dengan teliti.
 - 4 Tulis jawapan berpandukan arahan soalan yang diberi.

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pemakanan yang sihat sangat penting bagi kanak-kanak yang sedang membesar kerana mempunyai banyak kebaikan kepada fungsi kognitif dan psikologi kanak-kanak. Kementerian Kesihatan telah memaklumkan peningkatan jumlah kanak-kanak yang obesiti dari tahun ke tahun. Melalui pemakanan yang sihat, masalah obesiti dan kekurangan zat makanan dapat dibendung dari awal sebelum meningkat dewasa. Terdapat juga, kanak-kanak yang mengalami masalah kekurangan zat makanan kerana cenderung mengambil makanan rapu yang tidak mengandungi nutrien untuk pemsaran. Tidak dapat dinafikan, pendidikan pemakanan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan keseronokan kanak-kanak untuk mengambil makanan yang berkhasiat. Sebagai ibu bapa, kita hendaklah meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan pemakanan untuk anak-anak.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kepentingan Pendidikan Pemakanan pada Peringkat Awal,
oleh Hayati Adilin MAM,
Dewan Siswa Bil.11,2018
[6 markah]



PANDUAN MENJAWAB SOALAN PENYUNTINGAN SOALAN 3

- 1 Baca keseluruhan petikan dengan teliti.
- 2 Tuliskan kesalahan bahasa tersebut dan betulkan.
- 3 Anda boleh menggariskan kesalahan bahasa yang dikenal pasti pada bahagian petikan.
- 4 Anda dinasihati agar mengenal pasti kesalahan bahasa mengikut arahan soalan.

Soalan 3: Penyuntingan

Dalam petikan di bawah terdapat **beberapa kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Menurut kajian, katak di dakwa dapat membantu manusia untuk mengesan kejadian gempa bumi. Berdasarkan uji kaji dan pemerhatian, katak mampu mengesan perubahan persekitaran dan mampu merasa kegiatan bumi yang akan berlaku dalam tempoh berdekatan. Menurut salah seorang penkaji Rachel Grant, katak mampu mengesan tanda-tanda berlaku gempa bumi seperti lepasan gas dan habok yang mungkin menjadi amaran awal akan berlakunya gempa bumi.

Sumber: *Internet*
[6 markah]

Petikan 2

Peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja semakin meningkat dari masa ke semasa. Kita sering kali melihat di dada-dada akhbar dan mendengar di corong-corong radio mengenai tentang perlakuan negatif seperti vandalisma, merempit dan ponteng sekolah yang dilakukan oleh para remaja pada masa kini. Kebejatan sosial dalam kalangan remaja kini semakin meragukan pelbagai pihak. Oleh itu, semua pihak wajar menganding bahu untuk mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah ini.

Sumber: *Internet*
[6 markah]



PANDUAN MENJAWAB SOALAN BAHASA MELAYU STANDARD (SOALAN 4)

1. Gugurkan kata klasik seperti maka, syahadan, hatta dan sebermula.
2. Kekalkan bahasa istana seperti patik, beta, baginda, hamba, dayang dan beradu.
3. Kekalkan tanda baca dan ayat dalam bentuk dialog.
4. Kekalkan bentuk dan urutan cerita dalam petikan.
5. Kekalkan nama watak, gelaran, tempat dan peralatan.
6. Tulis dalam bentuk perenggan sama seperti dalam petikan asal.

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka sembah Kertala Sari, "Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa."

Dipetik daripada
'Kepimpinan Melalui Teladan',
dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]



BENTUK SOALAN PERIBAHASA (SOALAN 5)

Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi



Soalan 5: Peribahasa

Isi tempat kosong yang terdapat dalam perenggan di bawah dengan peribahasa yang sesuai.

Apabila banjir melanda, ketua kampung sering menasihati penduduk kampung supaya tidak mementingkan diri sendiri seperti _____(i)_____. Pesannya, sebagai masyarakat yang prihatin, kita mestilah tolong-menolong antara satu sama lain. Bencana banjir ini telah menyebabkan harta benda dan rumah penduduk kampung musnah sehingga ada yang tinggal _____(ii)_____. Namun, mangsa banjir yang kehilangan tempat tinggal, berasa amat berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana mengumumkan bantuan pembinaan rumah baharu untuk mereka. Mereka sangat berbesar hati dengan bantuan tersebut bersesuaian dengan peribahasa _____(iii)_____.

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

Soalan 6: Petikan Umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Ibu bapa dan guru wajar mendidik anak-anak ke arah pembentukan *sifat positif* dalam kehidupan mereka. Pandangan yang positif mestilah sentiasa diberikan kepada anak-anak melalui kata-kata motivasi yang berkesan. Pemupukan akhlak dan nilai murni dapat membentuk anak-anak yang berkeyakinan dan mempunyai jati diri yang kukuh. Sebagai contoh, seorang bapa mempunyai cara tersendiri bagi menggembirakan anak dalam proses sosiologi mereka. Ketegasan mereka dapat mendidik anak menjadi anak berdisiplin, bertanggungjawab, berdikari dan memahami tugas sebagai generasi yang mempunyai jati diri unggul. Melalui ketegasan, mereka dapat mengelakkan anak terjebak dalam rencah masalah sosial seperti merokok, melepak dan lumba haram.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Psikologi dalam Mendidik Anak-anak dan Pelajar'
oleh Aminudin Mansor
Dewan Masyarakat, 22 Disember 2021

Bahan 2

Tugas mendidik anak menjadi tanggungjawab ibu bapa. Namun, tugas mendidik anak agar menjadi insan yang berguna saban hari semakin sukar. Lazimnya, anak-anak pada awal usia amat mudah mengikuti pengaruh persekitarannya. Pelbagai cara digunakan oleh ibu bapa kepada anak khususnya dalam aspek pergaulan seharian untuk meningkatkan keyakinan diri dalam pergaulan. Ibu bapa berperanan mendidik anak-anak agar menjalani gaya hidup sihat dan memberikan sokongan terhadap pembelajaran anak-anak. Pada peringkat usia muda, anak-anak telah diasuh agar menjaga kebersihan diri dan makan pada waktunya.

Sumber: *Internet*

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *sifat positif*. [2 markah]

- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cara-cara mendidik pembentukan sifat positif dalam diri anak-anak [3 markah]

- iii) Masa lapang ialah masa yang terluang selepas waktu persekolahan atau waktu bekerja. Pada masa lapang, setiap orang mempunyai aktiviti masing-masing untuk dilakukan.

Pada pendapat anda, apakah aktiviti yang boleh dilakukan oleh murid-murid untuk mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah?

[3 markah]

- iv) Rakan anda yang sering ponteng sekolah kerana tidak minat untuk belajar. Dia telah diberikan amaran bertulis oleh unit disiplin sekolah.

Sebagai rakan yang prihatin, bagaimanakah anda dapat mengelakkannya daripada mengulangi kesalahan itu?

[4 markah]

Soalan 7: Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dalam seketika sahaja hutan dara itu telah ternoda. Kini, hutan itu telanjang polos, sedangkan selama ini busana hijau yang menutupinya. Segala-galanya sirna dalam sekelip mata. Yang tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul-tunggul mati. Perasaan kesal telah menggores dada Pak Tua. Matanya berkaca-kaca. Beribu-ribu dan mungkin berjuta-juta iklim alam mengambil masa menenun busana hijau untuk bumi, tetapi dalam sekelip mata jentolak yang dipandu oleh Pak Tua telah merobek dan mengoyak habis busana rimba.

Dalam layar gelap yang nampak hanya lori-lori balak yang mengaum sombong sambil mengangkut batang-batang kayu sebesar sepemeluk hingga dua pemeluk orang dewasa. Timbunan batang-batang kayu itu terikat kemas di atas tubuh sang lori. Sesekali tubuh lori-lori balak itu terhenjut-henjut ketika lapan biji rodanya melalui jalan tanah merah yang berdebu dan tidak rata.

Dipetik daripada
dalam cerpen Hutan Rimba
oleh Sasjira
antologi *Dirgahayu Bahasaku*, DBP

Bahan 2

Ratapan Sang Rimba

Akulah Sang Rimba
Kupasak bumi sepanjang hayat
Sekelip mata hidupku musnah
Diragut tangan raksasa tanpa belas
Berpaksikan keegoan dan materialistik
Demi penuhkan jiwa dan ragamu.
Sakitnya amat sengsara
Hakisan bermaharajalela
Banjir lumpur meratah ketenanganku.

Di manakah sifat kemanusiaan?
Tiada sekelumit rasa bersalah
Wahai insan sedarlah sebelum terlambat
Usah kauwarisi bumi yang mati
Duhai generasi peneraju negara.

Nukilan rasa: Haslina@inaedrosa

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan gambaran lori yang sedang mengangkut kayu balak.
[2 markah]

- ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan kesan aktiviti pembalakan haram kepada alam sekitar.

[3 markah]

- iii) Hutan Simpanan Kekal (HSK) ialah kawasan hutan yang perlu disimpan, dijaga dan dilindungi daripada sebarang aktiviti pembangunan.

Pada pendapat anda, apakah faedah menjaga kawasan Hutan Simpan Kekal di negara kita?

[4 markah]

- iv) Haslina sering melakukan aktiviti rekreasi dan meneroka alam semula jadi di dalam hutan untuk mengurangkan tekanan. Namun, dia kecewa apabila mendapati kawasan tersebut dicemari dengan sampah sarap.

Sebagai pencinta alam sekitar, bagaimanakah cara anda untuk mengatasi masalah ini?

[4 markah]

Soalan 8: Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Memang Felicia sering mendengar cerita bahawa ibu Unong Siron itu kerap mengadu kepada jururawat di pusat rawatan tersebut. Mengadu tentang kerusuhan yang dialaminya. Tentang sama ada berjaya ataupun tidak, ini ialah operasi terakhir yang akan dilalui oleh anaknya. Setakat kali keenam itu sahaja yang mereka mampu. Wang insurans akibat kemalangan yang diterima oleh Unong Siron, hampir habis digunakan untuk membiayai operasi terakhir itu.

“Mudah-mudahan, dengan izin dan juga limpahan rahmat dari Tuhan, setelah dioperasi oleh Doktor Raiha tadi, Unong Siron akan berpuas hati dengan keputusan operasi tersebut,” tambah Kartini, mula mengaut asikrim ke dalam cangkirnya. “Anekan? Biarpun hari ini hari cutinya, Doktor Raiha datang juga memenuhi tugas menjalankan operasi itu atas permintaan Doktor Uwang, kan?”

Dipetik daripada
Novel *Pantai Kasih*
karya Azmah Nordin,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan aduan yang dibuat oleh ibu Unong Siron.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (h) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat.

[6 markah]



RODA FOKUS



Roda Fokus adalah antara kata kunci untuk dimasukkan dalam ayat pendahuluan rumusan. Roda Fokus dapat membantu murid mengenal pasti kata kunci yang terdapat dalam bahan seperti petikan, grafik, jadual, pantun, sajak dan sebagainya



BAHAGIAN C: RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9: Rumusan

Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam pembangunan sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju. Kekurangan pendidikan dan pendapatan rendah diketahui umum sebagai salah satu punca memiliki taraf kehidupan yang kurang baik.

Pendidikan TVET menjadi laluan penting untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi kerana lulusannya berkemampuan untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam bidang pekerjaan. Tambahan pula, kemahiran yang dikuasai oleh mereka itu dapat memperkukuh kedudukan negara dalam bidang teknologi perindustrian yang semakin pesat perkembangannya pada masa ini. Melalui TVET diharapkan murid dapat mengambil peluang dengan kemudahan yang disediakan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, dapatlah ditegaskan bahawa pendidikan TVET menjanakan golongan murid menguasai pekerjaan berasaskan pengetahuan, seterusnya membangunkan bakat dan meningkatkan kemahiran rakyat. Oleh sebab itu, pendidikan TVET sentiasa ditingkatkan untuk melahirkan lulusan pada peringkat sijil, diploma, dan diploma lanjutan. Kelebihan TVET jelas terbukti melalui latihan teori dan amali, di samping skim latihan sepanjang hayat. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sudah terdedah dengan bidang pendidikan kemahiran yang sangat bernilai ini.

Antara cabaran untuk mengetengahkan TVET dalam kalangan pelajar ialah terdapat persepsi bahawa pelajar TVET dikategorikan sebagai pelajar lemah dalam akademik. Persepsi negatif ini tidak harus dipandang sebelah mata kerana tidak menguntungkan mana-mana pihak. Hasil kajian turut mendapati pelajar dalam program kemahiran lebih cenderung untuk melakukan praktikal berbanding teori. Segelintir pengajar TVET yang kurang pengalaman kerja. Ada juga tenaga pengajar yang kurang mahir mengendalikan peralatan semasa pembelajaran. Secara prinsipnya, pengajar perlu tahu mengendalikan mesin, alat tangan, peralatan, tahu teori penggunaan dan aplikasi elemen tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Peranan TVET di Malaysia',
oleh Mohd Fitri bin Ariffin,

Pengajian Luar Kampus Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan UUM, 2018

Bahan 2

Jom Sertai TVET!

- Miliki kerjaya terbaik
- Peroleh pendapatan lumayan
- Membantu pembangunan negara

Pelbagai latihan khusus untuk kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran lain ditawarkan kepada murid-murid.

Bahan 3

DIALOG TVET **OLEH: ALIAS DERAIS**

Panel 1:

Student: Cikgu, saya kurang berminat untuk belajar TVET.

Teacher: Rugilah awak. Sebenarnya, banyak usaha yang telah dilaksanakan untuk menarik minat murid menceburi bidang TVET.

Panel 2:

Student: Apakah usahanya, cikgu?

Teacher: Sebenarnya, kerajaan telah menyediakan pelbagai pengkhususan yang menarik seperti kulinari, kimpalan, fesyen dan pakaian dan lain-lain.

KERANGKA RUMUSAN

TEMA	
PENDAHULUAN	
FOKUS	BAHAN 1 FOKUS
FOKUS	BAHAN 2 FOKUS
FOKUS	BAHAN 3 FOKUS
KESIMPULAN	

JAWAPAN RUMUSAN

KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1: Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata bantu dan dua kata hubung**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata bantu dan kata hubung** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Golongan graduan patut berani meneroka bidang keusahawanan untuk pembangunan negara. Pelbagai pihak telah menyediakan program dan bantuan kepada para graduan. Kerajaan memberikan dana dan pinjaman kepada graduan menerusi Skim Usahawan Muda. Para graduan dapat mengusahakan kawasan tanah terbiar dan seterusnya menjadi petani moden yang berjaya. Hal ini boleh mengurangkan kadar pengangguran di negara kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayuh, Jadilah Usahawan!',
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim
Dewan Siswa Bil. 7, 2019
[8 markah]

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi **tiga ayat** yang bergaris seperti yang berikut:

Negara kita mempunyai pelbagai kaum dan perayaan. Terdapat banyak perayaan yang diraikan oleh rakyat negara kita seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Gawai dan sebagainya. Setiap kaum mengadakan rumah terbuka dengan menjemput semua kaum untuk merayakannya. Penganjuran rumah terbuka dapat merapatkan hubungan masyarakat pelbagai kaum. Penganjuran rumah terbuka ini menyebabkan hubungan antara masyarakat dapat dieratkan bagai isi dengan kuku. Sebagai contoh, kaum Cina dan India menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri bersama-sama kaum Melayu. Pelancong asing tertarik dengan amalan rumah terbuka di negara kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Budaya Penganjuran Rumah Terbuka',
oleh Lee Pei Xian, Dewan Siswa Bil. 7, 2019.
[6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Petikan di bawah mengandungi **sembilan kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sembilan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Kecelaruhan identiti tercetus bila keluarga tidak memainkan peranan dalam pembentukan watak anak-anak. Ibu bapa terlalu sebok dengan kerjaya menyebabkan anak-anak kurang kasih sayang dan perhatian. Remaja yang diperlukan kasih sayang dan perhatian tidak dapat merasakan kehadiran ibu bapa sebagai sandaran pertama dalam hidup mereka. Ibu bapa tidak mempunyai ilmu keibubapaan yang terkesan dalam mendidik anak-anak. Oleh itu, sosial media telah mengisi kekosongan yang dirasai oleh remaja. Ibu bapa mestilah menjadi pendengar yang betul berhubung dengan apa sahaja masalah yang remaja hadapi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memahami Kecelaruhan Identiti',
oleh Fatimah Ahmad dalam *Dewan Siswa*, Bil. 3, 2020.
[9 markah]

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Dipetik daripada
'Kepimpinan Melalui Teladan',
dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[6 markah]

Soalan 5: Peribahasa

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isikan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut pada ruang kosong yang disediakan.

Pak Hamid dan Mak Timah tidak mempunyai anak, lalu diambil Siti Baizura sebagai _____(i)_____. Siti Baizura dijaga dengan baik dan diberi kasih sayang yang sepenuhnya _____(ii)_____. Namun, apabila dewasa Siti Baizura tidak mempedulikan ibu dan ayahnya. Hal ini menyebabkan hati Pak Hamid dan Mak Timah berkecai _____(iii)_____.

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN
[35 markah]

Soalan 6: Petikan Umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Muzium Warisan Baba Nyonya terletak di Bandar Melaka dan dibuka pada tahun 1985. Muzium ini mempamerkan sejarah dan budaya kaum peranakan di negeri Melaka iaitu etnik campuran Cina-Melayu.

Keturunan Baba Nyonya berjaya memelihara ciri-ciri dan perabot asal rumah ini. Justeru, tempat ini dijadikan sebuah *destinasi ideal* kepada sesiapa yang berminat untuk belajar tentang kaum peranakan ini. Keistimewaan kaum Baba Nyonya ialah mereka fasih berbahasa Melayu, mengenakan kebaya ketat bertatahkan keronsang berlian di dada, menyarungkan kasut manik malah merdu mengalunkan lagu dondang sayang.

Muzium ini merupakan muzium persendirian empat generasi yang mempamerkan pelbagai barangan, pakaian, barang kemas dan peralatan kaum Baba Nyonya. Muzium ini merupakan sebuah kediaman milik Baba Chan Cheng Siew sejak tahun 1865 hingga 1919 dan kini dikendalikan oleh generasi yang ke-4 sebagai muzium persendirian dan dibuka untuk pelancong.

Sumber: <https://www.caridestinas.com>

Bahan 2

Muzium Pinang Peranakan merupakan tempat bersejarah di Pulau Pinang yang boleh dikunjungi oleh pelancong. Muzium ini memang satu destinasi yang sangat ideal untuk mengenali sejarah dan budaya masyarakat Peranakan di Pulau Pinang. Muzium ini merupakan sebuah rumah agam yang terletak di Lebuh Gereja, Georgetown dan mempamerkan koleksi barangan kebudayaan Peranakan iaitu barangan kemas, hiasan dalaman, perabot, pakaian dan infografik berguna tentang kebudayaan mereka.

Rumah agam Peranakan ini telah dibuka sekitar abad ke-19 dan merupakan replika Baba Nyonya Pulau Pinang yang dibangunkan dengan ciri-ciri panel kayu berukir tulisan Cina, jubin lantai Inggeris dan kerja logam dari Scotland. Keistimewaan keluarga Baba Nyonya ialah mereka sangat mementingkan kekayaan kerana pemilikan harta yang banyak melambangkan kerajinan dan ketekunan seorang lelaki dalam memajukan kehidupan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *destinasi ideal*. [2 markah]

- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan peralatan yang dipamerkan di dalam kedua-dua muzium tersebut. [3 markah]

- iii) Melancong ke tempat bersejarah hendaklah digalakkan kepada para remaja supaya mereka boleh menghargai warisan dan budaya Baba dan Nyonya.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan kedatangan pelancong ke tempat bersejarah?

[4 markah]

- iv) Keluarga anda bercadang untuk melancong ke luar negara pada cuti sekolah yang akan datang. Namun, anda berpendapat melancong di dalam negara adalah lebih baik daripada melancong ke luar negara.

Bagaimanakah cara anda hendak memujuk keluarga anda supaya memilih destinasi pelancongan dalam negara?

[4 markah]

Soalan 7: Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

“Mak! Abang tak buat salah apa-apa pun. Selama ini, setiap malam dia akan bekerja di kedai kopi ini untuk membantu meringankan beban mak menyara hidup kami. Dengan duit gaji abang, Aminah dapat menyertai banyak pertandingan catur dan banyak juga yang Aminah memenangnya. Set catur baharu dan kebanyakan alatan persekolahan yang rosak dibeli oleh abang supaya tidak menyusahkan mak. Selama ini, abang bukannya berkurung di dalam bilik. Abang keluar bekerja,” jelas Aminah dengan raut wajah yang panik dan berpeluh, menunjukkan bahawa dia baru sahaja berlari ke sini.

“Abang takut mak tak bagi abang bantu mak, takut kalau mak tahu mak akan berasa bersalah kerana menyusahkan anak mak. Ini janji abang kepada ayah. Abang anak lelaki dan perlu menjaga keluarga,” jelas Ahmad yang mula bersuara.

Dipetik daripada
'Kebenaran di Kedai Kopi',
oleh Nurin Nabilah Khairul Izhar,
Dewan Siswa Bil. 3 2020.

Bahan 2

Pengorbanan

Kuanak sulung
Tanggungjawab berat
Kugalas dengan penuh amanah
Kupikul dengan kudrat yang ada
Biar musim silih berganti
Biar detik waktu berlari
Kusematkan di dada
Semangat yang membara
Demi kelangsungan hidup
Keluarga tercinta.

Syukur Ya Tuhanku
Kujunjung amanah-Mu
Selama-lamanya.

Cetusan rasa: **Cikgu Ina**

i) Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud *raut wajah*. [2 markah]

ii) Berdasarkan **bahan 1** dan **bahan 2**, nyatakan peranan seorang anak untuk membantu keluarga. [3 markah]

iii) Ibu bapa merupakan insan yang paling rapat dengan kita. Mereka menjaga kita dengan penuh kasih sayang.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk menghargai kasih sayang ibu bapa kita? [3 markah]

iv) Rakan anda telah mendapat tawaran untuk bekerja di bandar. Namun, dia kurang yakin dengan kemampuannya dalam menempuh cabaran alam pekerjaan. Sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda dapat meyakinkannya agar menerima tawaran tersebut?

[4 markah]

Soalan 8: Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Geetha demam sejak semalam. Katanya cuaca di pekan amat berbeza dengan cuaca di bandar. Kerana selalu biasa dengan cuaca terik di bandar, menjadikan panas redup seolah-olah sejuk dan telah mengubah suhu badannya. Akan tetapi, aku tidak berminat bercakap tentang cuaca.

“Seronok bercuti di kampung nenek awak?” tanya Geetha sambil merenungku.

“Seronok, jawabku. “Baguslah. Saya tak seronok, tak gembira.” “Kenapa?” “Bosan.”

“Kenapa bosan?” “Tak ada kawan, ibu saya sibuk berniaga.

Saya duduk di rumah dari pagi sampai malam, nak ke kedai menolong ibu, ibu tak bagi. Sebab itu saya rasa bosan. Rasa nak balik ke kampus, tapi kawan-kawan lain pun dah balik ke kampung,” katanya. Geetha memberitahu bahawa ibunya masih berpegang teguh pada adat tradisi, kerana itu dia harus menghayati tarian klasik India dengan baik.

Dipetik daripada Novel *Jendela Menghadap Jalan*,
karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan sebab-sebab Geetha berasa bosan apabila balik ke kampung halamannya?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (h) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang dapat dijadikan contoh kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 Markah]

Soalan 9 : Rumusan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Bahan 1

Obesiti atau kegemukan didefinisikan sebagai lebih lemak tubuh yang boleh menyebabkan masalah kesihatan. Menurut kajian, kira-kira 20 peratus rakyat negara kita menghadapi masalah obesiti. Secara umum, penyebab utama obesiti ialah kandungan nutrisi yang tidak seimbang dalam menu harian dan mengambil makanan berasaskan karbohidrat secara berlebihan seperti nasi lemak dan roti canai. Hal ini berlaku kerana tabiat pemakanan yang lebih mengutamakan keenakan makanan berbanding dengan khasiatnya.

Amalan pengambilan makanan segera seperti makanan berasaskan daging yang diproses turut menjadi penyumbang kepada masalah obesiti. Masalah ini juga berlaku akibat makanan harian yang tinggi kandungan kalornya. Hal ini dikatakan demikian kerana kalori yang berlebihan akan bertukar menjadi lemak sekiranya tidak digunakan dalam masa yang lama. Masalah obesiti juga disebabkan oleh amalan penggunaan ubat-ubatan tanpa pengawasan doktor. Misalnya, steroid yang berlebihan dalam ubat-ubatan boleh menyebabkan obesiti dan pelbagai penyakit lain. Walau bagaimanapun, pakar kesihatan juga tidak menafikan bahawa kegemukan boleh berlaku kerana faktor genetik atau keturunan. Selain itu, kadar metabolisme yang rendah juga dikenal pasti sebagai penyebab obesiti. Metabolisme yang rendah menyebabkan tahap pembakaran kalori menjadi lebih perlahan.

Kita perlu sedar bahawa obesiti akan menimbulkan pelbagai kemudaratan. Antaranya, seseorang itu akan mengalami pergerakan fizikal dan sosial yang terbatas. Berat badan yang berlebihan juga menghalang seseorang daripada melakukan aktiviti seperti berjoging, berenang, dan mengayuh basikal. Mereka akan mudah berasa lesu dan cepat letih. Oleh itu, setiap individu perlu bertindak untuk mengelakkan obesiti kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Nasi Lemak, Oh Nasi Lemak'
oleh Marina Abdul Manaf, Dewan Kosmik, September 2010)

Bahan 2



KERANGKA RUMUSAN

TEMA	
PENDAHULUAN	
FOKUS	BAHAN 1 FOKUS
FOKUS	BAHAN 2 FOKUS
FOKUS	BAHAN 3 FOKUS
KESIMPULAN	

JAWAPAN RUMUSAN

KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

Soalan 1: Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **empat kata bilangan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata bilangan tersebut untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Perjalanan penulis dan beberapa orang pelancong lain ke Giethoorn dengan menaiki bas mengambil masa hampir empat jam. Walau bagaimanapun, penulis dan para pelancong yang ada di dalam bas itu berasa perjalanan itu sangat berbaloi. Sepanjang perjalanan itu, pemandu pelancong banyak bercerita tentang tempat yang bakal dilawati kepada semua pelancong. Menurut hemat penulis, Netherlands ialah sebuah negara yang sangat indah. Pada tahun 2019, berpuluh-puluh juta pelancong telah mengunjungi negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keindahan Perkampungan Air di Giethoorn, Netherlands',
oleh Masni Mustafa,
Dewan Siswa Bil. 6, 2020.

[8 markah]

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti jenis ayat bagi yang bergaris sama ada ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah.

"Siapakah budak itu? Siapakah yang menyuruh awak menjemput dia?" Soal Natasya, sedikit marah. "Kami hanya memerlukan seorang ahli baharu sahaja," tegasnya pula.

"Saya tidak menjemput dia. Selepas awak menemu duga saya pada hari itu, saya menulis pengalaman itu di *Facebook*. Dia membacanya dan berminat untuk menyertai kita," jelas Sau Mun.

"Aduhai, habislah aku!" kata Natasya. 'Jangan mengambil tindakan di luar pengetahuan kami, Natasya.' Kata-kata Masniza kepadanya pada minggu lepas seakan-akan korus dalam lagu yang diulang-ulang di telinganya.

Dipetik dan diubah suai daripada
Mana Dude karya Alias Derais,
Buku Prima Sdn. Bhd. 2010.
[4 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Media sosial merupakan medan pengongsian ilmu era ini. Pengguna media sosial dapat menukar pendapat selain menimba dan berkongsi ilmu baru di alam maya. Selain daripada itu, peranan media sosial yang lain ialah untuk menjadi medium yang sangat penting bagi usahawan untuk memasarkan produk jualan atau perkhidmatan yang ditawarkan secara atas talian. Cara ini membolehkan usahawan beroperasi atau menjalankan perniagaan daripada rumah atau di mana sahaja. Secara tidak langsung, kos operasi dapat dijimatkan dan keuntungan dapat ditingkatkan menerusi berbagai aplikasi media sosial yang ada di alam maya. Jelaslah bahawa penggunaan media sosial tidak sekadar untuk berkongsi ilmu malahan menjadi resepi kejayaan para usahawan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Berhemahlah dalam Bermedia Sosial',
oleh Athma Zubir, *Dewan Siswa*, Bil. 11, 2020.
[11 markah]

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka ia pun sampailah ke istana. Didengar bunyi gemuruh, maka dihampirinya; maka dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak.

Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hatinya, "Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu-tahu juga." Maka diambil suatu kayu, maka disarungnya. Maka dipalu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuruh bunyinya.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan',
dalam *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[6 markah]

Soalan 5: Peribahasa

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isikan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut pada ruang kosong yang disediakan.

Murid-murid Tingkatan Lima Amanah tekun menyelesaikan tugas biarpun sukar kerana mereka sedar bahawa _____(i)_____ iaitu lama-kelamaan perkara yang sukar itu akan senang kerana selalu dibuat. Guru tingkatan mengingatkan mereka agar tidak bertanggung atau berlengah-lengah untuk menyiapkan tugas kerana _____(ii)_____. "Murid tidak boleh memberi pelbagai alasan jika ingin mencapai impian, berusaha dengan gigih dan jangan mengalah kerana _____(iii)_____, " nasihat guru tingkatan mereka lagi.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Soalan 6: Petikan umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pada usia remaja, golongan ini mula sedar akan keperluan bersolek sebagai suatu cara untuk menjaga penampilan diri. Kebanyakan remaja bersolek kerana mahu kelihatan cantik dan juga untuk menyesuaikan diri dengan rakan-rakan. Namun, segelintir remaja tidak menyedari bahawa bersolek memerlukan kemahiran dan penelitian. Cara solekan yang tidak betul dan alat solek yang tidak bersih akan **mendatangkan impak** terhadap kesihatan seperti jangkitan dan reaksi alahan.

Remaja dilarang berkongsi alat solek, terutama gincu dan pembayang mata kerana alat solek ini boleh memindahkan bakteria dan virus yang menyebabkan selesema dan konjunktivitis akut. Pengeluar alat kosmetik turut menyarankan pengguna membasuh tangan sebelum menyentuh losen atau apa-apa produk kosmetik. Penggunaan alat solek dengan tangan yang kotor akan memindahkan bakteria kepada alat solek dan kulit muka.

Sumber: <http://www.myhealth.gov.my>

Bahan 2

Lambakan produk kecantikan dan alat solek di pasaran membuatkan wanita ingin mencuba produk tersebut. Seseengah wanita sentiasa cuba mengejar trend dan fesyen kerana ingin tampil bergaya.

Kini, ledakan media sosial menyaksikan ramai wanita berlumba-lumba untuk bergelar *Instafamous*, *YouTube* dan *Blogger*, sekali gus kecantikan serta solekan diberi keutamaan. Namun begitu, seseengah wanita yang gemar bersolek tidak sedar bahawa ada penyakit yang berpunca daripada penggunaan alat solek. Penyakit ini ialah jerawat yang dinamakan *acne cosmetica*. Penyakit ini kerap menyerang kawasan permukaan kulit yang sering diliputi alat solek seperti pipi dan dahi.

Cara terbaik untuk menangani masalah jerawat yang berpunca daripada pemakaian alat solek adalah dengan membeli alat solek dan produk penjagaan kulit yang *non-comedogenic*, iaitu produk yang tidak mempunyai bahan yang dapat menyebabkan liang pori tersumbat.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mendatangkan impak*.

[2 markah]

- ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cara-cara mengelakkan masalah kesihatan yang berpunca daripada penggunaan alat solek.

[3 markah]

- iii) Penjagaan kesihatan diri bukan sekadar mengamalkan pemakanan yang sihat tetapi menjaga penampilan diri patut diberikan keutamaan oleh remaja.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan kurang menjaga penampilan diri?

[4 markah]

- iv) Anda mempunyai seorang rakan yang suka bersolek. Dia suka bersolek dan berfesyen kerana ingin kelihatan cantik dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini. Dia sanggup menghabiskan wang perbelanjaan harian dan tabungan serta berhutang dengan rakan-rakan semata-mata untuk membeli alat solek dan pakaian berjenama.

Sebagai rakan yang prihatin, bagaimanakah cara hendak membantu rakan anda agar tidak menghadapi masalah yang lebih rumit?

[4 markah]

Soalan 7: Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

- Emak : Faris, Faris! Amboi, asyik merenung skrin telefon saja kerjanya!
Faris : Ya, mak. (*acuh tidak acuh menyahut panggilan emak sambil melihat skrin telefon*)
Emak : Cuba Faris keluar dari rumah. Berehat di laman. Boleh juga bergaul atau berkawan dengan budak-budak kampung. Ini tidak, berjam-jam asyik berkepit dengan telefon.
Faris : Emak, Faris sedang mencari maklumat untuk menyiapkan projek Sains. Cuba emak tengok ni. Ini kawan baik Faris di *Facebook*. Kami sedang berbincang. (*emak menghampiri Faris dan melihat gambar di telefon pintar*)
Emak : Kawan baik? *Cute Bear* namanya? Pelik benar namanya itu. Nampak rupanya seperti orang dari Afrika. Faris pernah berjumpa dengannya?
Faris : Kami tak pernah berjumpa kerana kami berkenalan dan berkawan di Internet sahaja.
Emak : Hati-hati, Faris. Emak bimbang Faris ditipu sahaja nanti. Banyak kes penipuan di media sosial. Lagipun, kalau berkawan baik, mengapa perlu pula gunakan nama samaran?

Karya: Alias Derais

Bahan 2

Seloka Sahabat Zaman Ini

Pemuda-pemudi zaman sekarang,
Gaya hidup sungguh berbeza,
Ada sahabat beribu-ribu,
Hanya sekadar di media sosial,
Peranti pintar jadi medium,
Tempat bertemu teman sejati,
Masa berlalu tidak kausedar,
Siang pergi malam bertandang,
Konon dunia canggih dan maju,
Tidak seperti zaman dahulu,
Sahabat sejati di muka buku,
Sekalipun belum pernah bertemu.

Alias Derais
Shah Alam.

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan kebimbangan emak terhadap Faris. [2 markah]

- ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kebaikan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja. [3 markah]

- iii) Setiap orang memerlukan sahabat kerana sahabat sangat penting dalam kehidupan kita. Pada pendapat anda, apakah kepentingan sahabat dalam kehidupan kita?

[3 markah]

- iv) Anda mempunyai seorang rakan baik. Namun, rakan anda terlalu pendiam dan tidak pandai bergaul dengan rakan-rakan sekelas. Dia banyak menyendiri ketika di dalam kelas mahupun di kantin atau di perpustakaan. Dia juga kelihatan kurang ceria. Sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda dapat membantunya untuk mengubah sikap dan kebiasannya itu?

[4 markah]

Soalan 8: Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Suasana perkampungan Pasir Panjang lengang seperti baru dilanda geroda. Di pangkalan Pasir Panjang, Adnan bertanggungjawab mengetuai pasukannya menghadapi serangan pihak musuh. Persiapan telah mula dilakukan. Kubu-kubu dibina lengkap dengan senjata. Anggota tentera membuat rondaan kawalan di persekitaran perkampungan dengan dibantu oleh pasukan pengawal yang ditubuhkan penduduk kampung. Pengawal kampung turut dibekal senjata api bagi melindungi diri daripada serangan. Dalam masa yang singkat itu, mereka dilatih cara-cara menggunakan senjata api dan beberapa taktik peperangan untuk memudahkan pergerakan mereka nanti. Adnan tersenyum bangga. Rupa-rupanya, banyak penduduk tempatan sanggup menggadai nyawa demi mempertahankan tanah air. Semangat mereka jelas kelihatan walaupun hanya berbekalkan sebilah parang.

Dipetik daripada Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*,
karya Abdul Latip Talib,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Apakah persiapan-persiapan yang dilaksanakan bagi menghadapi serangan pihak musuh?
[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:
- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib
 - (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
 - (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
 - (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
 - (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
 - (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
 - (g) *Silir Daksina* karya Nizar Parman
 - (h) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan dua novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 Markah]

Soalan 9: Rumusan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.

Bahan 1

Perkataan ‘masyarakat’ merujuk kepada pinjaman kata dalam bahasa Arab iaitu musyarakah yang memberi makna kerjasama, sumbangan dan penyertaan individu secara positif dalam melakukan sesuatu aktiviti. Mengapakah kita perlu hidup bermasyarakat? Persoalan ini dapat dirungkai dengan mudahnya berdasarkan definisi kata musyarakah di atas. Dengan mengamalkan hidup bermasyarakat, kita dapat menjalinkan kerjasama antara satu sama lain. Kita juga mampu menepis sikap individualistik dalam diri kita apabila hidup bermasyarakat, apa-apa tindakan yang kita lakukan berdasarkan kepentingan bersama.

Selain itu, kita juga mampu menumpahkan bakti dan memanfaatkan kepakaran kerana hidup bermasyarakat membuka peluang kepada kita untuk sentiasa memberikan sumbangan atau penyertaan kepada anggota masyarakat yang lain pada saat sumbangan kita diperlukan. Anggota masyarakat yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India dan masyarakat lain mempunyai perbezaan pegangan hidup, budaya dan bahasa ibunda. Mereka mengetepikan perbezaan untuk menikmati hidup yang harmoni. Semangat kekitaan juga akan bercambah. Anggota masyarakat tidak mementingkan diri semata-mata sebaliknya sentiasa memikirkan jiran-jiran dan ahli komuniti yang lain juga. Tambahan pula, pemahaman terhadap perbezaan budaya dan adat resam penduduk pelbagai kaum akan bertambah.

Tahukah anda apakah itu rukun tetangga? Rukun Tetangga ialah penduduk setempat diberi kuasa melakukan rondaan dan memastikan keamanan dan keselamatan komuniti setempat. Melalui aktiviti ini, penduduk dapat bergilir-gilir dan secara sukarela melaksanakan tanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan secara bersama-sama. Pelaksanaan Rukun Tetangga juga secara tidak langsung menggalakkan kehidupan bermasyarakat. Di samping itu, hidup bermasyarakat hendaklah dipupuk melalui aktiviti gotong royong membersihkan kawasan taman kediaman. Oleh hal yang demikian, jelaslah kepada kita bahawa amalan hidup bermasyarakat menjadi medium utama dalam usaha melahirkan sebuah negara bangsa yang harmoni dan sehati sejiwa. Ayuh hidupkan semangat seikat bak sirih, serumpun bak serai demi kesejahteraan hidup dalam masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Hidup Bermasyarakat Amalan Mulia'
Sumber: <https://www.jpnin.gov.my>

Bahan 2

PERSATUAN PENDUDUK TAMAN MAYANG SEROJA

Program **Masyarakat Penyayang**

Aktiviti Menarik Menanti Anda!

PELANCARAN KUMPULAN WHATSAPP KOMUNITI GOTONG ROYONG PERDANA HARI KELUARGA KOMUNITI SUKAN KOMUNITI

Terbuka untuk semua penduduk Taman Mayang Seroja.

Anjuran; Persatuan Penduduk Taman Mayang Seroja

Tarikh; 5 hingga 11 Mac 2021

Tempat; Taman Mayang Seroja

Untuk pertanyaan, sila hubungi:
012 2000000-Encik Kamal
013 3000000-Encik Kumar
014 4000000-Encik Kim

KERANGKA RUMUSAN

TEMA	
PENDAHULUAN	
BAHAN 1	FOKUS
FOKUS	
BAHAN 2	FOKUS
FOKUS	
BAHAN 3	FOKUS
FOKUS	
KESIMPULAN	

KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

Soalan 1: Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **empat kata terbitan akhiran**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata terbitan akhiran tersebut untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Jiran yang baik dan bertanggungjawab sentiasa menghormati antara satu sama lain. Kini, amalan mulia ini mulai terhakis dan kian luntur. Malang sekali sekiranya kehidupan harmoni, saling bertegur sapa telah hilang dalam kehidupan masyarakat. Kesannya jelas kini dapat dilihat, iaitu semakin banyak berlakunya masalah sosial dalam masyarakat seperti rompakan, penculikan, merempit dan masalah dadah. Semua perbuatan yang tidak baik ini perlu kita jauhi dalam masyarakat. Sewajarnya budaya dan konsep kejiranan serta saling menasihati kita hidupkan semula dengan semangat Satu Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Hidup Berjiran Amalan Mulia',
oleh Mohamad Farhan Hamzah,
Dewan Siswa Bil. 7, 2016
[8 markah]

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah, **bina enam ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Setiap individu memerlukan makanan yang berkhasiat bagi menjamin kesihatan diri. Kepentingan makanan seimbang kepada manusia adalah untuk tumbesaran fizikal manusia yang sempurna. Tubuh badan yang kuat boleh dibina melalui pengambilan zat yang cukup seperti protein dan kalsium. Pertumbuhan fizikal dan mental seseorang itu boleh terencat kerana kekurangan zat makanan tertentu di dalam badan. Setiap individu perlu membuat perancangan pemakanan harian bagi mengelakkan mengambil makanan secara berlebihan. Orang ramai boleh melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing di klinik kesihatan, farmasi ataupun di hospital.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Amalan Pemakanan Seimbang, Resepi Kehidupan Yang Sihat',
oleh Samat Buang, Dewan Siswa Bil. 3, 2017.
[6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Petikan di bawah mengandungi **sembilan kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sembilan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Air merupakan kehendak asas kepada semua hidupan di muka bumi ini. Terdapat 49 buah sungai utama di Malaysia yang menjadi sumber kepada lebih daripada 90 peratus bekalan air negara. Namun begitu, khazanah berharga ini telah musnah kerana keganasan manusia dalam mengesplotasi kegunaannya. Air juga digunakan dalam sektor industri. Sumber air perlu dipelihara oleh kita agar kita tidak lagi mengalami krisis bekalan air. Antara langkah-langkah menangani kekurangan bekalan air termasuklah kekalkan kawasan tadahan air dan seloroh anggota masyarakat perlu memelihara sumber air dengan baik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Air Sumber Utama Kehidupan',
oleh Nur Dinie Md. Isa, *Dewan Siswa*, Bil. 1, 2015.
[9 markah]

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Adapun perigi di Batu Pahat itu dibuat, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara ke bawah Duli Sultan.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada',
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[6 markah]

Soalan 5: Peribahasa

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sama maksud dengan situasi dalam petikan tersebut pada ruang kosong yang disediakan.

Pak Azhad selalu menasihati anaknya Naqib agar belajar dengan tekun serta rajin dan tidak melakukan sesuatu pekerjaan itu dengan tidak bersungguh-sungguh seperti hangat-hangat tahi ayam. Dia tidak mahu anaknya itu bersedih dan menyesal pada kemudian hari apabila nasi sudah menjadi bubur dan sudah tidak bermakna lagi. Untuk berjaya, Naqib perlu memberikan tumpuan ketika di dalam kelas dan menghadiri kelas tambahan setiap hari. Bagi Pak Azhad jika Naqib hendak berjaya dalam pelajaran dan kehidupannya, dia perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana yang bulat tak datang bergolek, yang pipih tak datang melayang. Pak Azhad sangat berharap agar anaknya itu menjadi seorang jurutera yang terkemuka suatu hari nanti mengikut jejak langkahnya ibarat bagaimana acuan begitulah kuihnya.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 markah]

Soalan 6: Petikan umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Perpaduan didefinisikan sebagai satu proses yang menyatupadukan anggota masyarakat melalui ideologi negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai kebersamaan dalam kalangan masyarakat. Tragedi 13 Mei 1969 meninggalkan kesan yang mendalam kepada rakyat Malaysia yang didiami oleh pelbagai kaum. Peristiwa ini menjadi peringatan kepada setiap generasi tentang kepentingan perpaduan dan keburukan perpecahan kaum.

Perkara atau etika yang perlu dipatuhi untuk mencapai perpaduan kaum di Malaysia ialah ibu bapa hendaklah memupuk semangat perpaduan antara kaum kepada anak-anak kerana ibu bapalah yang mencorakkan tingkah laku cahaya mata mereka. Pihak kerajaan hendaklah menyarankan rakyat Malaysia saling mengambil berat antara satu sama lain kerana berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Dengan itu, masyarakat akan lebih terbuka untuk mengenali dan memahami kepelbagaian agama di negara ini. Etika lain yang perlu dipatuhi bagi mencapai perpaduan ialah Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan penyertaan setiap kaum serta pengenalan satu sistem pendidikan yang sama. Perpaduan kaum merupakan suatu misi yang *amat penting* untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu walaupun berlainan bangsa mahupun agama.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perpaduan Kaum: Sekolah Sebagai Agen Penyatuan',
oleh Zulfazlan Jumrah,
Dewan Siswa Bil. 8, 2017.
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan 2



Sumber: Internet

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *amat penting*. [2 markah]

- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah persamaan etika yang perlu dipatuhi untuk mencapai perpaduan kaum di Malaysia? [3 markah]

- iii) Perpaduan yang utuh amat perlu bagi mencapai kesejahteraan dan keharmonian sesebuah negara.

Pada pendapat anda, apakah manfaat yang diperoleh jika masyarakat berbilang kaum saling hidup bersatu padu ?

[3 markah]

- iv) Anda dan keluarga anda baru sahaja berpindah ke taman perumahan yang didiami oleh pelbagai kaum seperti kaum Melayu, Cina dan India. Setelah beberapa minggu tinggal di situ, anda dan keluarga masih tidak mengenali jiran yang tinggal berdekatan dan tidak pernah bertegur sapa. Tambahan pula, kedua-dua ibu dan bapa anda keluar bekerja pada waktu pagi dan pulang ke rumah ketika hari hampir malam. Anda berasa tidak seronok dengan keadaan ini.

Sebagai jiran yang prihatin, bagaimanakah cara anda hendak merapatkan hubungan keluarga anda dengan jiran-jiran yang tinggal di situ?

[4 markah]

Soalan 7: Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Syair Pedoman Remaja

Remaja unggul indah pekerti,
Namamu harum tersemat di hati,
Masalah sosial usah kaudekati,
Kelak hidupmu akan diberkati.

Elakkan dirimu mengambil dadah,
Jika terlibat membawa padah,
Kelak kaukesal tiada sudah,
Masa hadapan menjadi gundah.

AST Tayeb
Everly Putrajaya 2022

Bahan 2

Setiap kali saya meluahkan hasrat untuk bermastautin di ibu kota, bonda memberikan *pelbagai alasan* agar saya terus menetap di kampung halaman tercinta ini. Kata bonda, ilmu agama saya masih terlalu cetek dan nipis. Bimbang saya akan hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme yang sedang melanda anak-anak muda kota. Malahan, kata bonda lagi, bahasa ibunda saya juga masih lemah. Bahasa yang membesarkan saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun temurun. Bahasa yang diwarisi nenek moyang sejak zaman-berzaman.

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelair globalisasi dalam menuju arus perdana.

Dipetik daripada cerpen 'Munysi',
oleh Husna Nazri,
antologi *Jaket Kulit Kijang*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan 3

Pantun Buat Remaja

Di tepi laman duduk bersila,
Sambil makan buah berangan,
Habis diconteng dinding segala;
Sakit mata buruk pandangan.

Indah sungguh intan suasa,
Mahal harganya bukan sebarang,
Duduk melepak membuang masa;
Buruk nama dipandang orang.

Ast Tayeb
Everly Putrajaya 2021

- i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *pelbagai alasan*. [2 markah]

- ii) Berdasarkan **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3**, nyatakan salah laku remaja yang berlaku pada masa ini. [4 markah]

- i) Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara. Masa depan sesebuah negara terletak pada tangan remaja masa ini kerana mereka merupakan waris kepimpinan negara pada masa akan datang.

Pada pendapat anda, jelaskah ciri-ciri seorang remaja yang cemerlang.

[3 markah]

- ii) Anda mempunyai beberapa orang rakan yang sering ponteng sekolah. Mereka kerap tidak hadir dan tidak menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru-guru. Anda telah menyiasat sebab mereka berkelakuan sedemikian. Rupa-rupanya ada antara mereka terpaksa bekerja untuk menyara kehidupan. Selain itu, ada juga yang terpengaruh dengan rakan sebaya yang suka melepak.

Sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda dapat membantu rakan-rakan anda?

[4 markah]

Soalan 8: Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Pergi mandi, lepas tu tidur,” kata Abang Azraai.

“Tapi sebelum tidur jangan lupa scan mata Isha ke dalam sistem. Abang dah ajar Shida cara untuk masukkan maklumat tadi,” sambungnya lagi.

“Ya, okey! Selamat malam abang.” Farisha mengakhiri perbualan. Kekunci merah ditekan dan hologram Azraai terus lenyap. Ruang tamu kini kembali hening.

Farisha bangun dari sofa dan membuka jaket berwarna biru tua, senada dengan seluar panjang yang dikenakan sejak pukul lima pagi tadi. Ketika Farisha baru hendak melangkah ke arah bilik tidur, Shida keluar dari biliknya sambil mengelek *iPad*.

Tunggu, jangan tidur dulu! Mari, aku nak daftarkan retina mata kau sekarang. Kalau tak, esok nanti kau tak boleh masuk rumah.” Shida melambai ke arah Farisha.

Dipetik daripada Novel *Di Sebalik Dinara*,
karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan perkara-perkara yang dilakukan oleh Farisha setelah menamatkan perbualan dengan Azraai.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:
- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
 - (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 - (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (f) Tirani karya Beb Sabariah
 - (g) Silir Daksina karya Nizar Parman
 - (h) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang tidak dapat dilupakan.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 Markah]

Soalan 9: Rumusan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Menurut Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia, kraf tangan dapat didefinisikan sebagai sesuatu penghasilan produk artistik yang mempunyai unsur tradisional dan kebudayaan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, kraf tangan tradisi yang dihasilkan juga turut dipengaruhi oleh budaya sesuatu kaum tersebut malah bercampur dengan budaya purba mereka. Kraf tangan dihasilkan melalui kemahiran tangan dan juga kreativiti individu itu sendiri. Sebagai contoh hasil kraf tangan yang boleh dilihat ialah anyaman tikar mengkuang, wau, barang tembikar, anyaman bakul daripada rotan dan sebagainya. Industri kraf tangan dapat membantu memajukan industri pelancongan negara. Jika hasil industri kraf tangan dieksport ke luar negara, secara tidak langsung dapat meningkatkan hasil pendapatan negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa industri kraf tangan kurang mendapat sambutan dan kian dipinggirkan. Oleh itu, pelbagai langkah yang proaktif perlu dilakukan supaya industri kraf tangan negara terus hidup subur sebagai lambang kebudayaan negara Malaysia. Dalam konteks ini, pihak kerajaan harus memberikan pinjaman modal kepada pengusaha yang ingin meluaskan sayap perusahaan kraf tangan mereka. Melalui bantuan tersebut sedikit sebanyak dapat memberi peluang kepada pihak yang mula berjinak-jinak dalam industri kraf tangan ini dalam mengorak langkah. Pihak yang bertanggungjawab haruslah mengadakan promosi secara besar-besaran melalui majalah dan media massa bagi memuatkan ruangan khas untuk kraf tangan negara. Selain pihak kerajaan, pengusaha kraf tangan perlulah kreatif untuk menghasilkan pelbagai kraf tangan yang unik dan moden agar lebih menarik perhatian pengguna.

Industri kraf tangan boleh memperbanyak peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat desa. Barangan kraf tangan yang dieksport ke luar negara contohnya ke negara Eropah telah menyebabkan nama Malaysia dikenali ramai dan mendorong para pelancong untuk datang ke negara kita untuk melihat sendiri cara produk tersebut dihasilkan. Melalui industri ini juga, manfaat yang diperolehi ialah masyarakat yang kreatif, inovatif juga dapat dibentuk dan dapat mengekalkan warisan dan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat. Arus pemodenan telah menenggelamkan budaya tradisional masyarakat Melayu dalam diri remaja pada masa ini. Oleh itu, peluang haruslah diberi kepada setiap lapisan masyarakat untuk mengenali warisan dan budaya tersebut melalui konsep rekaan sesuatu kraf tangan .

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Perkembangan Industri Kraf Tangan dan Kesannya Kepada Ekonomi',
oleh Nik Azma Nik Day,
Jurnal Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, 2015.

Bahan 2



**PENGAMBILAN PESERTA KURSUS
PROGRAM LATIHAN KRAF TANGAN SESI 2020
PUSAT KRAF TANGAN NEGERI**

<p>KURSUS YANG DITAWARKAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. SENI KRAF BATIK 2. SENI REKAAN BATIK DIGITAL 3. SENI KRAF JAHITAN <p>SYARAT/KELAYAKAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. BUMIPUTERA SAHAJA 2. MINAT YANG TINGGI DALAM BIDANG KRAF TANGAN 3. BERUMUR 18 -45 TAHUN (GOLONGAN B40) 4. KELAYAKAN AKADEMIK; <ol style="list-style-type: none"> a. SIJIL PELAJARAN MALAYSIA b. SIJIL PENILAIAN MENENGAH RENDAH 5. LULUS TEMU DUGA <p>TARIKH TUTUP PERMOHONAN; 30 FEBRUARI 2021</p>	<ol style="list-style-type: none"> 4. SENI KRAF TENUNAN 5. SENI KRAF SERAMIK 6. SENI KRAF ROTAN <p>CARA MEMOHON</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. MUAT TURUN BORANG DARI LAMAN WEB PUSAT KRAF TANGAN NEGERI 2. LENGKAPKAN DOKUMEN SOKONGAN 3. HANTAR BORANG KE ALAMAT YANG TERDAPAT DALAM BORANG PERMOHONAN.
---	---

KERANGKA RUMUSAN

TEMA	
PENDAHULUAN	
FOKUS	BAHAN 1 FOKUS
FOKUS	BAHAN 2 FOKUS
FOKUS	BAHAN 3 FOKUS
KESIMPULAN	

KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1: Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki **membina satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kita sering melihat amalan rumah terbuka di negara ini sekadar untuk meraikan rakan taulan dengan hidangan yang disediakan, tetapi ada rahmat yang tersembunyi di sebalik amalan rumah terbuka. Antaranya ialah kita dapat memupuk semangat kekitaan dan kejiranan. Tradisi rumah terbuka secara tidak langsung merapatkan hubungan antara jiran tetangga. Inilah peluang untuk mereka mengambil tahu mengenai jiran serta keluarga mereka. Jadi, amalan rumah terbuka, sedikit sebanyak memberi ruang kepada ahli kejiranan untuk sekurang-kurangnya mengenali jiran mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Budaya Unik Rumah Terbuka Wajar Diteruskan',
Berita Harian Online, Julai 2015.

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi **tiga ayat majmuk** tanpa mengubah susunan dan maksud asalnya.

Kaedah pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) sangat sesuai dengan jiwa generasi muda pada era teknologi maklumat ini. Kaedah ini membantu proses pembelajaran menjadi lebih interaktif. Konsep pembelajaran PAK-21 lebih mengutamakan aktiviti didik hibur. Aktiviti ini memudahkan murid memahami sesuatu topik pelajaran. Murid mengalami suasana pembelajaran baharu di dalam kelas. Murid berasa sangat seronok belajar di dalam kelas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Belajar Lebih Menyeronokkan',
My Metro Online, September 2019,
[6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Petikan di bawah mengandungi **sembilan kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sembilan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Perkembangan teknologi kini mengalami perubahan pesat terutama dalam bidang informasi dan komunikasi. Gaya hidup remaja turut dipengaruhi oleh kepesatan ini. Remaja kini menjadikan sosial media sebagai gaya hidup yang memudahkan mereka untuk mendapat maklumat dan berkomunikasi. Walaubagaimanapun, kesan negatifnya seperti penyebaran berita palsu secara leluasa perlu diberikan perhatian. Ibu bapa sewajarnya memantau perlakuan anak-anak yang sering melayari internet kerana kanak-kanak dan remaja mudah meniru aksi merbahaya yang ditonton. Oleh kerana itulah terdapat remaja yang melakukan gaya ganas dengan rakan sebaya.

[9 markah]

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat."

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya. Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah.

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada',
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[6 markah]

Soalan 5: Peribahasa

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Dalam kehidupan di sesebuah kawasan perumahan kita harus bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain. Amalan seumpama ini dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat pada hari ini tidak menghiraukan jiran tetangga dan lebih selesa hidup bersendirian. Mereka memberikan pelbagai alasan termasuklah kesibukan bekerja. Sepatutnya, dalam kehidupan bermasyarakat kita perlu menjalinkan hubungan yang mesra dengan jiran supaya sesuatu masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan bijak tanpa menyinggung perasaan mana-mana pihak.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

Soalan 6: Petikan umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pelbagai tafsiran diberikan dalam mendefinisikan semangat patriotisme. Secara ringkas, semangat patriotisme ialah perasaan cinta akan negara. Tafsiran patriotisme memang subjektif. Perbuatan menunjukkan patriotisme atau menjadi patriotik, antara keperluan untuk menjadi warganegara baik. Ada banyak lagi tindakan, tingkah laku dan perbuatan boleh dihubungkan dengan patriotisme. Contohnya, rakyat Malaysia hendaklah mematuhi undang-undang, memahami hak dan kebebasan orang lain yang terkandung dalam perlembagaan. Selain itu, menghormati dan menghargai hak orang lain juga menggambarkan sama ada kita sebenarnya ada semangat patriotisme atau sebaliknya. Kita perlu menerima hakikat bahawa amalan patriotisme ialah proses *sepanjang hayat*. Patriotisme penting dalam memupuk nilai jati diri bagi menghalang sebarang bentuk ancaman sama ada dari dalam atau luar. Amalan ini perlu dipraktikkan sepanjang masa dan dalam setiap tindakan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Semarakkan Patriotisme Sepanjang Masa',
Berita Harian Online, 2 September 2020.

Bahan 2

Patriotisme bukan sahaja boleh dipupuk dalam kalangan generasi muda tetapi dapat dizahirkan melalui perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Contohnya, setiap individu hendaklah menunjukkan perlakuan menghormati raja, pemimpin negara dan lambang atau simbol negara seperti bendera serta lagu kebangsaan Malaysia. Selain itu, Jalur Gemilang dipasang di laluan utama bangunan kerajaan. Seterusnya, kita perlu berdiri tegak ketika lagu Negaraku berkumandang bagi mengaplikasikan nilai patriotisme dalam diri.



Sumber: *Internet*

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *sepanjang hayat*. [2 markah]

- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cara-cara untuk menunjukkan sikap patriotik. [4 markah]

- iii) Sambutan Bulan Kebangsaan pada peringkat sekolah merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan murid.

Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti menarik yang sesuai dijalankan oleh pihak sekolah untuk memeriahkan sambutan Bulan Kebangsaan dalam situasi pandemik COVID-19? [3 markah]

- iv) Persatuan penduduk di tempat tinggal anda akan mengadakan sambutan Bulan Kebangsaan. Namun, masyarakat bersikap acuh tak acuh dalam menjayakan program ini.

Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda dapat memberikan bantuan untuk menarik sokongan masyarakat agar terlibat secara aktif dalam program tersebut? [3 markah]

Soalan 7: Petikan sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kini, datuk bercerita tentang cara-cara menyembuhkan penyakit secara tradisional. Memang dalam soal ini datuk boleh disebut pakar, macam doktor. Dia jenis manusia yang *bijak memanfaatkan* bahan sedia ada atau bahan percuma menjadi kegunaan untuk kesihatan dan kecantikan. Misalnya, hampas kopi dijadikan losen tangan. Hampas teh untuk menyegarkan mata, ubi kayu bagi menghilangkankan buasir. Lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala.

Dipetik daripada
Novel Jendela Menghadap Jalan,
karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Ribut hilang langit pun cerah,
syukur dipanjat lapang di dada;
ulam raja pencuci darah,
tinggi khasiat antioksidan.

Pergi melancong ke negeri Melaka,
melancong ke sana di bulan syawal;
hempedu bumi penyembuh luka,
tekanan darah dapat dikawal.

Shida Aris
Everly, Putrajaya

Bahan 3

Rahsia Alam

Hembusan pawana
indah alam nan hijau
menyimpan seribu rahsia
rempah ratus
ulam-ulaman
penawar segala derita.

Pahit jering agen pelawas
mengkudu kaya mengawal darah
pucuknya gajus awet muda
bukti keagungan Pencipta
alam semesta.

Shida Aris
Everly, Putrajaya

- i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud rangkaian kata *bijak memanfaatkan*. [2 markah]

- ii) Merujuk semua bahan, nyatakan fungsi-fungsi bahan yang digunakan dalam perubatan tradisional. [4 markah]

- iii) Perubatan tradisional merupakan satu kaedah perubatan alternatif pelengkap kepada perubatan moden.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperkenalkan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat?

[4 markah]

- iv) Datuk anda merupakan seorang pengamal perubatan tradisional. Beliau menggunakan tumbuh-tumbuhan herba seperti sirih dan serai wangi dalam kaedah perubatannya. Walau bagaimanapun terdapat segelintir masyarakat terutamanya generasi muda yang tidak yakin dengan kaedah perubatan tradisional dan menganggap perubatan ini tidak berkesan.

Sebagai ahli keluarga yang bertanggungjawab, apakah tindakan anda untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap kaedah perubatan yang diamalkan oleh datuk anda.

[3 markah]

Soalan 8: Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bungkam seketika. Tidak tahu perkara yang harus dibualkan. Pertama kali bertentang mata, lidah kelu tidak berkata, meskipun hati mencuit-cuit minta untuk bicara.

“Saya tidak pernah pun menjejakkan kaki di Terengganu, negeri yang terkenal dengan pantai dan pulau yang indah. Tentu seronok kan?” ujar See Hwa. “Dulu, cikgu Abdullah selalu bercerita kepada saya tentang negeri Terengganu. Penyu-penyu yang bertelur di Rantau Abang dan tentang kehalusan sutera dan batik di Pasar Payang.

Haiqal tersenyum. Fasih See Hwa berbahasa Melayu. Tidak kedengaran pelat Cinanya. “Johor pun apa kurangnya, kan? Negeri yang telah melahirkan ramai pejuang bangsa macam Dato’ Onn ... negeri yang kaya dengan kebudayaannya.”

Dipetik daripada
Novel *Silir Daksina*,
karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan ciri-ciri negeri Terengganu seperti yang diperkatakan oleh See Hwa.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:
- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib
 - (b) *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
 - (c) *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
 - (d) *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin
 - (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
 - (f) *Tirani*, karya Beb Sabariah
 - (g) *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
 - (h) *Bimasakti Menari*, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang memberikan inspirasi kepada kehidupan anda.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 Markah]

Soalan 9: Rumusan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1

Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukan lagi satu mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah, mereka sudah mempelajari mata pelajaran ini demi pelbagai tujuan yang murni. Tambahan pula, mata pelajaran Sejarah telah diwajibkan lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir murid yang tidak minat mempelajari Sejarah kerana beranggapan bahawa mata pelajaran ini susah dan membosankan seterusnya menyebabkan murid tidak minat mempelajarinya.

Mempelajari Sejarah dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan. Banyak kesilapan manusia berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Kesilapan yang dilakukan ini tidak harus diulangi oleh generasi kini. Sebaliknya, kita mesti mempertahankan dan membangunkan negara. Selain itu, sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa. Martabat sejarah perlu diangkat untuk membentuk keperibadian rakyat. Malangnya, nilai sejarah itu hanya diingati semata-mata untuk lulus peperiksaan. Generasi muda juga tidak diberi penekanan oleh ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan mempelajari sejarah.

Melalui sejarah, rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini. Mereka tidak akan melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan nama baik negara Malaysia. Mereka juga tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan perlembagaan negara. Dalam hal ini, pengetahuan sejarah khususnya sejarah negara akan membolehkan sesuatu bangsa, terutamanya generasi muda menjadi lebih prihatin terhadap bangsa dan pembangunan negaranya. dalam merencanakan masa hadapan. Sehubungan dengan itu, penekanan terhadap kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah amat perlu bagi menjamin masa depan generasi muda dan negara yang tercinta ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Sayangi Negaraku	
Musnah Singapura dilanggar todak, Gundah gulana jiwa gelora; Kedaulatan negara ter gugat tidak, Didik rakyat sayangi negara.	Burung merpati terbang pulang, Singgah sebentar di tengah laman; Sejarah hitam jangan diulang, Jadi rujukan buat pedoman.
Ilham: Panel Penulis Modul YaPIEM 2022	

Bahan 3



KERANGKA RUMUSAN

TEMA	
PENDAHULUAN	
FOKUS	BAHAN 1 FOKUS
FOKUS	BAHAN 2 FOKUS
FOKUS	BAHAN 3 FOKUS
KESIMPULAN	

JAWAPAN RUMUSAN

KERTAS 3

BAHAGIAN A: UJIAN BERTUTUR INDIVIDU [40 Markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TEMA: PENDIDIKAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA



KOD QR
SOALAN
PENTAKSIR



Pendidikan di Malaysia bermatlamat ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh, bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah digunakan di Malaysia bertujuan menjadi panduan bagi semua aktiviti pendidikan. Melalui FPK, sistem pendidikan negara sebenarnya menganjukkan diri ke kedudukan hadapan dengan mengungkapkan secara jelas prinsip dan nilai asas dalam pendidikan. FPK menjadi dasar dan membentuk sistem pendidikan Malaysia bermula daripada peringkat rendah kepada peringkat tertinggi. Oleh itu, sebagai seorang guru yang telah diberikan amanah untuk mendidik anak bangsa, mereka mestilah memiliki roh pendidikan sebenar. Profesion guru harus dilihat sebagai kerjaya yang berprestij dan memiliki martabatnya tersendiri. Guru harus menyerahkan jiwa dan raganya demi memberikan pendidikan terbaik kepada pelajarannya.

Sumber: Dipetik dan ubah suai Dewan Masyarakat Bil. 9 2018
'Dunia Baharu Pendidikan Negara' ms 32

KERTAS 3

BAHAGIAN B: UJIAN BERTUTUR KUMPULAN
[30 Markah]

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Kebersihan amat dituntut dalam kehidupan.

Ulaskan pernyataan tersebut.

TEMA: PENDIDIKAN

Sekolah merupakan platform terbaik menerapkan nilai murni seperti berdikari, tolong-menolong, hormat-menghormati dan kasih sayang dalam kehidupan.

Bincangkan.

TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Amalan kitar semula banyak memberikan impak positif dalam kehidupan manusia.

Jelaskan.

TEMA: PERINDUSTRIAN

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan taraf hidup penduduk setempat malah dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia.

Ulas pernyataan tersebut

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Seni pertahanan diri seperti tae kwan do, silat dan silambam perlu diperkenalkan kepada generasi pada hari ini.

Berikan komen anda.

KERTAS 4

UJIAN MENDENGAR
[30 Markah]



MAKLUMAN UNTUK CALON

- Calon membaca soalan kali pertama selama satu minit.
- Rakaman audio diperdengarkan kali pertama.
- Calon diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
- Rakaman audio diperdengarkan kali kedua.

PETIKAN 1

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan berita yang diperdengarkan.

1. Apakah tujuan Tourism Malaysia melancarkan Pelan Pemulihan Pelancongan 2022

.....
[1 markah]

2. Pakej Rangsangan Ekonomi menyalurkan insentif dalam bentuk:

- i)
- ii)
- iii)

[3 markah]

3. Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** untuk soalan ini.

Kluster yang terlibat dalam penyaluran insentif kepada rakyat Malaysia.

i. Kluster Pengangkutan Kereta api	
ii. Kluster Persatuan Pelancongan	
iii. Kluster Penginapan	

[3 markah]

4. Lagu 'Menemui Semula' nyanyian Aina Abdul mengandungi elemen berikut **KECUALI**

- A. meneroka khazanah alam semula jadi
B. bercuti bersama keluarga
C. menikmati pengalaman melancong di luar negara

[1 markah]

PETIKAN 2

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan perbualan yang diperdengarkan.

1. Tandakan (\checkmark) pada jawapan yang betul.

- a. Risalah dihasilkan sebagai salah satu bahan kempen pengguna selamat. ()
- b. Risalah dihasilkan sebagai salah satu bahan kempen keselamatan di jalan raya. ()

[1 markah]

2. Faktor-faktor kemalangan di jalan raya yang dibincangkan ialah

- i.
- ii.
- iii.
- iv.

[4 markah]

3. Kemalangan di jalan raya mengakibatkan

- i.
- ii.

[2 markah]

4. Murid yang akan menghasilkan risalah tersebut ialah

- a. Aiman dan Sufiah
- b. Aiman dan Umairah
- c. Sulaiman dan Amirah
- d. Sulaiman dan Sufiah

[1 markah]

PETIKAN 3

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan berita yang diperdengarkan.

1. Nyatakan **dua** faktor pemilihan kerjaya.

a.

b.

[2 markah]

2. Kaji Selidik Jenama Majikan Ranstad 2022 dibuat pada

[1 markah]

*Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 3***

3. Jumlah responden Kaji Selidik Jenama Majikan Ranstad 2022 ialah

a. 2000

b. 2500

c. 3000

d. 3500

[1 markah]

4. Nyatakan peluang yang diperoleh pencari kerja apabila permintaan meningkat.

.....

[1 markah]

5. Apakah perkara yang membimbangkan ramai rakyat Malaysia?

.....

[2 markah]

PETIKAN 4

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan rencana yang diperdengarkan.

1. Nyatakan punca berlakunya pencemaran alam sekitar.

a

b.....

c.

[3 markah]

2. Apakah portfolio atau medium yang strategik untuk menangani isu alam sekitar?


.....

[1 markah]

3. Tandakan (\checkmark) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

(i)	Teknologi hijau telah terbukti berkesan dan lebih cekap kerana mampu menjanakan tenaga dalam pelbagai keadaan	
(ii)	Tenaga dapat dijana dalam pelbagai keadaan dengan kos yang murah	
(iii)	Teknologi hijau tidak mampu membantu dalam usaha memulihara alam sekitar	

[3 markah]



**Set 1
Kertas 1**

Bahagian A

Kemalangan datang tanpa diduga – malang tidak berbau- kemalangan kenderaan – Jabatan Bomba dan Penyelamat. Bencana seperti banjir – Angkatan Pertahanan Awam

- Tanggungjawab / tugas / peranan Angkatan Pertahanan Awam
 - Menyediakan perkhidmatan kecemasan dan khidmat bantuan kemanusiaan di seluruh negara.
 - Memberikan bantuan mangsa banjir
- Tanggungjawab / tugas / peranan JBPM
 - kerja-kerja untuk mengeluarkan mangsa kemalangan daripada kenderaan, menyelamatkan mangsa runtuhan bangunan serta mencari dan menyelamatkan mangsa lemas.
 - Memadamkan kebakaran dan menyelamatkan mangsa kebakaran.

Jasa mereka hendaklah dihargai. Bertarung nyawa untuk melaksanakan misi menyelamatkan. Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

Bahagian B

Soalan 1:

Keputusan Budi Bahasa dalam Kalangan Masyarakat
Oleh: Haslindar Nor

Bangsa Malaysia berhemah tinggi
Ramah dan mesra elok pekerti
Yang tiada dibantu, yang lemah dilindungi
Bertimbang rasa hormat-menghormati.

Rangkap lagu di atas merupakan nyanyian Siti Nurhaliza yang bertajuk Budi Bahasa Budaya Kita. Jelas menunjukkan rakyat Malaysia yang berhemah tinggi dan mempunyai budi pekerti. Persoalannya apakah kepentingan budi bahasa dalam kalangan masyarakat?

1. Seseorang itu akan dihormati – mudah dapat pertolongan semasa kesusahan – bersopan santun ketika berkomunikasi – tidak meninggikan suara – orang sekeliling akan menghormatinya – dipandang tinggi oleh masyarakat.

2. Perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat dapat diwujudkan – perpaduan penting demi menjaga hubungan antara kaum- Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan Melanau. Masyarakat yang berbudi bahasa tidak akan menyebarkan berita yang tidak sahih – menimbulkan fitnah. Setiap ahli masyarakat menjaga hubungan dengan cara menghormati budaya dan amalan kaum lain.

3. Pelancong akan seronok melancong di negara kita – industri pelancongan mampu menjaga ekonomi negara – pelancong datang dilayan dengan baik – sangat dialu-alukan kehadiran mereka – masyarakat sekeliling sedia membantu mereka – pelancong akan menceritakan kebaikan rakyat Malaysia yang berbudi bahasa kepada saudara-mara dan rakan-rakan di negara mereka – Malaysia dipandang tinggi.

Kesimpulan - Budi Bahasa Budaya Kita merupakan satu slogan kebanggaan negara kita. Budi bahasa ialah norma kehidupan rakyat Malaysia yang terkenal dengan santun perkataannya dan indah tutur kata.

Soalan 2:

Merdeka! Merupakan kata keramat yang dilahirkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1957. Sejak tarikh ini negara kita telah bebas daripada cengkaman penjajah. Jelaslah sejarah telah mengajar kita menghargai erti kemerdekaan. Persoalannya, apakah kebaikan-kebaikan mempelajari mata pelajaran Sejarah?

1. Generasi muda dapat mengelakkan diri daripada sejarah lama berulang kembali - semasa mempelajari mata pelajaran Sejarah – tidak mahu pisang berbuah dua kali - Kesilapan yang telah dilakukan dahulu sepatutnya menjadi pengajaran – yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan – kita tidak mahu titik hitam berulang kembali.

2. Penghayatan sejarah dapat menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda – belajar tentang tokoh pejuang kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan - mereka akan menyayangi negara Malaysia dan menjaga kedaulatannya – menjaga perpaduan kaum - generasi hari ini akan bersedia untuk mempertahankan negara jika diancam oleh anasir luar.

3. Mempelajari sejarah, rakyat akan patuh dengan undang-undang negara Malaysia. Oleh hal yang demikian mereka tidak bertindak sesuka hati – tidak melakukan sesuatu yang mencemarkan nama baik negara – mereka tidak melakukan perbuatan jenayah dan rasuah kerana tahu bahawa negara kita mempunyai undang-undang yang wajib dipatuhi.

Kesimpulan - terdapat banyak kepentingan apabila murid mempelajari mata pelajaran Sejarah. Oleh sebab itu, Sejarah merupakan mata pelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kita hendaklah mempelajari Sejarah kerana kita mendapat pengajaran daripada peristiwa yang berlaku.

**Set 2
Kertas 1**

Bahagian A

Pendahuluan - Sebanyak 37 890 tan sisa dihasilkan oleh rakyat Malaysia setiap tahun dan 1.17 kilogram sisa dijanakan oleh setiap individu setiap hari. Rakyat Malaysia tidak mengambil endah kerana masing-masing bersikap bagai enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

1. Isi – Kepentingan / faedah / kebaikan kitar semula
Mengurangkan penggunaan bahan mentah baharu – untuk elak pembaziran sumber alam semula jadi yang semakin terhad – sumber alam memakan masa yang lama untuk terhasil- ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.

2. Mengurangkan pencemaran – jika masyarakat membuang sisa ke dalam laut atau sungai – sisa toksik – contoh Sg Kilim Kim Kim di Pasir Gudang – kanak-kanak mengalami kesukaran bernafas – menyelamatkan alam sekitar daripada tempat pembiakan nyamuk dan tikus – punca penyakit.

3. Mengurangkan bahan buangan – bahan seperti kertas, logam, plastik, kaca – diproses untuk menjadi barangan baharu- boleh mendatangkan sumber kewangan – dapat mengurangkan tapak pelupusan sampah.

Kesimpulan - Penggunaan tiga tong kitar semula perlu diperkasa – tidak ada planet lain untuk diduduki jika alam sekitar kita rosak dan dicemari – Semoga amalan kitar semula menjadi budaya setiap ahli masyarakat - alah bisa tegal biasa.

Bahagian B

Soalan 1

Pendahuluan - Permainan yang menjadi identiti negara semakin dipinggirkan terutama oleh generasi muda – perkembangan pesat teknologi maklumat – mereka lebih menjivai permainan moden – Permainan ini perlu dipopularkan – untuk membentuk jati diri – di samping memartabatkan permainan yang semakin dilupakan.

Contoh, congkak, gasing dan batu seremban. Biar mati anak, jangan mati adat.

- Isi – Cara mempopularkan permainan tradisional semula
1. Ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional – menjadi suri teladan kepada anak-anak – generasi yang baru setahun jagung – beli hadiah permainan tradisional – bawa mereka ke pameran – beritahu keunikan permainan tradisional – melentur buluh biarlah dari rebungunya.
 2. Kempen – stesen televisyen, media cetak dan media elektronik menjadi medium penyampai kepada masyarakat – memperbanyak dokumentari menunjukkan cara-cara bermain setiap permainan tradisional – congkak, batu seremban, dan gasing – boleh bermain pada masa lapang atau semasa pulang ke kampung – filem animasi boleh menengahkan permainan tradisional
 3. Menganjurkan pertandingan permainan tradisional – sekolah boleh memainkan peranan – aktiviti kokurikulum – kelab permainan tradisional – dapat mencungkil bakat yang terpendam – contoh permainan sepak raga bulat – dapat mengisi masa lapang – melahirkan sikap bekerjasama – bagai aur dengan tebing.

Kesimpulan - permainan tradisional - warisan dan budaya bangsa yang perlu dipelihara agar tidak tenggelam dalam arus pemodenan – harapan – agar permainan ini terus dimartabatkan- tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Soalan 2

Pendahuluan – Semangat patriotisme yang semakin luntur sering diperkatakan – timbul rasa bimbang – kita tidak menghiraukan sambutan hari kebangsaan – tidak kibar bendera – menjejaskan kemakmuran negara kita.

- Isi – Langkah-langkah memupuk semangat patriotisme
1. Memupuk semangat patriotik sejak bangku sekolah – sebatan dalam diri pelajar – melentur buluh biarlah dari rebungunya – contoh sambutan hari merdeka, nyanyian lagu Negaraku – lahir rasa cinta – tidak melakukan perkara yang memburukkan nama negara.
 2. Ibu bapa perlu menanam kesedaran tentang kepentingan memelihara kemerdekaan dan kedaulatan negara – suri teladan – kibar bendera – melawat tempat bersejarah – anak-anak mendapat pendedahan awal tentang semangat cinta akan negara.
 3. Kempen secara besar-besaran – media massa – jangan hangat-hangat tahi ayam – televisyen dan radio menyiarkan program / rancangan / filem / drama yang dapat meningkatkan semangat patriotik – filem Bukit Kepong, filem Leftenan Adnan
 4. Peranan pihak sekolah – aktiviti kokurikulum – Persatuan Sejarah – semai semangat cinta akan negara – pertandingan menulis esei, mendeklamasi sajak, mencipta sajak, menghias bilik darjah, lawatan ke tempat bersejarah - Melaka.

Kesimpulan – semangat patriotisme sangat penting untuk melahirkan warganegara yang cinta akan negara – individu yang berguna – dapat memajukan negara – mengekalkan perpaduan – berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Set 3 Kertas 1

Bahagian A

e-mel 1

Daripada: irfaan21@gmail.com
Kepada: iffah_alias@gmail.com
Subjek: Destinasi Pelancongan

Pendahuluan - Kata sapaan kepada penerima e-mel - menjawab khabar dan mengucapkan terima kasih kepada pengirim e-mel kerana utusan e-mel itu menyebabkan hubungan mereka menjadi seperti isi dengan kuku - mendoakan penerima e-mel dan keluarga berada dalam keadaan sihat.

(Alhamdulillah, saya berada dalam keadaan sihat. Terima kasih kerana mengutuskan e-mel kepada saya. Tindakan awak tentunya dapat mengekalkan hubungan persahabatan kita bagi isi dengan kuku. Saya mendoakan awak sekeluarga agar sentiasa sihat.)

Isi - Nyatakan tujuan membalas e-mel tersebut - amat menggalakkan percutian kerana jauh perjalanan luas pemandangan dan untuk menyatakan cadangan tentang lokasi pelancongan yang dipilih dan rasional cadangan tersebut dibuat.

Lokasi pilihan ialah Langkawi, kerana...

- pulau ini menawarkan keseronokan kepada setiap lapisan umur dalam anggota keluarga
- mendapat pengalaman baharu kepada adik-adik- menaiki feri atau kapal terbang
- membantu ibu dan bapa menenangkan fikiran selepas penat bekerja - pulau yang bersih dan dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara
- peluang kepada ibu dan awak untuk berbelanja kerana pulau bebas cukai
- pengalaman baharu kepada semua ahli keluarga -berpeluang menaiki kereta kabel
- melancong sambil mempelajari sejarah silam - dapat melihat lokasi bersejarah seperti Makam Mahsuri dan Beras Terbakar

Kesimpulan - Harapan agar cadangannya dapat membantu penerima e-mel membuat pertimbangan untuk pergi melancong - berharap percutian penerima e-mel berjalan dengan lancar - tidak sabar hendak mendengar kisah menarik pengalaman penerima e-mel pergi melancong.

e-mel 2

Daripada: reynita@gmail.com
Kepada: hana@gmail.com
Subjek: Juara Rumah Sukan

Pendahuluan - Kata sapaan kepada penerima e-mel - menjawab khabar dan mengucapkan terima kasih kepada pengirim e-mel kerana utusan e-mel itu walaupun sibuk dengan aktiviti di sekolah - mengucapkan tahniah kepada pengirim e-mel atas pelantikannya sebagai pengerusi rumah sukan Emerald.

(Alhamdulillah, saya berada dalam keadaan sihat. Terima kasih kerana mengutuskan e-mel kepada saya walaupun awak begitu sibuk dengan aktiviti di sekolah. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada awak atas pelantikan sebagai pengerusi rumah Sukan Emerald)

Isi - Nyatakan tujuan membalas e-mel - jelaskan bahawa cabaran yang bakal ditempuhi akan tetap membawa kejayaan jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh - usaha tangga kejayaan.

Cadangan perkara yang perlu dilakukan untuk menjadi juara;

- membuat latihan kecergasan secara tekal atau konsisten
- berlatih dengan bersungguh-sungguh dengan jurulatih atau bekas atlet sekolah
- sentiasa memotivasikan ahli rumah sukan sebelum sesi latihan dijalankan

- membentuk strategi tertentu ketika memilih atlet bagi acara-acara yang dipertandingkan
- mencipta sorakan yang menarik dan mampu menaikkan semangat ahli rumah sukan.

Kesimpulan - mengingatkan penerima e-mel agar meningkatkan keazaman jika ingin berjaya kerana hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih - nyatakan doa anda mengiringi perjuangan penerima e-mel untuk menjadi juara keseluruhan kejohanan sukan sekolahnya.

Bahagian B

Soalan 1

Pendahuluan - Pembelian barangan secara e-dagang memang mudah dan murah - banyak jenis barangan yang sukar dijumpai dapat dibeli dengan mudah secara maya - menyebabkan pembeli seronok dan ketagih untuk berbelanja - sikap boros membeli kian ketara - amalan berjimat cermat patut ditekankan

Isi - Cara-cara untuk mengamalkan amalan berjimat cermat

1. Setiap individu mestilah merancang perbelanjaan harian - dapat membantu seseorang itu mengawal aliran wang keluar dan masuk - menyediakan senarai perbelanjaan - rekod perbelanjaan - dapat menganalisis perbelanjaan - mengelakkan pembelian barangan yang tidak sepatutnya sekali gus berlaku penjaminan.
2. Setiap individu perlu mengamalkan amalan menabung - sedar akan keperluan mendatang dan bukannya menghabiskan wang dengan membuat pembelian - sentiasa ingat bahawa malang tidak berbau - mengurangkan ketagihan untuk membuat pembelian yang sia-sia dan menghargai nilai setiap sen.
3. Setiap individu mesti mendahulukan keperluan daripada kemahuan - keperluan ada batasnya dan terkawal - membeli barang-barang yang diperlukan sahaja dan tidak berbelanja secara sembarangan - pembaziran dan pembelian barangan secara sia-sia dielakkan - menjaunkan situasi biar papa, asalkan bergaya berlaku.

Kesimpulan - terdapat banyak cara untuk mengamalkan amalan berjimat cermat - langkah ini wajar dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan bukannya ibarat melepaskan batuk di tangga - melahirkan individu yang bijak menguruskan wang dan menjalani kehidupan yang bebas hutang.

Soalan 2

Pendahuluan - Pada era digital, proses jual dan beli dapat berlaku secara maya - capaian Internet meluas dan stabil - merencanakan lagi perkembangan e-dagang - kemunculan kedai dalam talian umpama cendawan tumbuh selepas hujan - terdapat pelbagai kebaikan perniagaan dalam talian.

- Kebaikan perniagaan dalam talian - mewujudkan pusat beli belah terbesar di dunia-pasaran yang luas dan bersifat global - capaian Internet semakin baik dan tiada had - pengguna dari seluruh negara atau dunia mengunjungi kedai dalam talian seperti Lazada dan Zalora - perniagaan juga dapat dijalankan secara 24 jam - luas pasaran, lebih banyak pelanggan, lebih banyak jualan.
- Menawarkan atau membeli pelbagai jenis produk - platform e-dagang menawarkan jenis produk yang tidak terhad -kedai dalam talian seperti Shoppe, Ebay dan Amazon - mencari produk yang ingin dibeli dengan mudah - pembeli tidak perlu bersusah payah mencari barang yang diperlukan-semua barang-barang terpapar di hadapan skrin

- Menjimatkan masa dan kos pengangkutan-masa itu emas-penjual atau pembeli mampu mengurus niaga dari rumah-tidak perlu keluar dari rumah-tidak perlu menggunakan kenderaan-menjimatkan penggunaan petrol-urusan berjalan lancar-mengurangkan pergerakan dan kesesakan-mengelakkan pelbagai risiko

Set 4 Kertas 1

Bahagian A

Pendahuluan - Ilmu Jabatan Hidup - kata-kata yang membuktikan bahawa ilmu sangat penting dalam kehidupan manusia. - jika seseorang itu tidak mempunyai ilmu, mereka akan ketinggalan dan mereka akan mengalami kesusahan dalam kehidupan - untuk memperoleh serta mendalami ilmu, kita perlu berusaha dengan gigih kerana ilmu tidak datang sendiri - Bak kata peribahasa, yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang.

Isi - Kepentingan / manfaat / kebaikan menuntut ilmu pengetahuan

1. Mendapat kesenangan hidup - bergaji lumayan - mendapat pekerjaan yang hebat dengan kepakaran yang dimiliki - merancang kehidupan dengan yang lebih sempurna - dapat berbelanja mengikut kehendak - dapat melancong, membeli pakaian dan menyara kehidupan - situasi ini mungkin berbeza dengan mereka yang kurang berilmu dalam hidup mereka - mengubah kehidupan dengan membina rumah yang lebih selesa, berkereta yang sesuai dengan taraf kehidupan dan mampu memiliki keperluan asas dan kehendak diri.
2. Mengharumkan nama seseorang - dihargai oleh masyarakat kerana ilmu dan kepakaran yang dimiliki dalam sesuatu bidang - bidang agama, bidang sukan, masakan dan sebagainya - perkhidmatan orang yang berilmu digunakan untuk kepentingan umum - contohnya, doktor mampu memberi rawatan kepada pesakit, pendakwah mampu memberi kesedaran kepada masyarakat dan guru boleh menyampaikan ilmu kepada para pelajar - jasa mereka akan dihargai kerana mereka telah berjaya memberikan perkhidmatan yang diperlukan - menjadi idola atau pakar rujuk masyarakat.
3. Mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik - mudah untuk mendapat kerja. - mampu untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi - hasrat dan cita-cita kita hanya akan tercapai jika kita mempunyai ilmu - pekerjaan yang baik seperti guru, doktor, peguam dan akauntan - mendapat jawatan yang tinggi dan bergaji besar - menjamin kehidupan.

Kesimpulan - ilmu amat penting dalam kehidupan - kita janganlah membuang masa dengan melakukan perkara yang tidak bermanfaat. Gunakanlah masa yang ada untuk menuntut ilmu dalam pelbagai bidang - hendak seribu daya tak nak seribu dalih.

Bahagian B

Soalan 1

Pendahuluan - Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang terdiri daripada orang Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan. Kehidupan masyarakat yang harmoni amat dituntut bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diinginkan. Semangat kejiwaan perlu dipupuk dalam kehidupan bermasyarakat - jiran sepakat membawa berkat - pelbagai manfaat yang akan saya peroleh jika amalan hidup berjiran dijadikan budaya dalam kehidupan

Isi – Manfaat-manfaat mengamalkan hidup berjiran

1. Dapat membantu saya ketika menghadapi masalah / menghadapi kecemasan - saya tidak dapat lari daripada perkara di luar dugaan seperti kebakaran, kemalangan, ditimpa sakit atau kematian - perkara yang berlaku ke atas diri saya, ahli keluarga, harta benda dan sebagainya terlebih dahulu diketahui oleh jiran - jiranlah orang yang paling cepat dapat membantu saya dengan kadar segera - jiran yang paling hampir dengan saya - jika saya sakit, jiranlah yang saya harapkan untuk menghantar kita ke klinik atau hospital bagi mendapatkan rawatan.
2. Menjamin keselamatan diri dan tempat tinggal saya - penubuhan Kelab Rukun Tetangga – terdiri daripada ahli masyarakat di kawasan kejiranan – di kawasan tempat tinggal - menjalankan rondaan secara berkumpulan pada waktu malam – dapat mengurangkan kadar jenayah seperti pecah rumah dan kecurian - jika ada orang yang tidak dikenali datang atau memasuki rumah saya pada waktu saya tiada di rumah, jiran pasti akan menghubungi keluarga saya. Contoh pada musim perayaan, jika saya sekeluarga pulang ke kampung untuk menziarahi rumah saudara-mara, jiranlah orang yang saya harapkan dapat membantu menjaga rumah.
3. Memupuk semangat kerjasama dalam diri saya - wujudnya aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong - ketika mengadakan majlis kesyukuran, sambutan perayaan - jiran bersikap ringan tulang dalam memberi bantuan dan pertolongan - kerja yang berat menjadi ringan - berat sama dipikul, ringan sama dijinjing – sesuatu pekerjaan dapat disiapkan dengan cepat dan mudah – jiran dapat bertemu dan berkenalan antara satu sama lain - merapatkan hubungan saya dengan jiran.
4. Saya dapat menambah kenalan - mempunyai jiran yang berbeza latar belakang seperti pekerjaan, pendidikan, agama, bangsa, keturunan, budaya dan adat resam – mengetahui budaya sesebuah masyarakat - dari aspek makanan, pakaian dan adat resam - tak kenal maka tak cinta - menambahkan lagi pengetahuan baharu – boleh bertukar - tukar fikiran atau kepakaran yang dimiliki oleh jiran seperti ilmu memasak, jahitan, landskap dan bercucuk tanam.

Kesimpulan – banyak manfaat yang diperolehi melalui hidup berjiran - semua pihak perlu berganding bahu bagi memupuk amalan hidup berjiran – tidak perlu bersikap seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

Soalan 2

Pendahuluan – Membaca jambatan ilmu - jelas menunjukkan kepentingan amalan membaca dalam kehidupan kita - setiap pihak haruslah melaksanakan peranan masing-masing untuk memupuk tabiat suka membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Isi – Usaha pelbagai pihak memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat.

1. Peranan pihak kerajaan - pihak kerajaan bolehlah mengadakan kempen-kempen yang menggalakkan amalan membaca - melalui media massa, media sosial, dan media cetak - kempen Marilah Membaca diadakan secara kerap dan bersungguh-sungguh tidak seperti melepaskan batuk di tangga - memberi pengetahuan kepada masyarakat manfaat membaca - memberi kesedaran kepada masyarakat – menyediakan perpustakaan awam dengan kemudahan yang lengkap dan selesa.

2. Peranan pihak sekolah - pihak sekolah menggalas tanggungjawab untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid – guru berperanan memupuk minat membaca dalam diri murid – pihak sekolah mengadakan aktiviti dan program – memperkasa Program NILAM - . Guru-guru di sekolah mengadakan pertandingan - memberikan hadiah berupa wang tunai dan bahan bacaan kepada para pemenang - menarik minat murid untuk membaca – alah bisa tegal biasa
 3. Peranan ibu bapa - ibu bapa menjadi suri teladan – membaca di hadapan anak-anak - ibu bapa juga boleh membawa anak-anak mereka ke perpustakaan awam - anak-anak boleh membaca dan membeli pelbagai jenis buku yang digemari oleh mereka - membawa anak-anak ke pesta buku - pelbagai jenis bahan bacaan boleh didapati di pesta buku. Ibu bapa boleh memberikan peluang kepada anak-anak untuk membeli buku pilihan mereka - minat membaca lebih mudah diterapkan jika anak-anak memperoleh bahan bacaan yang sesuai dengan mereka.
- Kesimpulan – semua pihak perlu memainkan peranan dalam memupuk minat membaca - masyarakat seharusnya mempunyai inisiatif dalam mengubah diri bagi memupuk minat membaca dalam diri kita sendiri kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan – kemajuan sesebuah negara dapat dicapai jika rakyatnya rajin membaca - bangsa membaca bangsa berjaya.

Set 5 Kertas 1

Bahagian A

1. Jawatan yang dipohon - Nyatakan jawatan yang dipohon seperti yang diiklankan
2. Maklumat Peribadi - Maklumat peribadi merangkumi nama, alamat, nombor telefon dan e-mel. Anda boleh juga memasukkan profil ringkas yang merangkumi objektif kerjaya anda. Pastikan maklumat peribadi adalah ringkas.
3. Pendidikan dan Kelayakan Profesional - Masukkan maklumat yang terkini sahaja. Jika pekerjaan tersebut memerlukan kelulusan ijazah, cukup letakkan dua peringkat pendidikan. Contoh, ijazah dan diploma / matrikulasi / SPM. Jika kelulusan diploma, sertakan juga SPM anda. Maklumat kelayakan profesional ialah kursus – kursus yang pernah anda ikuti atau sijil tambahan yang anda perolehi.
4. Kemahiran - Sertakan ringkasan kemahiran: Contoh, kemahiran menggunakan perisian komputer
5. Bahasa - Tuliskan seberapa banyak bahasa utama yang anda tahu. Sekiranya anda tahu bahasa asing seperti bahasa Jepun atau Perancis, pastikan maklumat tersebut turut disertakan.
6. Potensi diri - Nyatakan potensi diri / keistimewaan / kelebihan yang anda miliki
7. Rujukan - Maklumat berkaitan dengan orang yang menjadi rujukan anda. Maklumat yang perlu ada ialah nama, jawatan, syarikat dan nombor telefon untuk dihubungi.

Contoh:

1. Jawatan yang dipohon (Pilih **satu** jawatan)
Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik
2. Maklumat peribadi
Nama: Azira binti Ahmad
Alamat: 24, Jalan Gembira 14, Taman Gembira,
81700 Pasir Gudang, Johor
Nombor telefon: 011 - 1234567
E-mel: azira_ahmad@yahoo.com.my
3. Pendidikan dan kelayakan profesional
Saya memiliki kelulusan Diploma Pentadbiran Awam daripada Universiti Teknologi Mara pada tahun 2016.

Selain itu, saya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengurusan daripada Universiti Utara Malaysia pada tahun 2019.

1. **Kemahiran**
Saya mempunyai kemahiran menggunakan perisian Microsoft Office dan perisian Adobe Photoshop. Saya juga menguasai kemahiran dalam reka bentuk grafik.
5. **Bahasa**
Saya dapat bertutur dalam bahasa Melayu dengan lancar di samping mahir berbahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Saya juga dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Mandarin dengan baik kerana saya belajar di sekolah Cina dari Tahun 1 hingga Tahun 6.
6. **Potensi Diri**
Saya seorang yang mudah mesra dan mempunyai semangat juang yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan. Saya bersedia untuk menerima tanggungjawab sebagai seorang pemimpin dalam pasukan. Selain itu, saya bersedia menerima cabaran untuk melakukan tugas. Seterusnya, saya juga aktif bersukan terutamanya dalam sukan lasak seperti mendaki.
7. **Rujukan**
Dr. Mahani binti Razali
Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah.
Nombor Telefon: 014- 2345678

Bahagian B

Soalan 1

Pendahuluan – Isu keruntuhan akhlak dalam kalangan generasi muda semakin berleluasa - sering diperkatakan – timbul perasaan bimbang – contoh tindakan segelintir pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang melakukan perbuatan biadab dengan menconteng baju sekolah, vandalisme, merempit dan berpelesenan – kurang didikan agama - mencemarkan imej keluarga dan sekolah – pelbagai pihak perlu mengambil langkah untuk melahirkan generasi muda yang berakhlak mulia.

Isi – Langkah-langkah pelbagai pihak untuk melahirkan generasi muda yang berakhlak mulia.

1. Ibu bapa – memberikan didikan agama – anak-anak umpama sehelai kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya - contoh ibu bapa menghantar anak ke kelas agama, mengaji - membezakan antara perkara yang baik dengan perkara yang buruk - anak-anak mempunyai ilmu agama sejak kecil – melentur buluh biarlah dari rebungunya.
2. Kerajaan – kempen Akhlak Terpelihara Hidup Sejahtera secara besar-besaran dan berterusan – media massa / media sosial – genggam bara api biar sampai jadi arang – menyiarkan drama, filem, dokumentari, rencana, iklan tentang generasi muda yang berakhlak mulia - contoh rancangan Pesona XY yang disiarkan di TV1 iaitu memaparkan kisah remaja yang berjaya - menjadi ikutan generasi muda - dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan akhlak mulia.
3. Peranan pihak sekolah – menerapkan akhlak mulia - aktiviti kokurikulum, mata pelajaran Pendidikan Islam / Pendidikan Moral/ Bahasa Melayu – contoh aktiviti menulis esei atau sajak tentang akhlak mulia, anugerah Sahsiah Murid Terpuji, guru merekodkan amalan baik murid dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) – akhlak mulia menjadi amalan – alah bisa tegal biasa – melahirkan murid yang bersahsiah tinggi.

Kesimpulan – generasi muda yang berakhlak mulia sangat penting untuk membentuk negara yang harmoni– individu yang berakhlak mulia dapat menaikkan imej negara – menjadi sanjungan – dipandang mulia – Pemuda Harapan Bangsa Pemuda Tiang Negara.

Soalan 2: Domain Pendidikan

Pendahuluan – Isu pencemaran alam sekitar semakin berleluasa - sering diperkatakan – timbul perasaan bimbang – contoh pencemaran udara akibat pembebasan gas karbon monoksida daripada kenderaan – menjejaskan kesihatan – mengganggu ekosistem alam – alam sekitar perlu dipelihara – slogan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

1. **Isi** – Peranan pelbagai pihak untuk memelihara alam sekitar
Ibu bapa – mendidik anak-anak tentang penjagaan alam sekitar sejak kecil – melentur buluh biarlah daripada rebungunya – menanam kesedaran tentang kepentingan memelihara alam sekitar– contoh ibu bapa mendidik anak-anak cara membuang sampah menggunakan kaedah yang mesra alam, - anak-anak akan mengamalkan didikan ibu bapa tentang penjagaan alam sekitar sehingga dewasa
2. **Kerajaan** – menguatkuasakan undang-undang yang lebih tegas – buat pemantauan – ambil tindakan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab – bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing – contoh hukuman penjara dan denda yang tinggi nilainya - jadi pengajaran - dapat meningkatkan kesedaran supaya memelihara alam sekitar.
3. **Media massa** – menyebarkan maklumat tentang pemeliharaan alam sekitar – televisyen, radio, laman sosial, surat khabar dan majalah – tingkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara alam sekitar dalam kalangan masyarakat – contoh menyiarkan iklan, rencana dokumentari tentang pemeliharaan alam sekitar di televisyen – ditonton oleh masyarakat – pupuk tanggungjawab untuk bersama-sama memelihara alam sekitar.

Kesimpulan – alam sekitar penting dalam kehidupan – pembangunan sosioekonomi dan pemeliharaan alam sekitar perlu seimbang – ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak – tanggungjawab semua pihak – Negara Bersih, Rakyat Sihat.

Set 6 Kertas 1

Bahagian A

Pendahuluan – Pada musim buah-buahan, pameran buah-buahan akan dianjurkan oleh pelbagai pihak dalam usaha menggalakkan rakyat Malaysia makan buah. Antara contoh buah-buahan tempatan seperti cempedak, nanas, betik dan jambu batu.

Isi - Fokus 1(Usaha)

1. Pihak kerajaan menganjurkan pesta buah-buahan tempatan – peluang kepada rakyat Malaysia mengenali buah-buahan tempatan yang terdapat di negara kita – memberi peluang kepada generasi muda mengenali spesies buah-buahan tempatan.
2. Kebaikan penganjuran pesta buah-buahan - membantu pengusaha buah-buahan tempatan memasarkan hasil ladang mereka, sekali gus meningkatkan pendapatan
3. Pengunjung berpeluang menikmati kelazatan dan keenakan yang disediakan dan ada dijual – kebanyakan buah-buahan tidak terdapat di semua tempat – pengunjung didedahkan dengan khasiat dan vitamin buah-buahan – pengunjung dapat melihat produk buah-buahan seperti jem, jus, kek dan kuih-muih

Kesimpulan - semua pihak memberikan sokongan untuk mempopularkan buah-buah tempatan – sokongan kepada produk keluaran negara.

Bahagian B

Soalan 1

Pendahuluan – Tahukah anda bahawa laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan peningkatan kes denggi sebanyak lapan peratus pada setiap minggu bermula Januari hingga Jun 2020 dengan jumlah kes 48,584 dan 84 kematian? Hal ini membuktikan masyarakat kita kurang kesedaran dalam menjaga kebersihan persekitaran. Oleh itu, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memastikan kawasan kediaman mereka dalam keadaan bersih?

Isi-isi penting:

1. Komuniti setempat mengadakan program gotong-royong – penduduk setempat melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong – bersih longkang, sampah sarap dan memastikan tidak ada air yang bertakung - penduduk membina landskap masing-masing bagi menitikberatkan aspek kebersihan kawasan persekitaran lebih indah.
2. Kerajaan mengadakan kempen kesedaran kepentingan menjaga persekitaran kawasan kediaman bebas daripada denggi – dijalankan secara besar-besaran dan berterusan – janganlah hangat-hangat tahi ayam - menguar-uarkan di media massa dan media cetak seperti di Tik Tok, Instagram dan Youtube.
3. Media massa menyebarkan kepentingan menjaga kebersihan kawasan kediaman – media massa platform terbaik untuk menghebahkan sesuatu maklumat – televisyen menyiarkan iklan, dokumentari dan poster. Penyampai radio sentiasa mengingatkan masyarakat tentang menjaga kebersihan persekitaran mereka.

Kesimpulan – aspek kebersihan menjaga kediaman perlu dilatih oleh ibu bapa sejak kecil lagi, kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Kediaman yang bersih mencerminkan sikap dan peribadi seseorang. Pelbagai faedah diperoleh individu jika kediaman mereka bersih dan bebas daripada segala penyakit.

Soalan 2

Pendahuluan – Setiap ibu bapa sanggup melakukan apa-apa sahaja demi memastikan anak mereka cemerlang dalam pelajaran. Sekolah menganjurkan kem motivasi kepada pelajar semasa cuti sekolah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang. Sememangnya, setiap pelajar wajar mengikuti kem motivasi tersebut. Terdapat beberapa kepentingan jika pelajar mengikuti kem motivasi.

Isi-isi penting:

1. pelajar akan memperoleh semangat baharu untuk belajar - pelajar akan dirangsang mencapai kecemerlangan dalam pelajaran - teknik belajar yang betul - dapat cepat mengingat kandungan pelajaran yang dibaca dalam jangka masa panjang - kesedaran tentang penggunaan dan pengurusan masa yang betul - pelajar digalakkan membuat jadual belajar dan mematuhi
2. memupuk nilai-nilai murni dalam diri mereka sama ada secara langsung atau tidak secara langsung - nilai hormat-menghormati dan nilai kerajinan - dengan mengamalkan nilai kerajinan, pelajar boleh berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran dan kehidupan
3. dapat menggunakan masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah - ramai pelajar cenderung menghabiskan masa lapang dengan aktiviti kurang berfaedah – contohnya, melepak dan menonton banyak rancangan hiburan di televisyen - pelajar disarankan mengikuti kem motivasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah agar masa lapang tidak terbuang begitu sahaja.

Kesimpulan - terdapat beberapa kebaikan jika pelajar mengikuti kem motivasi. Ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak mereka mengikuti kem motivasi - pihak sekolah wajar mengadakan kem motivasi untuk semua pelajar. Dengan menyertai kem motivasi, pelajar akan mendapat pelbagai pengalaman yang dapat membentuk sikap jati diri mereka.

**Set 1
Kertas 2**

Soalan 1: Morfologi

Kata majmuk

- Suruhanjaya
- luar biasa
- kakitangan
- tanggungjawab
- kerjasama

Contoh ayat

- Satu suruhanjaya telah ditubuhkan oleh Perdana Menteri bagi menangani isu
- Kejadian kepala air yang berlaku di Yan, Kedah sangat luar biasa.
- Perdana Menteri mengumumkan bahawa kakitangan kerajaan akan menerima kenaikan gaji tidak lama lagi.
- Tanggungjawab semua pihak untuk mengekalkan keamanan dan perpaduan negara daripada diceroboh.
- *Kerjasama* antara guru dan murid amat penting dalam membentuk generasi yang cemerlang.

Soalan 2: Sintaksis

1. Peningkatan jumlah kanak-kanak yang obesiti telah dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan dari tahun ke tahun
2. Kekurangan zat makanan yang dialami oleh kanak-kanak kerana cenderung mengambil makanan rapu yang tidak mengandungi nutrien untuk pembersaran.
3. Ilmu pengetahuan dalam pendidikan pemakanan untuk anak-anak hendaklah kita tingkatkan.

Soalan 3: Penyuntingan

Petikan 1

SALAH	BETUL
di dakwa	didakwa
ujikaji	kajian
merasa	mengesan
berdekatan	terdekat
penkaji	pengkaji
habok	habuk

Petikan 2

SALAH	BETUL
masa ke semasa	masa ke masa / semasa ke semasa
mengenai tentang	mengenai / tentang
vandalisma	vandalisme
pada masa kini	pada masa ini / kini
meragukan	membimbangkan
menganding	berganding

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Kertala Sari datang menyembah, "Endah apakah tugas membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada pendapat patik, jika negerinya pun dapat patik kalahkan dengan seorang diri, semua anak isterinya juga dapat patik ambil. Sekiranya patik belum membunuh Ratu Melaka dan Laksamana, patik tidak mahu menjadi penggawa.

Soalan 5: Peribahasa

1. enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
2. sehelai sepinggang
3. kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Soalan 6: Petikan Umum

- i) perangai / tabiat / perlakuan baik
- ii) Bahan 1
- Pandangan yang positif mestilah sentiasa diberikan kepada anak-anak melalui kata-kata motivasi yang berkesan.
 - Pemupukan akhlak dan nilai murni dapat membentuk anak-anak yang berkeyakinan dan mempunyai jati diri yang kukuh
- Bahan 2
- Ibu bapa berperanan mendidik anak-anak agar menjalani gaya hidup sihat
 - memberikan sokongan terhadap pembelajaran anak-anak.
- iii) Aktiviti yang boleh dilakukan oleh murid-murid
- Aktiviti riadah / melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum / menghadiri majlis ilmu
- iv) Cara saya dapat mengelakkannya daripada mengulangi kesalahan itu
- Menasihati agar tidak mengulangi kesalahan.
 - Mengingatkannya bahawa pelajaran sangat penting.
 - Mencadangkannya untuk berjumpa dengan kaunselor.
 - Mengajaknya/memujuknya belajar bersama-sama.

Soalan 7: Petikan Sastra

- i) Keadaan lori
- lori-lori balak yang mengaum sombong
 - Sesekali tubuh lori-lori balak itu terhenjut-henjut
- ii) Bahan 1
- dalam seketika sahaja hutan dara itu telah ternoda.
 - hutan itu telanjang polos, sedangkan selama ini busana hijau yang menutupinya.
 - Yang tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul-tunggul mati.
- Bahan 2
- Sekelip mata hutan musnah / hutan musnah
 - berlakunya hakisan tanah
 - banjir lumpur
- iii) Faedah-faedah
- alam semula jadi / ekosistem lebih terpelihara
 - meningkatkan industri pelancongan negara
 - mengelakkan kepupusan flora dan fauna
 - menjamin sumber kayu balak / hasil hutan untuk masa hadapan
 - meningkatkan imej negara
 - mengawal suhu setempat
- (iv) cara saya untuk mengatasi masalah ini.
- Mengambil gambar dan menularkan di media sosial.
 - Menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan tersebut.
 - Membuat aduan kepada pihak berkuasa
 - Membawa beg plastik sampah ketika melakukan aktiviti rekreasi.

Soalan 8: Novel

- i) Aduan yang dibuat oleh ibu Unong Siron:
- Mengadu tentang kerusuhan yang dialaminya
 - Sama ada berjaya ataupun tidak, ini ialah operasi terakhir yang akan dilalui oleh anaknya.
 - Setakat kali keenam itu sahaja yang mereka mampu.
 - Wang insurans akibat kemalangan yang diterima oleh Unong Siron, hampir habis digunakan untuk membiayai operasi terakhir itu.

- ii) Peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat

Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib

Peristiwa Adnan tidak menyerah kalah walaupun ramai askarnya terkorban. Malah, Adnan juga cedera tetapi masih enggan berundur. Akhirnya Adnan dibunuh di bawah pokok ceri dengan menggunakan bayonet. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab sebagai pejuang tanah air iaitu Adnan dan askarnya menentang tentera Jepun sehingga titisan darah yang terakhir demi mempertahankan negara.

Peristiwa Pak Saidi yang menghantar Adnan setiap pagi ke sekolah Inggeris dengan menaiki basikal. Tindakan Pak Saidi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris ini dikecam dan dituduh sebagai murtad oleh penduduk kampung. Peristiwa ini jelas menunjukkan sikap bertanggungjawab Pak Saidi sebagai seorang bapa yang ingin memberikan pendidikan terbaik kepada anaknya.

Tirani, karya Beb Sabariah

Peristiwa Waheeda membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati anak kepada Zahid. Hal ini dikatakan demikian kerana Zahid tidak mempercayai bahawa Izzati ialah anaknya. Peristiwa ini menunjukkan seorang isteri yang bertanggungjawab membuktikan perkara sebenar kepada suaminya Zahid. Dia sanggup membuat ujian DNA bagi membuktikan perkara ini.

Peristiwa Waheeda ke Singapura menjalani pembedahan pada wajahnya. Ketika di Singapura Waheeda tiada tempat tinggal. Namun, Bazilah menumpangkan Waheeda di rumahnya di Yishun. Peristiwa ini menunjukkan Bazilah seorang sahabat yang bertanggungjawab kerana memudahkan urusan sahabatnya di Singapura dan dia tidak perlu menyewa rumah lain.

Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

Peristiwa seorang pegawai Kebajikan Masyarakat iaitu Puan Hamimah yang membantu menyelesaikan masalah penderaan yang dihadapi oleh Che Jah. Puan Hamimah menasihati Che Jah agar membuat laporan polis supaya tindakan boleh diambil untuk menangkap Seman yang sering memukul Che Jah dan anak-anaknya. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seseorang untuk membantu menyelesaikan kes penderaan seorang suami terhadap isteri.

Peristiwa Danel menyelamatkan rakannya iaitu Lili yang diculik oleh Rafik dan Haziq dan disembunikan di sebuah pondok usang. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang rakan demi menyelamatkan rakan yang diculik.

Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip

Peristiwa Dahlia seorang murid tingkatan 6 yang menguruskan hal keluarganya setelah ibunya Saleha dimasukkan ke hospital kerana menghadapi masalah kemurungan, manakala bapanya Embong dimasukkan ke hospital kerana dipatuk ular. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang anak dalam membantu keluarga untuk menjaga adik-adiknya yang masih kecil.

Peristiwa Embong rajin bekerja di kebun getah dan kelapa sawit Haji Sulaiman semata-mata untuk menyara kehidupan keluarganya. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang bapa yang sanggup bekerja siang malam demi menyara keluarganya

Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

Peristiwa Dr. Raiha bertegas untuk tidak menggugurkan bayi dalam kandungannya yang cacat walaupun telah disuruh oleh suaminya Dr Sadiz. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang ibu iaitu Dr Raiha enggan menurut kemahuan suaminya kerana anak yang dikandung itu ialah anugerah Tuhan yang perlu diterima dengan penuh kasih sayang.

Peristiwa ibu Unong Siron yang sanggup menjaga anaknya Unong Siron sepanjang dirawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Ibu Unong Siron sanggup tidur di atas lantai hospital tersebut semasa menjaga Unong Siron. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang ibu yang sanggup berkorban untuk memastikan anaknya sembuh semasa dirawat di PRPK.

Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Peristiwa kunjungan pelajar Jepun di Balai Cerap Sultan Salahudin seramai 15 murid dan tiga pengiring untuk melihat buruj Orion. Nurul Hafsa telah melayan dengan baiknya pengunjung daripada Jepun itu. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab Nurul Hafsa sebagai pekerja yang melayan tetamu dengan baik.

Peristiwa Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa berusaha untuk memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Peristiwa ini memaparkan tanggungjawab dalam memelihara populasi kelip-kelip.

Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

Peristiwa Azraai memasang *retinal scanner* pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang abang melindungi keselamatan adiknya.

Peristiwa Farisha dan Azraai berbilang terlebih dahulu sebelum Farisha mengambil keputusan untuk menerima tawaran daripada Aqram mengenai projek di Soft Lab sebanyak RM 1.5 juta. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang abang menasihati adiknya sebelum mengambil sesuatu tindakan.

Silir Daksina, karya Nozar Parman

Peristiwa Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya itu. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang ayah bagi memastikan kasih sayangnya terhadap anak tidak putus.

Peristiwa Ai Ling menghadapi masalah pernafasan gigih berlatih sajak dengan Cikgu Zam pada setiap hari sehingga lewat petang untuk menyertai pertandingan. Ai Ling akhirnya memenangi pertandingan sajak yang disertai. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang murid yang gigih berlatih untuk menyertai pertandingan walaupun menghadapi masalah.

BAHAGIAN C: RUMUSAN

Soalan 9: Rumusan

Pendahuluan

- Rumusan membincangkan kepentingan / faedah / manfaat TVET, cabaran / masalah untuk menengahkan TVET dan usaha untuk menarik minat murid menceburi bidang TVET – 2m
- Rumusan membincangkan kepentingan / faedah / manfaat TVET dan cabaran / masalah untuk menengahkan TVET – 1m

- Rumusan membincangkan kepentingan / faedah / manfaat TVET dan usaha untuk menarik minat murid menceburi bidang TVET – 1m
- Rumusan membincangkan cabaran / masalah untuk menengahkan TVET dan usaha untuk menarik minat murid menceburi bidang TVET – 1m

Isi Tsurat Bahan 1 - Kepentingan / Faedah/Kebaikan

K1 - melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi
K2 - memperkukuh kedudukan negara dalam bidang teknologi perindustrian yang semakin pesat
K3 - Menjanakan murid menguasai pekerjaan berasaskan pengetahuan
K4 - membangunkan bakat dan meningkatkan kemahiran rakyat.

Isi Tsurat Bahan 1 – Cabaran / Masalah / Kekangan

C1 - terdapat persepsi bahawa pelajar TVET dikategorikan sebagai pelajar lemah dalam akademik. C2 - program kemahiran lebih cenderung untuk melakukan praktikal berbanding teori.

C3 - Segelintir pengajar TVET yang kurang pengalaman kerja

C4 - Ada juga tenaga pengajar yang kurang mahir mengendalikan peralatan semasa pembelajaran.

Isi Tsurat Bahan 2 - Kepentingan / Faedah/Kebaikan

K5 - memiliki kerjaya lebih baik

K6 - pendapatan lumayan.

K7 - membantu dalam pembangunan negara.

Isi Tsurat Bahan 2 - Langkah

L1 - Pelbagai latihan khusus untuk kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran lain ditawarkan kepada murid.

Isi Tsurat Bahan 3 - Cabaran / Masalah / Kekangan

C5 - kurang berminat untuk belajar TVET.

Isi Tsurat Bahan 3 - Langkah

L2 - Kerajaan telah menyediakan pelbagai pengkhususan yang menarik

Kesimpulannya, bidang TVET hendaklah diperkasa agar dapat melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

**Set 2
Kertas 2**

Soalan 1: Morfologi

Kata Bantu

- Patut.
- Telah.
- Dapat
- Boleh

Kata Hubung

- Untuk.
- Dan
- Yang

Contoh ayat

patut – Remaja patut menghormati orang yang lebih tua daripada mereka.

telah – Asmah telah menghadiri temu duga itu pada petang semalam.

dapat - Lindar telah dapat melanjutkan pelajaran ke Jepun.

boleh – Haslina tidak boleh keluar pada waktu malam kerana tidak diizinkan oleh ibunya.

untuk – Zurina membeli buku rujukan KeBaBoM untuk anak muridnya yang akan menduduki SPM.

dan – Alias dan Shidah sedang berbilang untuk menghasilkan video pembelajaran.

yang – Guru-guru yang berpengalaman telah menghasilkan modul Bahasa Melayu SPM.

Soalan 2: Sintaksis

- Negara kita (S) mempunyai pelbagai kaum dan perayaan (P)
- Penganjuran rumah terbuka (S) dapat merapatkan hubungan masyarakat pelbagai kaum (P)
- Pelancong asing (S) tertarik dengan amalan rumah terbuka di negara kita (P)

Soalan 3: Penyuntingan

SALAH	BETUL
bila	apabila
pembentukkan	pembentukan
sebok	sibuk
diperlukan	memerlukan
pertama	utama
terkesan	berkesan
sosial media	media sosial
betul	baik
apa	apa-apa
remaja hadapi	dihadapi oleh remaja

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Setelah hari malam, Kertala Sari masuk ke dalam kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan bunyi lembing serta perisai bergemeretak / yang sangat kuat. Kertala Sari membaca manteranya / jampinya dan berjalan di tengah-tengah orang ramai lalu masuk ke rumah Bendahara. Dia mencuri harta yang berharga / bernilai dan dibawanya pulang.

Soalan 5: Peribahasa

1. anak angkat
2. bagai menatang minyak yang penuh
3. bagai kaca terhempas ke batu.

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Soalan 6: Petikan Umum

- Maksud rangkai kata *destinasi ideal* ialah tempat sesuai.
- peralatan yang dipamerkan di dalam kedua-dua muzium tersebut
 - mempamerkan pelbagai barangan, pakaian, barang kemas dan peralatan kaum Baba Nyonya
 - mempamerkan koleksi barangan kebudayaan Peranakan iaitu barangan kemas, hiasan dalaman, perabot, pakaian dan infografik berguna tentang kebudayaan mereka
- Langkah menggalakkan kedatangan pelancong melancong ke tempat bersejarah
 - Kerajaan mengadakan kempen yang berterusan tentang tempat bersejarah
 - Syarikat pengangkutan memberikan diskaun untuk membeli tiket
 - Media massa mengiklankan tempat bersejarah yang terdapat di Malaysia.
 - Kementerian Pelancongan mengedarkan risalah tentang keistimewaan tempat bersejarah
 - Pihak kerajaan memelihara dan memulihara tempat bersejarah
- Cara memujuk keluarga memilih melancong dalam negara.
 - memberi penerangan kepada mereka kebaikan melancong dalam negara dengan lebih jelas
 - menunjukkan iklan atau promosi yang menarik jika melancong dalam negara
 - menunjukkan destinasi menarik yang terdapat di dalam negara

Soalan 7: Petikan Sastera

- Raut wajah bermaksud bentuk/tampang/roman muka

ii) Peranan seorang anak

Bahan 1

- membantu meringankan beban ibu
- tidak menyusahkan ibu
- bekerja
- menjaga keluarga

Bahan 2

- memikul tanggungjawab menjaga keluarga
- menggalas amanah yang diberi oleh Tuhan

iii) Cara menghargai kasih sayang seorang ibu

- Menjaganya ketika sakit
- Memberi hadiah pada hari lahir
- Tidak menjatuhkan maruah keluarga
- Bercakap dengan lemah lembut
- Mendoakan kesejahteraannya

iv) Cara meyakinkan rakan anda

- Mensihatinya supaya bersyukur
- Meningkatkan kemahiran komunikasi
- Mendalami kemahiran teknologi maklumat

Soalan 8: Novel

i) Geetha berasa bosan kerana:

- Dia tidak mempunyai kawan
- Ibu Geetha sibuk berniaga
- Geetha terpaksa duduk di rumah dari pagi sampai ke malam.
- Ibu Geetha tidak mahu dia menolongnya di kedai.

ii) Peristiwa yang boleh dijadikan contoh kepada pembaca:

Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

Peristiwa Lili patuh dengan permintaan ibunya untuk balik ke kampung datuk pada cuti sekolah. Peristiwa ini dapat dicontohi oleh pembaca kerana walaupun Lili mempunyai rancangan lain dengan rakan-rakannya iaitu untuk meraikan majlis persaraan pengetuanya, namun Lili akur dengan permintaan ibunya untuk bercuti di kampung datuknya di Dungun, Terengganu. Sebagai seorang anak yang taat, Lili mengikut kata-kata ibunya.

Peristiwa Danel menyelamatkan Lili yang diculik oleh Rafiq dan Haziq. Peristiwa ini boleh dicontohi oleh pembaca kerana Danel sanggup berkorban untuk menyelamatkan rakannya yang diculik. Danel mempunyai semangat seliakawan yang tinggi dan berani menyelamatkan Lili seorang diri.

Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip

Peristiwa Dahlia menyelamatkan Said yang lemas di dalam sungai. Peristiwa ini boleh dicontohi oleh pembaca kerana Dahlia sanggup terjun ke sungai yang deras airnya dan berkeladak demi menyelamatkan Said. Namun Said tidak berjaya diselamatkan. Dahlia tidak menghiraukan nyawanya sendiri tetapi bertekad untuk membantu Said.

Peristiwa penduduk kampung membantu membina semula rumah Embong yang musnah dibawa arus banjir yang deras. Peristiwa ini boleh dicontohi oleh pembaca kerana kita hendaklah membantu mereka yang berada di dalam kesusahan. Apabila bekerjasama, kerja dapat disiapkan dengan cepat dan dapat mewujudkan sikap bantu-membantu sesama kita.

Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

Peristiwa Dr. Raiha yang memanggil dan menegur Felicia di pejabatnya kerana melayan ibu Unong Siron dengan kasar dan biadab. Dr. Raiha mendengar Felicia menengking ibu Unong Siron ketika di hospital. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana Dr. Raiha tidak menegur kelakuan kurang sopan Felicia di hadapan orang ramai sebaliknya menasihatinya dengan cara yang berhemah

Peristiwa Felicia yang menangis dan meminta maaf daripada Dr. Raiha kerana bersubahat dengan Dr. Sadiz yang menyebabkan kematian Rohayu. Dia juga menyesal atas sikapnya selama ini. Malahan Dr. Raiha memaafkannya dan tidak menyimpan dendam. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana kita hendaklah mengaku akan kesalahan diri sendiri dan tidak mengulangi kesilapan yang sama. Sebagai manusia juga kita perlu memaafkan kesalahan orang lain terhadap diri kita.

Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Peristiwa Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik membuat pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar dengan penuh yakin dan berani. Mereka berjaya menjawab setiap soalan yang ditanyakan dengan baik dan bernas. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana kita perlulah bersikap berani dan yakin dalam melakukan apa-apa juga pekerjaan.

Peristiwa Nurul Hafsa yang menghadapi masalah di luar jangkaannya ketika kehadiran rombongan guru dan pelajar dari Jepun ke Balai Cerap, Kuala Selangor yang ingin melihat buruj Orion tetapi tidak kelihatan. Dia telah mengambil langkah bijak bagi menyelesaikan masalah itu dengan mengemukakan hujah yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung tersebut. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca agar tidak panik ketika berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini, sebaliknya perlulah bersikap tenang dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib

Peristiwa Pak Saidi yang membawa Adnan pergi ke kebun getahnya pada waktu pagi untuk mencari rezeki. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca tanpa mengira peringkat umur. Tujuan Pak Saidi membawa Adnan yang ketika itu berusia 10 tahun ke kebun adalah untuk mendidik Adnan tentang usaha untuk mencari rezeki. Pada masa yang sama, Adnan juga dapat membantu bapanya sekali gus meringankan beban bapanya di kebun.

Peristiwa Pak Saidi berkeras untuk menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun dikecam dan dituduh sebagai murtad oleh penduduk kampung. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana hasrat Pak Saidi untuk membela nasib anak-anaknya dengan menyekolahkan mereka ialah tindakan yang bijak. Ilmu amat penting kerana ilmu dapat mengubah nasib atau masa depan seseorang.

Tirani, karya Beb Sabariah

Peristiwa Bazilah menumpangkan Waheeda di rumahnya di Yishun, Singapura ketika Waheeda ke Singapura menjalani pembedahan pada wajahnya. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana menggambarkan pentingnya nilai persahabatan. Sahabat yang baik akan sentiasa membantu sahabatnya yang lain pada bila-bila sahaja.

Peristiwa Kong dan Anati membantu Waheeda memilih pakaian yang sesuai dipakai oleh Waheeda untuk menyertai pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana bantuan sepenuhnya telah diberikan oleh Kong dan Anati terhadap Waheeda yang menyertai pertandingan ini. Melalui bantuan ini, Waheeda telah memenangi pertandingan tersebut.

Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

Peristiwa Azraai memasang retinal scanner pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana kita hendaklah sentiasa melindungi keselamatan orang yang kita sayangi.

Peristiwa Farisha berbincang dengan abangnya dahulu sebelum mengambil keputusan untuk menerima tawaran daripada Aqram mengenai projek di Soft Lab sebanyak RM 1.5 juta. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana kita hendaklah berfikir dan mendapatkan nasihat sebelum mengambil sesuatu tindakan.

Silir Daksina, karya Nizar Parman

Peristiwa Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya itu. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana kita mestilah menyayangi ahli keluarga walau dalam apa-apa jua keadaan.

Peristiwa Ai Ling yang menghadapi masalah pernafasan gigih berlatih mendeklamasi sajak dengan Cikgu Zam pada setiap hari sehingga lewat petang untuk menyertai pertandingan. Ai Ling akhirnya memenangi pertandingan mendeklamasi sajak yang disertainya. Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca kerana kita hendaklah bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara sehingga berjaya.

BAHAGIAN C: RUMUSAN

Soalan 9 : Rumusan

Pendahuluan - Rumusan membincangkan punca obesiti dan kesan obesiti terhadap seseorang.

Isi tersurat Bahan 1 – Punca obesiti

P1 kandungan nutrisi yang tidak seimbang dalam menu harian

P2 mengambil makanan berasaskan karbohidrat secara berlebihan

P3 amalan pengambilan makanan segera

P4 makanan harian yang tinggi kandungan kalورىnya

P5 amalan penggunaan ubat-ubatan tanpa pengawasan doktor

P6 faktor genetik atau keturunan

P7 kadar metabolisme yang rendah

Isi tersurat bahan 1 - Kesan

K1 pergerakan fizikal dan sosial yang terbatas

K2 menghalang seseorang daripada melakukan aktiviti

K3 mudah berasa lesu dan cepat letih

Isi tersurat bahan 2 - Kesan

K4 mengakibatkan serangan jantung

K5 mendatangkan penyakit diabetes

K6 serangan strok secara tiba-tiba

Kesimpulannya, obesiti perlu dielakkan agar kesihatan diri terjamin.

Set 3

Kertas 2

Soalan 1: Morfologi

1. Beberapa - Ayah membelikan beberapa batang pen kepada abang kerana kebanyakannya penya telah kehabisan dakwat.
2. Empat - Empat orang murid Sekolah Menengah Sri Gading telah mengharumkan nama sekolah mereka apabila menjuarai pertandingan pada peringkat antarabangsa.
3. Para - Pengetua Sekolah Menengah Sri Gading sentiasa mendorong para guru sekolahnya agar mereka sentiasa mendidik murid-murid dengan kaedah yang paling berkesan.
4. Banyak - Abang membantu emak mengangkat barang-barang kerana emak membeli begitu banyak barang runcit pada hari ini.

1. Semua - Cikgu Aisyah menasihati semua murid kelasnya agar belajar bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan yang cemerlang.
2. Berpuluh-puluh juta - Pembinaan bangunan baharu dan penyelenggaraan beberapa buah bangunan lama di sekolah kami menelan kos berpuluh-puluh juta.

Soalan 2: Sintaksis

- Ayat tanya
- Ayat penyata
- Ayat seruan
- Ayat perintah

Soalan 3: Penyuntingan

SALAH	BETUL
pengongsian	perkongsian
menukar	bertukar-tukar
baru	baharu
Selain daripada itu	Selain itu
ialah	adalah
prodak	produk
atas talian	dalam talian
daripada	dari
di mana	di mana- mana
langsung	langsung
berbagai	berbagai-bagai / pelbagai / perbagai
tidak	bukan
resepi	resipi

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Dia pun sampai ke istana. Apabila dia mendengar bunyi yang amat kuat, lalu dia menghampirinya; dia melihat senjata dan kayu pukul-memukul, tikam-menikam dan radak-meradak.

Kertala Sari berasa hairan dan berfikir dalam hatinya, "hikmat ini bukan hikmat Melayu tetapi hikmat perajurit Jawa yang bijaksana/hebat." Lalu diambil sebatang kayu dan disarungkannya. Kemudian dipalu oleh kayu hikmat Laksamana terlalu kuat bunyinya.

Soalan 5: Peribahasa

1. alah bisa tegal biasa
2. bertangguh itu pencuri masa
3. di mana ada kemahuan, di situ ada jalan / usaha tangga kejayaan

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Soalan 6: Petikan umum

- i) Maksud *mendatangkan impak ialah membawa/memberi kesan.*
- ii) Cara-cara mengelakkan masalah kesihatan yang berpunca daripada penggunaan alat solek ialah;
 - dilarang berkongsi alat solekan
 - membasuh tangan sebelum menyentuh losen atau apa-apa produk kosmetik
 - membeli alat solek dan produk penjagaan kulit yang *non-comedogenic*
- iii) Kesan-kesan terhadap remaja yang kurang menjaga penampilan dirinya;
 - menonjolkan imej yang kurang baik terhadap diri sendiri
 - kurang didekati oleh rakan-rakan
 - kurang keyakinan terhadap diri sendiri
 - menerima tanggapan buruk orang lain
 - kurang menyerahkan potensi diri
 - kurang dipercayai

- iv) Cara membantu rakan anda agar masalah tidak menjadi lebih rumit
 - menyedarkannya bahawa keutamaannya yang terlebih-lebih terhadap fesyen walaupun di luar kemampuannya adalah salah
 - mengajaknya membudayakan amalan berjimat cermat
 - memberitahunya keburukan sikap suka berhutang
 - menasihatinya agar mengamalkan kesederhanaan
 - memaklumkan dan menemaninya berjumpa kaunselor sekolah supaya diberikan bimbingan.

Soalan 7: Petikan Sastera

- i) - bimbang Faris ditipu sahaja nanti.
- banyak kes penipuan di media sosial.
- kalau berkawan baik, tidak perlu menggunakan nama samaran
- ii) Kebaikan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja.
 - mencari maklumat
 - menyiapkan projek sekolah/Sains
 - berkenalan dan berkawan dengan sahabat dari seluruh dunia
 - berkawan dengan beribu-ribu orang/kenali ramai sahabat
 - tempat bertemu teman sejati
- i) Kepentingan sahabat dalam kehidupan kita
 - dapat membantu kita semasa kesusahan
 - tempat meluahkan perasaan sedih dan gembira
 - tempat meminta pandangan dan nasihat
 - sahabat yang baik dapat membawa kita ke arah sifat yang positif.
- ii) Cara membantu rakan
 - Melibatkan rakan anda dengan aktiviti-aktiviti berkumpul dengan rakan yang lain
 - Membantunya dalam kemahiran sosial seperti kemahiran berjual atau kawalan emosi
 - Galakkan rakan anda mengemukakan idea dan peluang untuk memulakan perbuahan
 - Memklumkan perkara ini dengan guru kaunseling

Soalan 8: Novel

- i) Persiapan-persiapan yang dilaksanakan bagi menghadapi serangan pihak musuh;
 - Kubu-kubu dibina lengkap dengan senjata.
 - Anggota tentera membuat rondaan kawalan di persekitaran perkampungan.
 - Pengawal kampung turut dibekal senjata api bagi melindungi diri daripada serangan.
 - Pengawal kampung dilatih cara-cara menggunakan senjata api dan beberapa taktik peperangan
- ii) Peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca: **Pantai Kasih, karya Azmah Nordin**
Peristiwa Sister Felicia memberi layanan yang buruk kepada salah seorang ibu pesakit. Peristiwa ini berlaku apabila Sister Felicia dengan kasar memanggil ibu Unong Siron dengan panggilan 'sapi tua'. Peristiwa ini memaparkan perbuatan yang tidak wajar dijadikan contoh kerana ternyata Sister Felicia bukan sahaja melanggar etikanya sebagai jururawat malahan tidak menghormati orang yang lebih tua daripadanya.

Peristiwa Dr. Sadiz mengarahkan isterinya, Dr. Raiha menggugurkan kandungannya kerana bayi itu, iaitu anak mereka yang bakal lahir menjadi OKU. Dr. Sadiz malu dengan masyarakat jika anaknya itu cacat. Peristiwa ini tidak wajar dijadikan contoh kerana menggambarkan perlakuan yang tidak berperikemanusiaan dan ditegah oleh agama.

Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusof

Peristiwa gangguan Johan Arlington-Majid dalam sesi pembentangan terbuka projek yang diusahakan oleh Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik kerana dendam dan ketamakan untuk menguasai tender dalam perniagaan. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana dendam Johan Arlington-Majid terhadap bapa Muhammad Taufik dan kesungguhannya untuk merosakkan projek Nurul Hafsa ini menunjukkan sikap seseorang yang suka bersaing secara kotor dalam perniagaan.

Peristiwa Nurul Hafsa dijadikan umpan untuk menculik Muhammad Taufik sehingga akhirnya Muhammad Taufik turut diculik oleh sekumpulan penjahat. Peristiwa ini tidak wajar dijadikan contoh kerana tingkah laku yang digambarkan ini menunjukkan kegiatan jenayah. Kegiatan ini bukan sekadar melanggar undang-undang negara bahkan membahayakan keselamatan mangsa culik.

Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

Peristiwa Karl yang terlalu taasub dengan sains dan teknologi sehingga sanggup menanam pelbagai implan dalam diri Farisha yang hanya merupakan seorang bayi untuk menjadikan Farisha seorang yang genius. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana tindakan ini tidak berperikemanusiaan dan bertentangan dengan agama.

Peristiwa wanita di lapangan terbang yang bercakap di telefon dengan suara yang kuat sehingga mengganggu orang sekeliling. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana perbuatan ini dapat menimbulkan perselisihan faham dan tidak menghormati orang lain.

Silir Daksina, karya Niar Parman

Peristiwa Haiqal bertengkar dengan uminya apabila uminya tidak membenarkan dia ke kampung arwah ayahnya. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana tindakan ini menunjukkan sikap derhaka kepada ibu bapa.

Peristiwa Umi tidak membenarkan Haiqal pergi ke kampung arwah ayahnya di Batu Pahat malahan uminya mengugut bahawa dia tidak memberikan wang belanja kepada Haiqal jika Haiqal ke Batu Pahat. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seorang ibu cuba untuk memutuskan hubungan anak dengan ayahnya.

Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib

Peristiwa Lebai Pian mengemukakan cadangan berbau hasutan agar keluarga Pak Saidi dihalau keluar dari kampung Sungai Ramal jika menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana cadangan Lebai Pian itu kurang penelitian dan rasional. Cadangan ini juga bersifat penganiayaan.

Peristiwa Rumah Adnan didatangi penceroboh yang merosakkan tayar basikal Pak Saidi. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana tindakan penceroboh mengerat tayar basikal Pak Saidi menyusahkan Pak Saidi untuk menghantar Adnan ke sekolah.

Tirani, karya Beb Sabariah

Peristiwa Zahid meragui Izzati anaknya sehingga mendorong Waheeda melakukan ujian DNA selepas melahirkan Izzati. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana menunjukkan ketiadaan sikap saling mempercayai dalam hubungan suami isteri. Sikap ini menjadi punca runtuhnya sesebuah rumah tangga.

Peristiwa Zahid memandang seorang terhadap layanan yang diberikan oleh Waheeda kepada penghuni Tajau Emas, iaitu Dawood yang menghadapi masalah dengan kemudahan di bilik penginapannya. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana Zahid cemburu tidak bertempat apabila melihat Waheeda membantu penghuni bilik penginapan yang menghadapi masalah.

Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

Peristiwa Seman yang sering memukul dan mendera isteri dan anak-anak. Dia seorang kaki pukul, kaki judi, kaki botol dan kaki perempun. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana Seman tidak memberikan contoh yang baik kepada anak-anak dan isteri.

Peristiwa Haziq dan Rafiq menculik Lili semasa Lili dan Danel pulang dari pekan. Rafiq dan Haziq ingin melepaskan diri kerana dikejar oleh orang kampung. Mereka mengambil jalan mudah dengan menculik Lili untuk dijadikan tebusan. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana perbuatan mereka bertentangan dengan undang-undang negara.

Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

Peristiwa Aton yang menyimpan dendam kepada keluarga Embong. Aton menuduh Embong sebagai perancang kematian anaknya, Said. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana menuduh tanpa usul periksa dan berendam boleh menatuhkan maruah orang lain. Aton sepatutnya berterima kasih kepada Dahlia yang telah berusaha untuk menyelamatkan nyawa anaknya.

Peristiwa Abu Bakar yang sanggup mencuri kambing ayahnya semata-mata hendak membelanja kawan-kawannya yang selalu memerlinya kerana dia tidak pernah membelanja mereka. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana mencuri merupakan perbuatan yang tidak baik.

BAHAGIAN C: RUMUSAN

Soalan 9: Rumusan

Pendahuluan - Rumusan membincangkan kepentingan/ faedah amalan hidup bermasyarakat dan langkah-langkah menggalakkan amalan ini.

Isi tersurat Bahan 1

Kepentingan / faedah / kebaikan / manfaat

K1 menjalinkan kerjasama antara satu sama lain

K2 mampu menepis sikap individualistik dalam diri kita

K3 mampu menumpahkan bakti dan memanfaatkan kepakaran

K4 semangat kekitaan juga akan bercambah

K5 pemahaman terhadap perbezaan budaya dan adat resam penduduk pelbagai kaum akan bertambah.

K6 melaksanakan tanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan secara bersama-sama.

Isi tersurat Bahan 1- Langkah / cara

L1 pelaksanaan Rukun Tetangga

L2 aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan taman kediaman.

Isi tersurat Bahan 2 - Langkah / cara

L3 mewujudkan kumpulan Whatsapp komuniti

L4 menganjurkan gotong-royong perdana

L5 menganjurkan hari keluarga komuniti

L6 menganjurkan sukan komuniti

Kesimpulannya, amalan hidup bermasyarakat perlu dipupuk agar dapat membentuk masyarakat yang bersatu-padu.

**Set 4
Kertas 2**

Soalan 1: Morfologi

i) amalan

ii) mulai

iii) rompakan

iv) jauhi

v) hidupkan

Contoh ayat:

i) Amalan – Amalan ziarah-menziarahi amat digalakkan bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara jiran.

ii) Mulai – En. Azhad dilantik menjadi pengurus di syarikat itu mulai minggu hadapan.

- iii) Rompakan – Kejadian rompakan yang berlaku di kedai emas itu telah mengakibatkan banyak kerugian.
- iv) Jauhi – Perbuatan yang tidak bermoral perlu kita jauhi agar hidup kita lebih bermakna.
- v) Hidupkan – Mekanik itu meminta saya hidupkan enjin kereta yang sedang dibaikinya.

Soalan 2: Sintaksis

- i) Mengapakah setiap individu memerlukan makanan yang berkhasiat?
Setiap individu memerlukan makanan yang berkhasiat mengapa?
- ii) Apakah kepentingan makanan seimbang kepada manusia?
Kepentingan makanan seimbang kepada manusia apa?
- iii) Bagaimanakah tubuh badan yang kuat boleh dibina?
Tubuh badan yang kuat boleh dibina bagaimana?
- iv) Mengapakah pertumbuhan fizikal dan mental seseorang itu boleh terencat?
Pertumbuhan fizikal dan mental seseorang itu boleh terencat mengapa?
- v) Siapakah yang perlu membuat perancangan pemakanan harian bagi mengelakkan mengambil makanan secara berlebihan?
Perlu membuat perancangan pemakanan harian bagi mengelakkan mengambil makanan secara berlebihan siapa?
- vi) Di manakah orang ramai boleh melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing?
Orang ramai boleh melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing di mana?

Soalan 3: Penyuntingan

SALAH	BETUL
kehendak	keperluan
buah	batang
keganasan	kerakusan
mengesplotasi	mengeksplotasi
industri	perindustrian
dipelihara	kita pelihara
mengalami	mengalami
antara langkah-langkah	antara langkah / langkah-langkah
kekalkan	mengekalkan
seloroh	seluruh

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Perigi di Batu Pahat itu dibuat oleh orang Siam. Lalu diikut oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Kemudian bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Segala perkara atau hal ehwal yang berkaitan disampaikan oleh bendahara ke bawah Duli Sultan

Soalan 5 : Peribahasa

- i) bagi melepaskan batuk di tangga
- ii) sudah terhantuk baru tergedah
- iii) usaha tangga kejayaan / Di mana ada kemahuan di situ ada jalan / Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
- iv) bapa borek anak rintik / ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Soalan 6: Petikan umum

- i) Maksud rangkai kata *amat penting* ialah sangat mustahak.
- ii) Persamaan etika yang perlu dipatuhi
 - ibu bapa perlu menanamkan semangat perpaduan antara kaum sejak kecil

- Pihak kerajaan hendaklah menyarankan rakyat Malaysia saling mengambil berat antara satu sama lain.
- iii) Manfaat hidup saling bersatu-padu
 - Semangat cinta akan negara dapat dipupuk
 - Menaikkan imej negara
 - Kehidupan yang aman dan tenteram dapat dicapai
 - Mencapai kestabilan politik
 - Mengukuhkan ekonomi negara.
- iv) Cara merapatkan hubungan dengan jiran
 - Menasihati keluarga agar bertegur sapa dengan jiran
 - Mencadangkan kepada ibu bapa untuk bertukar juadah/makanan
 - Mengajak keluarga berkunjung ke rumah jiran untuk sesi perkenalan
 - Menyuruh keluarga mengadakan jamuan dan mengundang jiran
 - Berjumpa dengan jawatankuasa taman untuk mengetahui aktiviti yang dijalankan di kawasan perumahan.

Soalan 7: Petikan Sastera

- i) Pelbagai alasan bermaksud banyak / berbagai-bagai sebab
- ii) Salah laku remaja pada masa ini
 - Bahan 1
 - masalah sosial
 - terlibat dengan dadah
 - Bahan 2
 - hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme
 - tergadai maruah dan harga diri
 - Bahan 3
 - menconteng dinding / vandalisme
 - melepak dan membuang masa
- iii) Ciri-ciri remaja yang cemerlang
 - Berilmu pengetahuan yang luas
 - Mempunyai sahsiah diri yang terpuji
 - Rajin menuntut ilmu
 - Mempunyai tubuh badan yang sihat
 - Aktif dalam aktiviti kokurikulum
 - Cemerlang dalam pelajaran
- iv) Cara membantu
 - Menasihati mereka
 - Memaklumkan kepada guru tingkatan
 - Membawanya berjumpa dengan kaunselor
 - Memaklumkan kepada ibu bapa pelajar tentang keadaan anak mereka
 - Meminta ibu bapa kita untuk memberikan sedikit sumbangan

Soalan 8: Novel

- i) Perkara yang dilakukan oleh Farisha setelah menamatkan perbuahan dengan Azraai:
 - Kekunci merah ditekan
 - Farisha bangun dari sofa
 - membuka jaket berwarna biru tua

- ii) Peristiwa yang dapat memberikan perasaan gembira kepada pembaca

Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

Peristiwa Azraai yang memasang retinal scanner di pintu apartmen rumah Farisha bagi memastikan keselamatan adiknya terjamin. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana jelas menunjukkan Azraai merupakan seorang abang yang sangat bertanggungjawab dan sentiasa mengambil berat tentang keselamatan adiknya itu. Peristiwa Farisha menerima tawaran daripada Syarikat Soft Lab sebanyak 1.5 juta bagi menggodam Sistem Dinara yang dimasuki virus. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Farisha sangat bertuah dan rezekinya sangat murah kerana mendapat tawaran yang sangat lumayan dalam masa yang singkat.

Silir Daksina, karya Nizar Parman

Peristiwa Ai Ling yang berjaya menjadi johan dalam pertandingan mendeklamasi sajak bahasa Melayu sempena Minggu Bahasa Melayu di sekolahnya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Ai Ling merupakan gadis berbangsa Cina tetapi dapat mendeklamasi sajak dengan baik, walaupun dia mempunyai masalah dalam pernafasan.

Peristiwa Umi, Walid dan adik tiri Haiqal telah datang ke kampung Seri Purnama dan melihat Haiqal yang sedang membuat persembahan tarian zapin di balai raya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana akhirnya Umi berlembut hati dan menerima kemahuan Haiqal yang cenderung dalam bidang sastera seperti arwah ayahnya.

Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

Peristiwa datuk menggunakan herba dan akar kayu untuk membantu penduduk kampung mengubati penyakit mereka seperti kencing manis, gout dan darah tinggi. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana datuk dapat membantu Letchumi, William Ng dan Kak Mimah merawat penyakit mereka menggunakan rawatan secara tradisional.

Peristiwa Lili bersama-sama rakannya dapat menyelesaikan isu kubah di kampung datuknya kerana terdapat pelbagai pendapat yang dikemukakan oleh penduduk kampung berkaitan isu kubah ini. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana akhirnya penduduk kampung menerima pendapat mereka supaya kubah itu diletakkan di atas masjid yang akan dibina nanti.

Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip

Peristiwa Saleha kembali sembuh setelah mendapat rawatan di Hospital Permai untuk penyakit kemurungannya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Saleha dapat kembali ke rumah dan sihat seperti sedia kala setelah mendapat rawatan. Dahlia sudah boleh belajar untuk menghadapi peperiksaan STPMnya.

Peristiwa penduduk kampung bekerjasama membina semula rumah Embong yang musnah dihanyutkan oleh banjir besar. kerana rumah Embong telah dibina semula dengan kerjasama oleh penduduk kampung. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana sikap penduduk kampung telah berubah dengan membuang sikap negatif dan mementingkan diri kepada sikap yang lebih baik.

Leftenan Adnan Wira Bangsa, Abdul Latip Talib

Peristiwa Pak Saidi setiap pagi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Namun orang kampung menentangnya kerana menganggap Pak Saidi murtad. Pak Saidi tidak menghiraukan kata-kata orang kampung dan tetap menghantar anaknya ke sekolah Inggeris. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Pak Saidi seorang yang berpendirian teguh dan berpandangan jauh. Dia ingin memberikan pendidikan terbaik kepada anaknya.

Peristiwa Adnan dan rakan-rakannya telah berjaya menamatkan latihan ketenteraan di Port Dickson. Selain itu, Adnan pula telah dinobatkan sebagai rekrut terbaik. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana latihan ketenteraan sangatlah mencabar, namun Adnan dan rakan-rakan berjaya melepaskannya.

Tirani, karya Beb Sabariah

Peristiwa Waheeda memenangi pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa. Dalam pertandingan ini, Waheeda mengenakan busana Melayu asli. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Waheeda berjaya mencapai impiannya untuk menjadi wanita yang cantik. Dia melalui zaman kanak-kanak yang kurang menyenangkan kerana sering diejek oleh kanak-kanak lain akibat berwajah tidak menarik.

Peristiwa Waheeda ditemani keluarganya untuk mendapatkan rawatan kemurungan di Pusat Rawatan Islam. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana tindakan Waheeda mendapatkan rawatan menunjukkan beliau seorang wanita yang cekal dan tabah. Beliau tidak mudah berputus asa apabila berdepan dengan masalah

Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusof

Peristiwa kunjungan pelajar Jepun di Balai Cerap Sultan Salahudin seramai 15 murid dan tiga pengiring untuk melihat buruj Orion. Nurul Hafsa telah melayan dengan baiknya pengunjung daripada Jepun itu. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana pelajar daripada luar negara sudi datang ke Balai Cerap Sultan Salahudin demi melihat buruj Orion.

Peristiwa yang berlaku di Masjid Jamek Sultan Ibrahim. Taufik telah menghadihkan selendang hitam berhias manik kristal kepada Nurul Hafsa serta melamarnya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana akhirnya Taufik meluahkan perasaan kepada Nurul Hafsa dan melamarnya.

Pantai Kasih karya Azmah Nordin

Peristiwa Dr. Sadiz tidak mahu Dr. Raiha melahirkan anak mereka kerana didapati bayi dalam kandungan sindrom down. Dia telah memaksa Dr. Raiha menggugurkan kandungannya. Namun, Dr Raiha tidak mahu menggugurkannya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Dr. Raiha tegas tidak mahu menggugurkan kandungannya.

Peristiwa Felicia menangis dan meminta maaf kepada Dr. Raiha di garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih. Dia mengaku bersubahat dengan kes kematian Rohayu. Dr. Raiha reda dengan perkara yang terjadi dan memaafkan kesalahan Felicia. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Felicia mengakui kesalahan sendiri dan memohon kemaafan.

BAHAGIAN C: RUMUSAN

Soalan 9: Rumusan

Pendahuluan - Rumusan membincangkan kelebihan / manfaat / kebaikan / faedah industri kraf tangan dan usaha-usaha memajukan industri kraf tangan di Malaysia.

Isi tersurat Bahan 1 – Kelebihan

K1 membantu memajukan industri pelancongan negara
K2 dapat meningkatkan hasil pendapatan negara
K3 memperbanyak peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat

K4 menyebabkan nama Malaysia dikenali ramai

K5 mendorong para pelancong untuk datang ke negara kita untuk melihat sendiri cara produk tersebut dihasilkan

K6 masyarakat yang kreatif, inovatif juga dapat dibentuk

K7 dapat mengekalkan warisan dan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat

Isi tersurat Bahan 1 - Langkah-langkah

L1 pihak kerajaan harus memberikan pinjaman modal

L2 pihak yang bertanggungjawab haruslah mengadakan promosi secara besar-besaran

L3 pengusaha kraf tangan perlulah kreatif untuk menghasilkan pelbagai kraf tangan yang unik dan moden

Isi tersurat Bahan 2 - Langkah-langkah

L4 Menyertai kursus/ latihan kraf tangan yang dianjurkan

L5 Mengadakan Hari Kraf Kebangsaan

L6 Mengadakan Kempen Belilah Barangan Kraf Tangan

Kesimpulannya, industri kraf tangan perlu dimajukan demi membantu perkembangan ekonomi negara.

**Set 5
Kertas 2**

Soalan 1: Morfologi

Kata Sendi nama:

- i) di - Digunakan untuk tempat
- ii) untuk - Digunakan untuk menentukan sesuatu yang dibezakan daripada yang lain.
- iii) dengan - Digunakan untuk menyatakan maksud bersama-sama atau serta, bandingan setara, keterangan cara, dan penggunaan sesuatu sebagai alat.
- iv) antara - Digunakan untuk menyatakan pengertian tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak
- v) kepada - Digunakan untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, unsur mujarad (abstrak), menyatakan pecahan dan menyatakan perubahan keadaan

Contoh Ayat:

- i) di - Abang saya bekerja di pasar raya itu.
- ii) untuk - Hadiah ini untuk ibu saya.
- iii) dengan - Ali belajar dengan tekun menjelang peperiksaan.
- iv) antara - Mereka bekerjasama antara satu sama lain untuk menyiapkan tugasan itu.
- v) kepada - Hasfariza mengucapkan tahniah kepada pelajar yang berjaya dalam pertandingan pantun

Soalan 2: Sintaksis

- i) Kaedah pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) sangat sesuai dengan jiwa generasi muda para era teknologi maklumat ini kerana membantu proses pembelajaran menjadi lebih interaktif.
- ii) Konsep pembelajaran abad PAK-21 lebih mengutamakan aktiviti didik hiburan yang memudahkan murid memahami sesuatu topik pelajaran.
- iii) Murid mengalami suasana pembelajaran baharu dan berasa sangat seronok belajar di dalam kelas.

Soalan 3: Penyuntingan

SALAH	BETUL
teknologi	teknologi
dipengaruhi	dipengaruhi
sosial media	media sosial
mendapat	mendapatkan
Walaubagaimanapun	Walau bagaimanapun
negetifnya	negatifnya
merbahaya	berbahaya
kerana	sebab
gaya	aksi

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Terdengar berita di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya disebabkan muntah darah dan dadanya seperti kena panah. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar berita itu, titah baginda, "Benarlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah yang mempunyai keramat."

Baginda memberi pujian kepada Tuan Sidi Arab dan memberikan penganugerahan yang selayaknya / sepatutnya. Setelah empat puluh dua tahun Sultan Muzaffar Syah menduduki takhta kerajaan, lalu baginda pun mangkat.

Soalan 5: Peribahasa

- Bagai aur dengan tebing
- Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
- Ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Soalan 6: Petikan umum

- i) Maksud rangkai kata sepanjang hayat seluruh / segenap kehidupan / umur / usia.

- ii) Cara-cara untuk menunjukkan sikap patriotik:

Bahan 1

- mematuhi setiap undang-undang
- memahami hak dan kebebasan orang lain yang terkandung dalam perlembagaan
- menghormati dan menghargai hak orang lain

Bahan 2

- setiap individu hendaklah menunjukkan perlakuan menghormati raja, pemimpin negara dan lambang atau simbol negara seperti bendera serta lagu kebangsaan Malaysia.
- Jalur Gemilang dipasang / dikibarkan di laluan utama bangunan kerajaan.
- kita perlu berdiri tegak ketika lagu Negaraku berkumandang .

- iii) Aktiviti-aktiviti menarik

- mengadakan pertandingan bertemakan kemerdekaan secara dalam talian seperti deklamasi sajak dan nyanyian.
- menghasilkan video dokumentari tentang kemerdekaan untuk ditonton oleh murid-murid di rumah
- menerapkan semangat kemerdekaan dalam PdPR

- iv) Bantuan untuk menarik sokongan masyarakat agar terlibat secara aktif dalam program.

- Mencadangkan aktiviti menarik seperti cabutan bertuah
- Menghebahkan program ini melalui media sosial seperti Facebook.
- Mempromosikan aktiviti yang dijalankan
- Mengajak dan memujuk masyarakat agar terlibat sama

Soalan 7: Petikan sastera

- i) Maksud rangkai kata bijak memanfaatkan - pandai / cerdik menggunakan sebaik-baiknya.

- ii) Fungsi-fungsi bahan semula jadi yang digunakan dalam perubatan tradisional.

Bahan 1

- hampas kopi dijadikan losen tangan
- hampas teh untuk menyegarkan mata
- ubi kayu bagi menghilangkan buasir
- lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala

Bahan 2

- ulam raja pencuci darah
- hempedu bumi penyembuh luka dan tekanan darah dapat dikawal

Bahan 3

- jering agen pelawas
- mengkudu mengawal darah
- pucuk gajus awet muda

- iii) Langkah-langkah untuk memperkenalkan perubatan tradisional

- kerajaan mengadakan kempen/hebahan tentang manfaat perubatan tradisional
- kerajaan memberi bantuan modal/ bantuan kewangan kepada pengusaha perubatan tradisional
- kerajaan mewujudkan jaringan pasaran untuk perubatan tradisional
- kerajaan mengeluarkan sijil halal untuk produk perubatan tradisional

- iv) Tindakan

- memberikan penjelasan kepada masyarakat tentang kebaikan rawatan tradisional
- membuat video tentang kaedah perubatan tradisional dan memuat naik di media sosial
- membuat demonstrasi kaedah perubatan tradisional
- menawarkan rawatan percuma kepada pesakit yang pertama kali mencubanya

Soalan 8: Novel

- i) Ciri-ciri negeri Terengganu seperti yang diperkatakan oleh See Hwa:
- pantai yang indah
 - pulau yang indah
 - penyu-penyu yang bertelur di Rantau Abang
 - kehalusan sutera di Pasar Payang
 - kehalusan batik di Pasar Payang
- ii) Peristiwa yang memberikan inspirasi kepada kehidupan anda

Di Sebalik Dinar, karya Dayang Noor

Peristiwa Azraai memasang retinal scanner pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha. Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya untuk sentiasa melindungi orang yang saya sayangi.

Peristiwa Aqram yang disuruh oleh Karl untuk mencari Farisha telah berjaya mendapatkan DNA Farisha melalui kesan air liur pada cawan Farisha. Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya iaitu kita hendaklah menjalankan amanah dengan penuh tanggungjawab.

Silir Daksina, karya Nizar Parman

Peristiwa Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya itu. Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya untuk membuat kebaikan kepada orang yang saya sayangi.

Peristiwa Ai Ling yang menghadapi masalah pernafasan gigih berlatih mendeklamasikan sajak dengan cikgu Zam pada setiap hari sehingga lewat petang untuk menyertai pertandingan. Ai Ling akhirnya memenangi pertandingan mendeklamasikan sajak yang disertainya. Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya untuk melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya.

Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

Peristiwa datuk masuk ke hutan seorang diri untuk mencari akar kayu dan tumbuhan herba untuk dijadikan ubat dalam rawatan tradisionalnya. Herba dan akar kayu ini akan digunakan untuk merawat pelbagai penyakit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis dan gout. Peristiwa ini memberi inspirasi kepada saya untuk mengetengahkan produk berasaskan herba dan akar kayu dalam perubatan tradisional supaya setanding dengan rawatan moden untuk mengubah pelbagai penyakit.

Peristiwa Lili yang pandai berbahasa mandarin semasa dia dan Danel membeli herba yang di sebuah kedai ubat Cina di pekan. Selain itu, Lili juga boleh menguasai bahasa Thailand, Jepun, Latin dan Spanish. Peristiwa ini memberi inspirasi kepada saya untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa supaya saya dapat bergaul dengan lebih ramai rakan daripada bangsa lain.

Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip

Peristiwa Dahlia yang berjaya dalam pelajaran dan ditawarkan mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan di Jepun walaupun dia menghadapi pelbagai dugaan dalam hidupnya. Peristiwa ini memberi inspirasi kepada saya supaya belajar bersungguh-sungguh agar memperoleh pekerjaan yang baik dan dapat membantu ibu bapanya keluar daripada kemiskinan.

Peristiwa persahabatan yang baik antara Tauke Lim dengan keluarga Embong walaupun berlainan agama. Tauke Lim sering membantu Embong yang hidup susah kerana Embong merupakan sahabat lamanya yang sangat akrab dan mereka sama-sama merantau dari Melaka dan menetap di Kampung Parit Haji Rais. Peristiwa ini memberi

inspirasi kepada saya supaya kita berbaik-baik dengan semua orang tanpa mengira agama dan bangsa.

Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib

Peristiwa Adnan memenangi pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris. Dalam pertandingan ini, seramai 20 peserta dari darjah satu hingga enam mengambil bahagian. Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya kerana Adnan yang tidak fasih bertutur bahasa Inggeris begitu bersemangat untuk menyertai pertandingan itu dan muncul sebagai juara.

Peristiwa Leftenan Adnan dan askar Melayu berjuang bermati-matian untuk mempertahankan negara di Bukit Candu. Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya kerana semangat cinta akan negara yang ditunjukkan oleh Leftenan Adnan dan askar Melayu amat membanggakan. Sikap tidak mengalah dan terus berjuang itu wajar dijadikan inspirasi kepada saya dan semua pihak yang menghadapi cabaran dan dugaan dalam kehidupan.

Tirani, karya Beb Sabariah

Peristiwa Waheeda ditemani keluarganya untuk mendapatkan rawatan kemurungan di Pusat Rawatan Islam. Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya kerana tindakan Waheeda mendapatkan rawatan menunjukkan beliau seorang wanita yang cekal dan tabah. Beliau tidak mudah berputus asa apabila berdepan dengan masalah.

Peristiwa Waheeda memenangi pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa. Dalam pertandingan ini, Waheeda memakai busana Melayu asli. Waheeda berjaya mencapai impiannya untuk menjadi wanita yang cantik. Waheeda melalui zaman kanak-kanak yang kurang menyenangkan kerana sering diejek oleh kanak-kanak lain akibat berwajah tidak menarik. Peristiwa ini menginspirasi saya agar berusaha bersungguh-sungguh mengejar impian sehingga berjaya.

Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

Peristiwa Dr. Raiha yang sanggup memikul tanggungjawab untuk melakukan pembedahan sendi tulang pinggul ke atas Unong Siron. Pembedahan ini telah berjaya setelah lima kali mengalami kegagalan yang dilakukan oleh Dr. Uwang. Peristiwa ini memberi inspirasi kepada saya agar melakukan sesuatu tugas yang telah diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dan berdedikasi.

Peristiwa Dr. Raiha yang tetap dengan pendiriannya dan bersikap tegas untuk tidak menggugurkan kandungannya walaupun didesak oleh suaminya Dr. Sadiz. Dia menjaga anaknya Rohayu dengan penuh kasih sayang walaupun anaknya dilahirkan kurang sempurna. Peristiwa ini memberi inspirasi kepada saya agar berani dalam membuat sesuatu keputusan dan tidak mengikut perasaan dalam mengambil sesuatu tindakan.

Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusof

Peristiwa Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik membuat pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar dengan penuh yakin dan berani. Mereka berjaya menjawab setiap soalan yang ditanyakan dengan baik dan benar. Peristiwa ini memberi inspirasi kepada saya agar berkeyakinan tinggi dan bersikap berani dalam melakukan sesuatu perkara.

Peristiwa kegigihan Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa untuk memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor, walau pun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya agar tidak mudah berputus asa dan gigih dalam membuat sesuatu perkara.

BAHAGIAN C: RUMUSAN

Soalan 9: Rumusan

Pendahuluan - Rumusan membincangkan faedah-faedah / kepentingan-kepentingan / manfaat-manfaat mempelajari mata pelajaran Sejarah dan sebab-sebab murid tidak minat mempelajarinya

Isi tersurat Bahan 1 - Faedah mempelajari mata pelajaran Sejarah:

F1 mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan

F2 menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa

F3 rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini

Isi tersurat Bahan 1 - Sebab murid tidak minat mempelajari Sejarah:

S1 mata pelajaran ini susah

S2 membosankan

S3 nilai sejarah itu hanya diingati semata-mata untuk lulus peperiksaan.

S4 generasi muda juga tidak diberi penekanan oleh ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan mempelajari sejarah

Isi tersurat Bahan 2 - Faedah mempelajari mata pelajaran Sejarah

F4 mendidik rakyat untuk menyayangi negara

F5 menjadi rujukan dan pedoman

Isi tersurat Bahan 3 - Faedah mempelajari mata pelajaran Sejarah:

F6 mengenal, memahami dan menghayati akar umbi ketamadunan bangsa

F7 memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan keiktiaan bangsa Malaysia

F8 memberi pemahaman menyeluruh dan gambaran yang lengkap tentang sejarah negara dan sejarah dunia

Kesimpulannya, mata pelajaran Sejarah perlulah dipelajari agar negara dapat mengekalkan kemerdekaan negara.

**Set 6
Kertas 2**

Soalan 1: Morfologi

Kata adjektif perasaan:

- i) mesra
- ii) akrab
- iii) gembira
- iv) kecewa
- v) bangga

Contoh ayat:

- i) Pelayan hotel itu melayan penghuni hotel dengan mesra sekali.
- ii) Hubungan persahabatan yang akrab antara Lina dan Mei Lin wajar dicontohi.
- iii) Saya berasa gembira kerana mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.
- iv) Peserta pertandingan itu berasa kecewa kerana keputusan pertandingan itu tidak memihak kepada mereka.
- v) Emak berasa bangga akan kejayaan yang dicapai oleh kesemua anaknya

Soalan 2: Sintaksis

- i) FN+FK
- ii) FN+FA
- iii) FN+FN
- iv) FN+FS
- v) FN+FK
- vi) FN+FK

Soalan 3: Penyuntingan

SALAH	BETUL
adalah	ialah
di antara	antara
kedua	kedua-dua
di kalangan	dalam kalangan
kebanyakkan	kebanyakan
pada	kepada
seringkali	sering kali
prestij	prestasi
disiplin	disiplin
insentif	inisiatif
menceriakan	menjernihkan

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Seri Bija Diraja ada seorang anak bernama Tun Umar, sangat berani, mempunyai tingkah laku / sikap / perangai gila-gila bahasa. Tun Umar pergi dengan sebuah perahu yang bergerak secara olang-oleng. Apabila bertemu dengan perahu Siam yang banyak, dia melanggar sekali dan dua tiga buah perahu Siam kalah, lalu dia ke sebelah; dia berubah arah, dilanggarnya perahu Siam yang lain, hal yang sama / perkara yang sama terjadi dua tiga buah perahu Siam kalah. Lalu Tun Umar pun balik. Orang Siam berasa hairan melihat tingkah laku / perangai / kelakuan Tun Umar.

Soalan 5: Peribahasa

- i) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri
- ii) Jauh perjalanan luas pandangan
- iii) Ukur baju di badan sendiri
- iv) Serampang dua mata

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Soalan 6: Petikan umum

- i) Kesan buruk bermaksud impak negatif.
- ii) Kesan pencemaran udara Bahan 1 dan 2:
 - Bahan 1
 - memberikan kesan buruk terhadap tumbuh-tumbuhan seperti keguguran daun, pertukaran warna dan perubahan pertumbuhan akibat daripada udara yang kotor.
 - menyebabkan penghadaman haiwan terjejas
 - haiwan-haiwan terancam dan terbunuh.
 - Bahan 2
 - penyusutan lapisan ozon bumi yang melindungi hidupan di bumi ini daripada radiasi sinaran ultraungu yang berbahaya
 - kehidupan masyarakat akan terjejas apabila menghidu udara yang kotor.
- iii) Pada pendapat saya, kebaikan-kebaikan yang akan diperoleh sekiranya masyarakat bekerjasama mengurus alam sekitar ialah:
 - kesihatan masyarakat terjamin
 - ekosistem alam menjadi stabil
 - habitat flora dan fauna terpelihara
 - demi kelangsungan hidup generasi akan datang
 - menarik kedatangan pelancong
- iv) Langkah praktikal ialah saya akan:
 - berbincang dengan ketua kampung / taman tentang masalah masyarakat yang tidak mengurus sampah-sarap dengan baik
 - kempen / poster untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan
 - mencadangkan mengadakan pertandingan / hadiah rumah yang bersih dan ceria
 - mendekati penduduk kampung / taman dan berbincang dari hati ke hati

Soalan 7: Petikan sastra

- i) Rangkaian kata *cekkaman orang berkuasa* bermaksud genggaman / kekuasaan / penindasan insan / pihak / orang berpangkat / berhak / beribawa
- ii) Persamaan nasib Pak Kaduk dan Hakim:
 - Pak Kaduk ditimpa nasib malang yang bertimpa-timpa akibat sikapnya sendiri.
 - Kampung/tanah Pak Kaduk tergadai kerana menyabung ayam.
 - Pak Kaduk dan Hakim sama-sama membela ayam
 - Pak Kaduk dan Hakim sama-sama menggadai tanah
 - Pak Kaduk dan Hakim terpaksa mengikut telunjuk orang yang berkuasa
- i) Negara perlu mengeluarkan makanan yang mencukupi:
 - keperluan rakyat dalam negara dapat dipenuhi
 - tidak terlalu bergantung terhadap import makanan dari luar
 - tidak terdedah dengan spekulasi turun naik harga di pasaran
 - negara mampu berdikari
 - negara tidak menjadi mangsa ketamakan negara-negara pengeluar makanan yang ingin mengaut keuntungan dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya
- ii) Cara anda membantu rakan memajukan penternakan:
 - Berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang bidang penternakan
 - Membimbingnya menyediakan kertas cadangan yang terbaik untuk permohonan pinjaman bank
 - menggalakkannya menyertai kursus yang dianjurkan FAMA atau badan-badan lain
 - memberi keyakinan dan dorongan kepadanya tentang prospek masa depan bidang penternakan.
 - menasihatinya untuk menyertai pengusaha Industri Kecil Sederhana(IKS)
 - menolongnya menyediakan brosur untuk mempromosi hasil ternakannya.

Soalan 8: Novel

- i) Pesanan yang disampaikan oleh Ghazi kepada Waheeda:
 - manusia yang tidak dapat kegembiraan dalam hidup boleh menjadi gila
 - Janganlah lagi bersedih atau menjurus ke arah itu iaitu berasa sedih.
 - Jangan kita jadi bodoh mengingati perkara lalu.
 - Bukalah lembaran hidup baharu
- ii) Sebab-sebab novel wajar dibaca oleh golongan remaja: **Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib**
Remaja wajar membaca novel kerana peristiwa yang berlaku dalam novel ini dapat memupuk semangat cinta akan negara yang tinggi dalam diri remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana Leftenan Adnan dan askar Melayu sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan negara. Semangat cinta akan negara yang tinggi dapat dilihat apabila mereka bermati-matian mempertahankan negara di Bukit Candu

Remaja wajar membaca novel kerana watak utama novel ini iaitu Adnan dapat memberikan inspirasi kepada remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana Adnan memenangi pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris walaupun dia tidak mahir berbahasa Inggeris. Dalam pertandingan ini, Adnan muncul sebagai juara setelah menewaskan seramai 20 peserta dari darjah satu hingga enam.

Tirani, karya Beb Sabariah

Remaja wajar membaca novel kerana novel ini dapat memupuk rasa insaf dalam diri dan mereka boleh mengambil iktibar / pengajaran daripada peristiwa yang dipaparkan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang

memaparkan banyak konflik dalam keluarga. Contohnya, konflik rumah tangga Waheeda dan Zahid yang musnah akibat sikap cemburu. Sikap negatif ini harus dielakkan bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan keluarga.

Remaja wajar membaca novel kerana watak dalam novel ini dapat dicontohi melalui sikap rajin menelaah pelajaran untuk kejayaan masa depan. Waheeda rajin belajar sehingga memperoleh ijazah dalam bidang pengurusan perniagaan dan pelancongan. Begitu jugalah dengan Zahid yang rajin dan tekun belajar di Amerika Syarikat sehingga memperoleh sarjana dalam bidang undang-undang.

Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

Novel Jendela Menghadap Jalan wajar dibaca oleh remaja kerana watak utamanya Lili seorang murid tingkatan 5 yang sangat taat kepada arahan ibunya. Dia mengikut kata ibunya supaya pulang ke kampung datuknya di Dungun pada cuti persekolahan, walaupun dia telah berjanji dengan rakan-rakannya untuk meraikan majlis persaraan pengetuanya. Walaupun dia berat hati untuk pulang ke rumah datuk dan neneknya tetapi sebagai seorang anak yang taat, dia mengikut kata ibunya supaya bercuti di kampung halaman datuknya. Peristiwa ini memberi pengajaran kepada remaja supaya taat akan kata ibu bapa demi menggembirakan mereka.

Novel Jendela Menghadap Jalan wajar dibaca oleh remaja kerana perwatakan Lili yang sangat prihatin dengan nasib malang yang menimpa seseorang. Nasib malang Che Jah yang sering didera dan dipukul oleh suaminya, Seman menimbulkan rasa simpati Lili untuk membantu Che Jah dengan meminta pertolongan Kak Hamimah. Kak Hamimah dan Lili meminta Che Jah membuat laporan polis supaya kes penderaan ini dapat diketengahkan untuk diambil tindakan. Akhirnya, Seman telah ditangkap dan dipenjarakan atas kesalahan melakukan penderaan. Peristiwa ini perlulah dicontohi oleh remaja supaya sentiasa membantu mereka yang ditimpa masalah

Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip

Novel Songket Berbenang Emas wajar dibaca oleh remaja kerana mempunyai peristiwa yang memberi pengajaran kepada remaja supaya sentiasa mementingkan keluarga dan menjadi seorang anak yang bertanggungjawab. Contohnya, watak utamanya iaitu Dahlia merupakan seorang murid tingkatan 6 atas yang sangat bertanggungjawab terhadap keluarganya. Dahlia terpaksa berkorban untuk keluarganya dengan keluar dari asrama dan terpaksa ponteng sekolah semata-mata untuk menjaga adiknya Anggerik yang masih kecil.

Novel Songket Berbenang Emas wajar dibaca oleh remaja kerana memaparkan peristiwa yang wajar diteladani oleh remaja supaya sentiasa membantu mereka yang ditimpa masalah dan jangan mementingkan diri sendiri. Contohnya, Dahlia yang membantu mereka yang ditimpa masalah dan tidak mementingkan diri sendiri. Dahlia cuba menyelamatkan Said yang lemas di sungai, walaupun dia tidak pandai berenang tetapi dia terjun ke sungai untuk membantu Said.

Bima Sakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusof

Novel yang saya pelajari ialah Bima Sakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusof. Sebab-sebab novel ini wajar dibaca oleh golongan remaja kerana keberanian dalam menyampaikan hujahnya. Contohnya, peristiwa kunjungan pelajar Jepun di Balai Cerap Sultan Salahudin untuk melihat buruj Orion. Namun, buruj Orion gagal dilihat kerana langit terlalu cerah disebabkan pencemaran cahaya. Nurul Hafsa sebagai Pegawai Sains dan Alam Sekitar berani memberikan hujah dan

berjanji akan memulihkan kembali keadaan alam sekitar supaya buruj Orion dapat dilihat.

Selain itu, sebab lain novel ini wajar dibaca oleh golongan remaja kerana memaparkan hubungan kasih sayang antara ahli keluarga. Walaupun Taufik di Malaysia dan ibunya Puan Wickham di Tokyo, mereka saling merindu. Mereka terpisah kerana ibunya bercerai dengan ayahnya Tan Sri Muhaemin. Akhirnya Taufik berjaya menyatukan ibu dan bapanya disebabkan ikatan kasih sayang yang masih kuat antara mereka.

Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

Novel yang saya pelajari ialah novel Pantai Kasih, karya Azmah Nordin. Sebab-sebab novel ini wajar dibaca oleh golongan remaja kerana memaparkan watak seorang wanita yang berpendirian teguh dan menyayangi anaknya. Contohnya, Dr. Raiha berpendirian teguh dan tetap tidak mahu menggugurkan kandungannya walaupun Dr. Sadiz tidak mahu Dr. Raiha melahirkan anak mereka kerana didapati bayi dalam kandungan tersebut sindrom down.

Selain itu, sebab lain novel ini wajar dibaca oleh golongan remaja kerana memaparkan ketinggian peribadi seseorang dengan memaafkan kesalahan orang lain. Contohnya, peristiwa Felicia menangis dan meminta maaf kepada Dr. Raiha di garaj kereta PRPK. Dia mengaku bersubahat dengan kes kematian Rohayu. Dr. Raiha reda dengan perkara yang terjadi dan memaafkan kesalahan Felicia.

Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

Remaja wajar membaca novel kerana memaparkan peristiwa yang mampu memupuk perasaan kasih sayang antara ahli keluarga. Sebagai contoh, Azraai begitu menyayangi adik angkatnya, Farisha sehingga sanggup memasang retinal scanner pada pintu rumah Farisha untuk melindungi keselamatannya.

Remaja wajar membaca novel kerana watak dalam novel ini dapat dijadikan contoh/idola dalam kehidupan seharian melalui kebijaksanaannya dalam menjalankan tugas. Sebagai contoh, Aqram yang disuruh oleh Karl untuk mencari Farisha telah berjaya mendapatkan DNA Farisha melalui kesan air liur pada cawan Farisha.

Silir Daksina, karya Nizar Parman

Remaja wajar membaca novel kerana peristiwa yang berlaku dalam novel ini dapat memupuk perasaan kasih sayang antara ahli keluarga. Sebagai contoh, Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya itu.

Remaja wajar membaca novel kerana watak dalam novel ini boleh dicontohi melalui kegigihannya untuk mencapai kejayaan. Sebagai contoh, Ai Ling yang menghadapi masalah pernafasan gigih berlatih sajak dengan cikgu Zam pada setiap hari sehingga lewat petang untuk menyertai pertandingan. Ai Ling akhirnya memenangi pertandingan sajak yang disertainya.

*Pokok kelulut tepi perigi,
teduh redup akar selirat;
ilmu dituntut tidaklah rugi,
bekalan hidup dunia akhirat.*

Cikgu Lindar Nor

Ketua Penggubal Modul YaPEIM Bahasa Melayu 2022

BAHAGIAN C: RUMUSAN

Soalan 9: Rumusan

Pendahuluan - Rumusan membincangkan cabaran memajukan sektor pertanian berasaskan makanan dan langkah-langkah meningkatkan pengeluaran sektor pertanian berasaskan makanan.

Isi tersurat Bahan 1 - Cabaran memajukan sektor pertanian berasaskan makanan

C1 berlaku pemisahan antara sektor komoditi industri dengan sektor makanan. berlaku pemisahan antara sektor komoditi industri dengan sektor makanan.

C2 sektor maju seperti kelapa sawit lebih menarik sokongan kerajaan dan pelaburan swasta kerana memberikan pulangan yang tinggi

C3 sokongan yang diberikan oleh kerajaan tidak mencukupi.

C4 cabaran kesan kehilangan kepelbagaian biologi di dalam hutan akibat daripada penebangan hutan untuk membina ladang.

C5 Masalah kepupusan beberapa spesies hidupan liar termasuk orang utan.

Isi tersurat Bahan 1 - Langkah-langkah meningkatkan pengeluaran sektor pertanian berasaskan makanan.

L1 pihak kerajaan perlu sedar dan mengambil tindakan drastik dengan meningkatkan penggunaan tanah terbiar secara maksimum

L2 penggunaan teknologi moden dalam pertanian wajar ditingkatkan.

Isi tersurat Bahan 2 - Langkah-langkah meningkatkan pengeluaran sektor pertanian berasaskan makanan

L3 Kerajaan menyediakan latihan/bengkel kepada petani

L4 Kerajaan menyediakan modal kepada petani

L5 Kerajaan menjalankan penyelidikan dan pembangunan hasil tani

Kesimpulannya, sektor pertanian berasaskan makanan perlu diberi perhatian serius agar dapat memajukan ekonomi negara.

Kertas 4

Petikan 1

1. untuk merencanakan sektor pelancongan domestik negara.
2. diskaun, baucar dan rebat
3. SALAH / BETUL / BETUL
4. C

Petikan 2

1. b (✓)
2. - tidak memakai topi keledar
- keadaan motosikal yang tidak baik
- penunggang motosikal yang tidak mematuhi undang-undang di jalan raya
- menunggang motosikal secara berbahaya
3. kehilangan nyawa dan anggota badan
4. b. Aiman dan Umairah

Petikan 3

1. Kerjaya yang stabil dan ganjaran menarik
2. Januari 2022
3. B. 2,500
4. memperoleh gaji lebih tinggi
5. kenaikan inflasi dan kos sara hidup

Petikan 4

1. pembalakan yang tidak terkawal, penerokaan tanah secara berleluasa dan pembuangan sisa pepejal.
2. teknologi hijau
- 3.

(i)	/
(ii)	/
(iii)	X

SEMOGA MEMBERIKAN MANFAAT



INSPIRASI PENDIDIKAN YaPEIM 2022

Sijil Pelajaran Malaysia

BAHASA MELAYU SPM 2022



**CIKGU HASLINDAR
NOR BINTI ISMAIL**

KETUA PENGGUBAL



**CIKGU ZURINA
BINTI OTHMAN**

PENGGUBAL



**CIKGU ASMAH
BINTI TAYEB**

PENGGUBAL



**CIKGU ALIAS
BIN DERAIS**

PENGGUBAL



**CIKGU HASLINA BINTI
EDROS @ MOHAMED**

PENGGUBAL



**CIKGU NORASHIDAH
BINTI ARIS**

PENGGUBAL

ISBN 978-967-2385-17-2



9 7 8 9 6 7 2 3 8 5 1 7 2



www.yapeim.my info@yapeim.my

TERUS MELONJAK MEMACU KEJAYAAN
#IngatKebajikanIngatYaPEIM